



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN



BUKU
**LAPORAN
TAHUNAN 2021**





KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN



BUKU LAPORAN TAHUNAN 2021





ISI

KANDUNGAN

M/S | TAJUK


- 06 Perutusan Menteri MAFI
- 07 Perutusan KSU MAFI
- 08 Carta Organisasi
- 10 Visi, Misi, Objektif, dan Fungsi
- 12 Latar Belakang Sekuriti Makanan Negara
- 14 Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
- 30. Bahagian Antarabangsa
- 42. Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP)
- 52. Bahagian Pemodenan Pertanian
- 60. Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan
- 74. Bahagian Sekuriti Makanan
- 84. Bahagian Pembangunan Industri Padi

M/S | TAJUK

- 96. Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani
- 104. Bahagian Pembangunan
- 108. Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian
- 112. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- 118. Bahagian Kewangan
- 122. Bahagian Pengurusan Maklumat
- 128. Bahagian Pentadbiran
- 134. Bahagian Akaun
- 140. Pejabat Penasihat Undang-undang
- 146. Unit Audit Dalam
- 156. Unit Integriti
- 164. Unit Komunikasi Korporat



PERUTUSAN MENTERI MAFI



**YB DATUK SERI DR.
RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI MAKANAN**

**“PERTANIAN MENJANA EKONOMI”
“MEMARTABATKAN SEKURITI
MAKANAN NEGARA”**

Selamat Sejahtera,

Terima kasih kepada Ketua Setiausaha dan seluruh warga kerja MAFI, Jabatan dan Agensi di bawahnya yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) MAFI sepanjang tahun 2021 sehingga menjadikan prestasi MAFI berada pada tahap yang sangat baik.

Laporan ini merupakan dokumen yang merakamkan pelbagai detik kejayaan Kementerian melalui program dan aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2021. Sesungguhnya, kejayaan yang telah dicapai adalah hasil kerjasama dan komitmen yang jitu daripada semua warga MAFI, Jabatan dan Agensi di bawahnya. Semangat kerja berpasukan dan persefahaman dalam melaksanakan amanah perlu dijadikan pegangan bagi meningkatkan produktiviti dan kreativiti serta kekal relevan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Pemulihan ekonomi Malaysia pada tahun 2021 telah menunjukkan impak yang positif dengan pertumbuhan sebanyak 3.1 peratus dengan jumlah keluaran dalam negeri kasar (KDNK) sebanyak RM 1,386.7 bilion. Manakala sektor pertanian (komoditi industri dan komoditi agromakanan) pula telah menyusut sebanyak 0.2 peratus dengan nilai ditambah sebanyak RM 98.9 bilion.

Peningkatan kadar pertumbuhan ekonomi negara ini mencerminkan penambahan momentum pemulihan ekonomi negara yang akan diperkuatkan dengan pemberian dos penggalak di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), serta peralihan seluruh negara ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara. Peningkatan yang memberangsangkan ini juga telah disokong oleh penambahan dalam pasaran buruh dan peningkatan nilai jualan sektor pembuatan.

Manakala sektor pertanian mengalami sedikit penyusutan disebabkan oleh subsektor Kelapa Sawit dan Getah yang masing-masing menyusut 5.6 peratus dan 8.4 peratus. Sektor agromakanan kekal sebagai salah satu industri utama yang menyumbang kepada pembangunan pesat ekonomi negara dengan mencatatkan

pertumbuhan positif sebanyak 4.3 peratus berbanding dengan tahun sebelumnya dengan nilai ditambah sebanyak RM 53.2 bilion. Manakala sumbangan sektor agromakanan kepada KDNK negara telah meningkat sebanyak 3.8 peratus pada tahun 2021 berbanding 1.9 peratus pada tahun 2020.

Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan 2021-2025 telah dibangunkan bagi memperkuat sekuriti makanan negara dengan mengambil kira isu dan cabaran di sepanjang rantai bekalan makanan bermula daripada input pertanian hingga ke sisa makanan. Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 yang merangkumi 5 teras strategik, 15 strategi dan 96 inisiatif ini dijangka akan dapat memastikan kesinambungan bekalan makanan negara pada setiap masa, khususnya dalam menghadapi situasi di luar jangkaan.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) komited dalam memastikan sekuriti makanan Negara kekal utuh dalam apa jua keadaan. Dalam hal ini, MAFI dengan kerjasama semua pihak yang bertanggungjawab dalam rantai nilai bekalan makanan Negara telah memastikan keadaan sentiasa terkawal sepanjang masa agar bekalan makanan kepada rakyat kekal mencukupi dan stabil. Kesungguhan MAFI menjamin sekuriti makanan dan bekalan makanan Negara sepanjang mendepani pandemic COVID-19 pada tahun 2021 telah mencapai matlamatnya.

Akhir kata, diharap warga Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa bersatu hati memacu MAFI sebagai kementerian yang dilihat strategik dan positif dalam menyokong kestabilan serta pertumbuhan ekonomi negara.

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA MAFI



"MENYUSUR TITIAN MASA 2021"

**YBHG. DATO' HASLINA
BINTI ABDUL HAMID
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN
PERTANIAN DAN INDUSTRI
MAKANAN**

Assalamualaikum W.B.T. dan salam sejahtera,

Pertama sekali, saya memanjatkan kesyukuran kepada ALLAH S.W.T. kerana di atas limpah kurniaNya, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dapat menempuh tahun 2021 dengan penuh kecekalan serta dapat melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh cemerlang.

Tahun 2021 merupakan tahun yang mencabar kepada MAFI kerana kita berdepan dengan krisis kesihatan dan ekonomi berikutan pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Malah, negara turut menghadapi bencana banjir pada penghujung tahun ini melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Sabah. Kesannya, sektor pertanian menghadapi ujian yang besar akibat bencana banjir ini membabitkan 7,578 orang pengusaha agromakanan dengan kerugian melebihi RM90 juta pada akhir tahun 2021.

Kendatipun menghadapi cabaran-cabaran ini, MAFI melalui segala perancangannya berjaya naik sembilan (9) anak tangga kepada kedudukan ke-39 dalam Indeks Sekuriti Makanan Dunia (GFSI) dalam kalangan 113 negara yang terlibat. Untuk makluman, GFSI adalah laporan yang dikeluarkan oleh Unit Perikanan Ekonomi (EIU) bertujuan untuk menilai tahap kerentanan sesebuah negara terhadap sekuriti makanan. Ini menunjukkan komitmen MAFI untuk terus memperkuuhkan sekuriti makanan negara kekal terjamin dalam apa jua keadaan termasuklah krisis kesihatan, ekonomi dan bencana.

Menyusur titian masa 2021, MAFI telah melancarkan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) pada 25 Oktober 2021 bagi merencana pembangunan sektor agromakanan negara dalam tempoh 10 tahun. Dasar ini bertujuan untuk menjamin bekalan makanan negara yang mencukupi, selamat dan berdaya saing. Ini selaras dengan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 yang dibangunkan melalui rangka dasar yang

dipersetujui dalam Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) bagi menjayakan usaha kerajaan dalam meningkatkan kemampuan sistem makanan negara. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dianggotai oleh menteri-menteri yang menerajui kementerian dan agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan sekuriti makanan.

Pada tahun 2021, pemulihan ekonomi negara telah menunjukkan impak yang postif dengan kadar pertumbuhan sebanyak 3.1 peratus dengan jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bernilai RM1,386 bilion. Peningkatan kadar pertumbuhan ekonomi ini mencerminkan momentum positif kesan daripada usaha-usaha kerajaan sejarah dengan peralihan ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara. Dalam masa yang sama, sumbangan sektor-sektor agromakanan juga meningkat sebanyak 4.3 peratus kepada RM53.44 bilion berbanding tahun sebelumnya. Jelas, peningkatan ini selaras dengan kenaikan permintaan kepada produk-produk agromakanan sebagai keperluan penting dalam tempoh krisis berbanding sektor-sektor lain.

Sehubungan itu, MAFI sentiasa komited dalam memastikan sekuriti makanan negara kekal utuh walaupun dalam tempoh krisis seperti penularan wabak COVID-19. Dalam hal ini, MAFI akan bekerjasama dengan semua pihak yang bertanggungjawab dalam rantai nilai agromakanan bagi memastikan bekalan makanan kepada rakyat kekal mencukupi dan terjamin. Ini dibuktikan dengan kesungguhan MAFI melaksanakan pelbagai inisiatif dan usaha seperti yang dirakamkan melalui penerbitan Buku Laporan Tahunan 2021.

Harapan saya, semoga penerbitan buku ini akan menjadi panduan dan kayu ukur untuk pencapaian pada tahun-tahun mendatang. Tahniah diucapkan kepada semua yang telah menjayakan penerbitan buku ini.

Sekian dan salam hormat.



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES

CARTA ORGANISASI



TIMBALAN
MENTERI I

YB DATUK SERI HAJI
AHMAD BIN HAMZAH



MENTERIYB DATUK SERI
DR. RONALD KIANDEE**TIMBALAN
MENTERI II**YB DATUK DR. NIK MUHAMMAD
ZAWAWI BIN HAJI SALLEH**KETUA
SETIAUSAHA**DATO' HASLINA BINTI
ABDUL HAMID**TIMBALAN KETUA
SETIAUSAHA (D)**PUAN AZAH HANIM
BINTI AHMAD**SUB KANAN
(PENGURUSAN)**PUAN HABSHAH
BINTI ALI**SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN DASAR &
PERANCANGAN STRATEGIK**ENCIK SHAHRI尔 FAIZAL
BIN ABDUL JANI**SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA**PUAN NOR AZLIN BINTI
MOHAMMAD SHAMSUDIN**PENASIHAT UNDANG-UNDANG
PEJABAT PENASIHAT
UNDANG-UNDANG**ENCIK NOOR ROSIDI BIN
ABDUL LATIF**PENGARAH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KAPASITI
& LATIHAN PERTANIAN**ENCIK HUSSIN BIN
MAHMUD**SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN KEWANGAN**ENCIK OTMAN BIN
ABDULLAH**KETUA UNIT
UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT**ENCIK MOHAMMAD EZRI
BIN SHAMSUDDIN**SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN ANTARABANGSA**ENCIK MOHD FAIZAL
BIN HARUN**SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN AKAUN**PUAN NORMAH BINTI
ABDUL RAHMAN**KETUA UNIT
UNIT AUDIT
DALAM**PUAN TEH KAMSIAH BINTI
AHMAD AMIRUDDIN
@AMIR**SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
PERNIAGAAN DAN PELABURAN**ENCIK KHALID BIN
IBRAHIM**SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN PENGURUSAN
MAKLUMAT**PUAN FADLILAHTON
BINTI ISMAIL**KETUA UNIT
UNIT INTEGRITI**PUAN SALWA BINTI
MUHAMRAM**SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN PEMODEGAN
PERTANIAN**ENCIK ROSHIDI BIN
MAT MOOR**SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN
PENTADBIRAN**PUAN AZURA BINTI
ABDULLAH



VISI, MISI, OBJEKTIF DAN FUNGSI KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

VISI

Peneraju Transformasi Pertanian.

MISI

Mentransformasi sektor pertanian supaya menjadi sektor moden, dinamik dan kompetitif.

Malaysia kompetitif sebagai pengeluar utama makanan dunia.

Pertanian sebagai salah satu jentera pertumbuhan ekonomi negara.

OBJEKTIF

Menerajui proses-proses transformasi dalam sektor pertanian secara terancang, bersepadan dan menyeluruh berteraskan penggembangan seluruh pemikiran dan tenaga organisasi ke arah pencapaian matlamat Dasar Agromakanan Negara.

FUNGSI

Menggubal, merancang, melaksanakan dasar, strategi dan Program Pembangunan Pertanian.

Menilai, menyelaras dan memastikan pelaksanaan projek/program Pembangunan Pertanian Agromakanan.

Menjalankan R&D dan Inovasi meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor agromakanan.

Menggalakkan pelaburan domestik dan asing dalam sektor agromakanan.

Merangka dan melaksanakan rantaian pemasaran agromakanan yang cekap dan berkesan.



LATAR BELAKANG SEKURITI MAKANAN NEGARA



Makanan merupakan salah satu keperluan asas manusia. Manusia memerlukan makanan seimbang bagi mendapatkan tenaga dan nutrien yang diperlukan oleh tubuh badan untuk bergerak aktif. Makanan yang baik bukan sahaja mengambil kira kandungan zat yang terkandung malahan keselamatan daripada segi bahaya kimia, fizikal dan biologi di dalam makanan juga perlu diberi penekanan.

Peningkatan penduduk dunia setiap tahun telah memberi tekanan terhadap permintaan pelbagai jenis keperluan. Namun, sumber yang terhad dan kehendak manusia yang tiada sempadan menyebabkan tidak semua keperluan asas dapat dipenuhi sekiranya tidak diurus dengan baik. Oleh itu, makanan merupakan salah satu keperluan asas yang perlu diberi perhatian dalam memastikan pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah negara kekal progresif dan berdaya saing.

Justeru, sistem makanan negara perlu diperkuat supaya lebih berdaya tahan dan mampan. Ini termasuklah meningkatkan prestasi rangkaian di semua aktiviti yang berkaitan pengeluaran, pemprosesan, pengedaran, penyediaan, dan termasuklah keselamatan makanan serta pemakanan.

SEKTOR DASAR



BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN KOMITED DALAM MEMASTIKAN SISTEM MAKANAN NEGARA KEKAL STABIL

Semenjak penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) pada 25 Mac 2020, kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk memperkuuh sistem makanan negara secara holistik. Seiring itu juga, beberapa strategi telah diluluskan untuk memastikan jaminan kesinambungan makanan yang mencukupi, bernutrisi, selamat untuk dimakan dengan harga berpatutan secara berterusan, antaranya menyemak pemberian incentif secara bersasar kepada pengeluar makanan khasiat dan sihat, memperkuuh pemantauan dan penguatkuasaan pengimportan daging serta strategi dalam menangani isu bekalan dan kenaikan harga bawang.

Pada masa yang sama, buat pertama kalinya satu pelan tindakan yang memperincikan secara khusus agenda sekuriti makanan negara merentas agensi dan kementerian telah dibangunkan bagi tempoh lima (5) tahun susulan daripada mandat FSCC pada 8 September 2020. Sebanyak 14 sesi libat urus telah diadakan untuk membangunkan pelan tindakan berdasarkan pendekatan kluster sekuriti makanan negara yang berteraskan dimensi sekuriti makanan.

Saranan dan pandangan pelbagai pihak telah diambil kira dalam penyediaan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 merangkumi pemain industri ahli akademik dan badan bukan kerajaan (NGOs) serta kementerian dan agensi kerajaan termasuk kerajaan negeri. Selain itu, saranan penambahbaikan The Economist Intelligence Unit (EIU) berdasarkan Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) 2020 turut diambil kira dalam menyediakan pelan tindakan yang komprehensif ini.

Berdasarkan dapatan sesi libat urus dan saranan EIU, MAFI telah merangkumkan senario semasa dan cabaran sekuriti makanan negara yang perlu diteliti dalam rangka strategi yang bertepatan dengan keperluan semasa, iaitu:

- peningkatan penduduk dan permintaan makanan;
- peningkatan kos sara hidup dan harga makanan;
- malnutrisi dan obesiti;
- tahap produktiviti yang rendah, intensif buruh dan populasi;
- petani berumur;
- pelaburan swasta dan R&D yang masih rendah;
- tahap adaptasi teknologi dan mekanisasi yang rendah; dan
- perubahan iklim serta kemampuan sumber semula jadi.

Dalam hal ini, Pelan Tindakan DSMN 2021-2025 yang telah mendapat mandat pelaksanaan pada 8 Jun 2021 ini merangkumi 15 strategi dan 96 inisiatif dengan 5 teras strategik sebagai tunjang utama;

- Pertama, Perluasan Penggunaan Teknologi dalam sistem makanan sebagai langkah pragmatik untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti sistem makanan berdasarkan skala ekonomikal dan pertanian mampan;
- Kedua, Pemerkasaan Penyelidikan & Pembangunan dalam meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan dan input pertanian secara tempatan seperti makanan ternakan, anak benih dan baka berkualiti secara domestik;
- Ketiga, Pemerkasaan Data Sekuriti Makanan bagi mengenal pasti tahap sekuriti makanan penduduk Malaysia berdasarkan lokaliti, termasuklah demografi pengeluar makanan;
- Keempat, Perluasan Kolaborasi Strategik beraspirasikan "Food Security Is Shared Responsibility" dengan memperkasakan penglibatan pihak swasta dan rakyat untuk mengoptimumkan sumber dalam sistem makanan; dan
- Kelima, Pengukuhan Governans Jabatan & Agensi untuk mengenal pasti grey areas dan merapatkan jurang antara kementerian dan agensi dalam sistem makanan untuk menambahbaik kecekapan tadbir urus dan pemantauan ke arah menjamin kesinambungan sumber bekalan makanan negara.



Pencapaian pelan tindakan ini akan dipantau menerusi scorecard dashboard secara tahunan seperti di Gambar Rajah 1.

Antara keberhasilan yang disasarkan hasil pelan tindakan ini menjelang 2025 termasuklah:


- pengurangan kebergantungan negara terhadap import makanan;
- penstabilan harga makanan;
- gaya dan amalan pemakanan sihat dalam kalangan penduduk Malaysia;
- penghasilan input pertanian secara tempatan;
- pengurangan pembaziran dalam sistem makanan;

- peningkatan peranan dan penglibatan rakyat dan pihak swasta dalam memperkuuh sistem makanan;
- pemantauan tahap sekuriti makanan negara yang lebih strategik; dan
- persediaan negara dalam menghadapi krisis terjamin.

Pelaksanaan pelan tindakan ini dapat menyumbang kepada pengukuhan daya tahan sistem makanan negara agar kekal utuh dalam menghadapi cabaran dan krisis seumpama pandemic COVID-19. Model Sistem Makanan negara adalah seperti di Gambar Rajah 2.




Gambar Rajah 1: Snapshot Rumusan Pelan Tindakan DSMN



Gambar Rajah 1: Snapshot Rumusan Pelan Tindakan DSMN

PRESTASI MALAYSIA DALAM INDEKS SEKURITI MAKANAN GLOBAL (GFSI) TAHUN 2021

Laporan Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) yang dikeluarkan oleh The Economist Intelligence Unit (EIU) bertujuan untuk menilai tahap kerentenan negara terhadap sekuriti makanan dengan penglibatan 113 negara. Berdasarkan GFSI 2021, Malaysia menduduki tangga ke-39, meningkat sembilan (9) anak tangga berbanding tahun 2020 dengan skor 70.1 peratus yang menunjukkan prestasi baik bagi keseluruhan dimensi sekuriti makanan negara. Peningkatan skor Malaysia sebanyak 5.1 peratus merupakan peningkatan skor tertinggi dalam kalangan 113 negara terlibat berbanding tahun sebelum.



Rajah 3: Prestasi Malaysia Mengikut Kategori

Secara keseluruhan, Kategori Affordability berada pada prestasi yang sangat baik dengan skor 85.6 peratus, diikuti oleh Quality & Safety (76.3%) dan Availability (64.0%) yang menunjukkan prestasi baik serta Natural Resources & Resilience (46.6%) dengan prestasi sederhana.

Tiga (3) kategori menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelum iaitu Availability (+15.5), Affordability (+0.3) dan Natural Resources & Resilience (+0.1) manakala prestasi kategori Quality & Safety kekal tidak berubah.

Malaysia juga menunjukkan kekuatan menerusi sepuluh (10) indikator yang mempunyai prestasi baik dengan skor yang melebihi 75.0 peratus iaitu:

- i. Change in average food costs;
- ii. Proportion of population under global poverty line;
- iii. Agricultural import tariffs;
- iv. Food safety-net programs;
- v. Market access and agricultural financial services;
- vi. Food loss;
- vii. Nutritional standards;
- viii. Micronutrient availability;
- ix. Protein quality; and
- x. Food safety.

Namun begitu, satu (1) indikator masih menunjukkan prestasi yang sangat lemah iaitu rivers and lake dengan skor 18.5 peratus. Sehingga kini, GFSI merupakan satu-satunya petunjuk yang menggambarkan prestasi sekuriti makanan negara secara menyeluruh. Menerusi GFSI, ruang penambahbaikan lebih mudah dikenal pasti dalam memastikan tahap sekuriti makanan negara kekal terjamin. Antara, ruang penambahbaikan bagi tahun 2021 yang

telah dikenalpasti menerusi GFSI adalah seperti berikut:-

- i. ketidakstabilan dalam pengeluaran pertanian;
- ii. kebergantungan import makanan;
- iii. kebergantungan terhadap sumber semula jadi;
- iv. akses data mudah alih dan pembiayaan kewangan; dan
- v. kemampuan sumber semula jadi.



SUMBANGAN SEKTOR AGROMAKANAN KEPADA EKONOMI NEGARA

Pemulihan ekonomi Malaysia pada tahun 2021 telah menunjukkan impak yang positif dengan pertumbuhan sebanyak 3.1 peratus dengan jumlah keluaran dalam negeri kasar (KDNK) sebanyak RM 1,386.7 bilion.

Manakala sektor pertanian (komoditi industri dan komoditi agromakanan) pula telah menyusut sebanyak 0.2 peratus dengan nilai ditambah sebanyak RM 98.9 bilion. Peningkatan kadar pertumbuhan ekonomi negara ini mencerminkan penambahan momentum pemulihan ekonomi negara yang akan diperkuatkan dengan pemberian dos penggalak di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), serta peralihan seluruh negara ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara. Peningkatan yang memberangsangkan ini juga telah disokong oleh penamaian dalam pasaran

buruh dan peningkatan nilai jualan sektor pembuatan. Manakala sektor pertanian mengalami sedikit penyusutan disebabkan oleh subsektor Kelapa Sawit dan Getah yang masing-masing menyusut 5.6 peratus dan 8.4 peratus.

Sektor agromakanan kekal sebagai salah satu industri utama yang menyumbang kepada pembangunan pesat ekonomi negara dengan mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 4.3 peratus berbanding dengan tahun sebelumnya dengan nilai ditambah sebanyak RM 53.2 bilion. Manakala sumbangan sektor agromakanan kepada KDNK negara telah meningkat sebanyak 3.8 peratus pada tahun 2021 berbanding 1.9 peratus pada tahun 2020.

Sektor Utama	2015		2020		2021 ^p		Kadar Pertumbuhan 2019-2020
	Nilai Ditambah (RM Juta)	Peratus Sumbangan	Nilai Ditambah (RM Juta)	Peratus Sumbangan	Nilai Ditambah (RM Juta)	Peratus Sumbangan	
Pertanian	97,539	8.3	99,106.0	7.4	98,898.0	7.1	-0.2
Agromakanan	44,171	3.8	51,001.7	3.8	53,194.3	3.8	4.3
Komoditi Industri	53,368	4.5	48,104.3	3.6	45,703.9	3.3	-5.0
Perlombongan dan pengkuarian	103,059	8.8	92,879.0	6.9	93,150.0	6.7	0.3
Pembuatan	262,379	22.3	307,847.0	22.9	337,219.0	24.3	9.5
Pembinaan	55,382	4.7	53,616.0	4.0	50,802.0	3.7	-5.2
Perkhidmatan	643,883	54.7	776,361.0	57.7	791,068.0	57.0	1.9
Tambah Duti Import	14,699	1.2	15,335.0	1.1	15,602.0	1.1	1.7
KDNK Keseluruhan	1,176,941	100	1,345,144	100	1,386,738	100	3.1

Jadual 1 : Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)





Bagi KDNK Sektor Agromakanan mengikut subsektor, subsektor tanaman makanan telah berkembang sebanyak 7.3 peratus dengan nilai sumbangan RM 25.5 bilion atau 47.9 peratus daripada keseluruhan sektor agromakanan. Manakala, subsektor ternakan pula menunjukkan peningkatan yang signifikan, iaitu sebanyak 3.2 peratus pada tahun 2021 berbanding

tahun sebelumnya dengan nilai RM16.5 bilion atau 31.1 peratus daripada keseluruhan sektor agromakanan. Walau bagaimanapun, subsektor perikanan mengalami penyusutan sebanyak 0.6 peratus dengan nilai sebanyak RM11.2 bilion atau 21.1 peratus daripada keseluruhan sektor agromakanan.

Subsektor / Komoditi	2015		2020		2021 ^p		Kadar Pertumbuhan
	Nilai Ditambah (RM Juta)	Peratus Sumbangan	Nilai Ditambah (RM Juta)	Peratus Sumbangan	Nilai Ditambah (RM Juta)	Peratus Sumbangan	2019-2020
Agromakanan	44,171	100	51,001	100	53,194	100	4.3
Tanaman Makanan	19,295	43.7	23,714	46.5	25,456	47.9	7.3
Ternakan	12,694	28.7	16,002	31.4	16,519	31.1	3.2
Perikanan	12,182	27.6	11,286	22.1	11,219	21.1	-0.6

Jadual 2 : Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Sektor Agromakanan

Pada tahun 2021, eksport bahan makanan telah meningkat sebanyak 14.6 peratus kepada RM38.6 bilion berbanding RM33.7 bilion pada tahun 2020. Selain itu, defisit imbangan dagangan (BOT) juga telah meningkat sebanyak 14.9 peratus kepada -RM25 bilion berbanding -RM21.7 bilion pada tahun 2020.

Pertumbuhan eksport bahan makanan dipacu oleh aktiviti ekonomi global yang kukuh seiring dengan permintaan luar yang berkembang pasca COVID-19.

Peningkatan BOT adalah disebabkan oleh import bahan makanan yang tinggi pada tahun 2021 bagi memastikan bekalan makanan mencukupi bagi menampung permintaan domestik yang berkembang seiring pengekalan dan kelonggaran sekatan pergerakan serta aktiviti ekonomi dan sosial yang lebih rancak.



Komoditi	2020 (RM Bilion)			2021 ^P (RM Bilion)		
	Eksport	Import	Imbangan	Eksport	Import	Imbangan
Binatang hidup	0.8	0.2	0.6	0.9	0.3	0.6
Daging dan sediaan daging	0.7	4.0	-3.3	0.9	4.2	-3.3
Hasil tenusu	1.3	4.4	-3.1	1.1	5.0	-3.8
Telur unggas	0.5	0.0	0.5	0.6	0.0	0.6
Ikan, krustasia, moluska dan sediaan	3.6	4.7	-1.1	3.7	5.4	-1.7
Bijirin dan sediaan bijirin	2.9	7.9	-5.0	3.7	8.8	-5.0
Sayur-sayuran	1.0	5.1	-4.1	1.1	5.4	-4.3
Buah-buahan	1.4	4.1	-2.7	2.0	4.7	-2.7
Gula, sediaan gula dan madu	1.2	3.9	-2.7	1.3	4.6	-3.3
Kopi, koko, teh dan rempah	8.8	8.3	0.5	9.6	9.5	0.8
Bahan makanan untuk ternakan	2.5	6.2	-3.7	2.9	7.8	-4.9
Bahan makanan lain	8.9	6.6	2.3	10.5	7.8	2.7
Jumlah Bahan Makanan	33.7	55.4	-21.7	38.6	63.6	-25.0

Jadual 3 : Perdagangan Sektor Agromakanan Mengikut Komoditi



MAJLIS PENASIHAT PERTANIAN NEGARA (MPPN)

Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) telah ditubuhkan berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Julai 2018. Majlis ini bertanggungjawab sebagai penasihat kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam mengenal pasti isu-isu berkaitan sekuriti makanan dan agromakanan serta mencadangkan hala tuju baharu sektor pertanian mengikut perkembangan dan keperluan semasa secara menyeluruh.

Penubuhan MPPN menyediakan satu platform khas yang strategik untuk penggiat industri dan pihak swasta mengutarakan isu-isu berkaitan pertanian kepada kerajaan bagi cadangan penyelesaian yang sewajarnya. Dalam hal ini, MPPN memainkan peranan penting dalam memberi nasihat berhubung isu pertanian daripada pandangan yang neutral (neutral viewpoint)

dan tidak terikat kepada kepentingan mana-mana pihak.

Melalui MPPN, pemerkasaan sektor agromakanan negara terus didukung bersama-sama ahli akademik dan pemain industri dalam mengenal pasti isu sektor agromakanan khususnya dari aspek sekuriti makanan dengan mengambil langkah intervensi yang sesuai mengikut perkembangan semasa dan menyeluruh serta holistik

Dianggotai seramai 15 ahli Majlis yang diketuai oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Ahli penasihat MPPN juga telah dilantik semula bagi Sesi 2020-2021 yang terdiri daripada sepuluh (10) ahli tetap dan lima (5) co-opted members seperti berikut:

1.	Y.A.M Tengku Laksamana Perlis Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail	9.	YBhg. Prof. Dr. Sivamurugan Pandian
2.	YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Jeffrey Cheah	10.	YBrs. Prof. Dr. M Niaz Asadullah
3.	YBhg. Prof. Datin Paduka Fatimah Mohamed Arshad	11.	YBhg. Datuk Raghu Loganathan Pillai
4.	YBhg. Tan Sri Francis Lau Tuang Nguang	12.	YBrs. Dr. Yasmin B.H. Ooi
5.	YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim	13.	YBhg. Datuk Azman Yusoff
6.	YBhg. Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin	14.	YBhg. Dato' Dr. Hj. Azizan bin Hj. Ab. Rashid
7.	YBhg. Datuk Wira Dr. Rais Hussin Mohamed Ariff	15.	YBhg. Datuk Seri Daljit Singh Dalliwal
8.	YBrs. Prof. Madya Dr. Suhaimi Napis		

Jadual 1 : Ahli penasihat MPPN Bagi Sesi 2020-2021

Antara sumbangan penting MPPN terhadap sektor agromakanan adalah dengan terhasilnya dokumen Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025 yang dimanfaatkan hasil saranan serta cadangan daripada ahli-ahli MPPN.

Ini dapat dilihat menerusi inisiatif-inisiatif yang disusun berpaksikan kepada kolaborasi antara sektor awam dan swasta yang turut melibatkan peranan pemain industri, NGOs dan rakyat dalam merangka pelan tindakan tersebut.

Seiring dengan pelancaran Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 (2021-2030), yang mensasarkan

“Agromakanan sebagai suatu sektor yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan”, MPPN telah diketengahkan sebagai jawatankuasa tertinggi dalam kerangka tadbir urus yang berperanan sebagai penasihat kepada pelaksanaan dan pemantauan DAN 2.0 (2021-2030).

Ini merupakan salah satu platform terbaik bagi semua ahli Majlis untuk menyumbang idea, pandangan dan cadangan dalam memacu hala tuju sektor agromakanan khususnya berkaitan sekuriti makanan supaya seiring dengan keperluan semasa.

MAJLIS PELANCARAN DASAR AGROMAKANAN NEGARA, 2021 -2030 (DAN 2.0)

Pada 25 Oktober 2021, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan Dasar Agromakanan Negara 2021- 2030 (DAN 2.0) secara hibrid di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur.

Majlis ini turut dihadiri oleh dif-dif kehormat seperti Ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara, Pengurus Lembaga Pertubuhan Peladang, Ahli Eksekutif Jawatankuasa Dasar Sekuriti Makanan Negara, Jabatan dan Agensi Kementerian, pemain industri serta lebih daripada 1,000 orang awam menerusi platform Zoom dan media sosial Facebook MAFI.

DAN 2.0 digubal oleh Kerajaan bagi meneruskan kesinambungan pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 yang telah tamat tempoh pada tahun 2020. Dalam merangka hala tuju sektor agromakanan negara, DAN 2.0 telah mengambil kira isu sekuriti makanan untuk membangunkan sektor agromakanan sebagai sektor yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang menyumbang kepada aktiviti

pertumbuhan ekonomi sepetimana digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Pelbagai strategi dan Pelan Tindakan merentasi lima (5) Teras Dasar dan empat (4) subsektor utama juga telah digariskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memacu pertumbuhan sektor agromakanan, meningkatkan kesejahteraan pengeluar makanan dan golongan sasar serta menggalakkan amalan penggunaan dan pengeluaran secara mampan.

DAN 2.0 merupakan dokumen yang dijadikan sumber rujukan dan panduan dalam memperkasa pembangunan sektor agromakanan dan meningkatkan sumbangan sektor ini kepada ekonomi negara. Bagi menjayakan pelaksanaan DAN 2.0, MAFI komited dalam menyediakan persekitaran yang kondusif melalui kemudahan kewangan, insurans pertanian, pendigitalan produk, penyediaan akses pasaran dalam talian dan memastikan penerimaguanaan teknologi yang lebih meluas bagi menarik lebih ramai penyertaan golongan belia untuk menceburi sektor ini.



MESYUARAT YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN DENGAN EXCO-EXCO PERTANIAN NEGERI

Mesyuarat YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan dengan Exco-Exco Pertanian Negeri Bilangan 1 Tahun 2021 telah diadakan pada 15 November 2021 secara hibrid di Lembaga Pertubuhan Peldang, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee dan turut dihadiri Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I dan II, Ketua Setiausaha MAFI, Exco Pertanian daripada negeri-negeri, wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pegawai Kanan serta Ketua Jabatan dan Agensi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Objektif mesyuarat ini adalah sebagai satu platform perbincangan antara Kementerian dengan Exco-Exco Pertanian Negeri mengenai isu-isu yang melibatkan Kerajaan Negeri seperti perolehan tanah dan perkongsian maklumat berhubung program-program di bawah MAFI yang turut dilaksanakan di negeri-negeri.

Lainya ditubuhkan berdasarkan keputusan Mesyuarat Pasca Kabinet Bilangan 12/2008 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada 23 Mei 2008 bagi membincangkan isu-isu tanah pertanian. Antara pencapaian utama Mesyuarat pada kali adalah

persetujuan bersama Penubuhan Jawatankuasa Dasar Sekuriti Makanan (JKDSM) Peringkat Negeri. Pewujudan JKDSM Peringkat Negeri adalah sebagai suatu platform kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan daya tahan sistem makanan negara ke arah menjamin kelangsungan bekalan makanan yang cukup, selamat, bernutrisi dan mampu beli secara berterusan kepada rakyat.

JKDSM Peringkat Negeri ini akan dipengerusikan oleh Menteri Besar/Ketua Menteri atau Exco Pertanian dengan diurussetiakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri/ Agensi di bawah Kerajaan Negeri yang bersesuaian termasuk penglibatan Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Negeri dan Jabatan serta agensi di bawah MAFI.

Jawatankuasa ini yang menekankan pendekatan whole of government dan whole of society akan menjadi pemangkin kepada pengurusan sumber dengan lebih cekap dan mampan selain menjadi pelengkap kepada tadbir urus Agenda Sekuriti Makanan Negara sedia ada.



WEBINAR RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMKE-12) “PENDEKATAN STRATEGIK PERTANIAN PINTAR SEKTOR AGROMAKANAN”

Sebagai usaha mempromosi perancangan pembangunan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) kepada semua pihak berkepentingan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) merupakan antara Kementerian yang telah dipertanggungjawabkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri untuk mengadakan siri webinar bagi menguar-uarkan inisiatif dan peranan Kementerian di bawah RMKe-12.

Bertepatan dengan hala tuju sektor agromakanan negara dan RMKe-12, satu siri webinar yang mengetengahkan tema “Pendekatan Strategik Pertanian Pintar dalam Sektor Agromakanan” telah dianjurkan pada 7 Disember 2021 (Selasa), jam 9.30 pagi menerusi platform Zoom dan media sosial Facebook MAFI.

Antara pembentangan dan panel yang terlibat bagi menjayakan webinar ini adalah:

- “Pertanian Pintar di Projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (Tanaman)” oleh YBhg. Dato’ Zahimi bin Hassan, Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian (DOA);

- “Strategi Menggalakkan Belia dalam Pertanian Moden” oleh YBrs. Encik Mohammad Ezri bin Shamsuddin, Pengarah Unit Agropreneur Muda, MAFI
- “Peranan Teknologi 5G dalam Pertanian Pintar” oleh YBrs. Encik Iskandar Jalaluddin bin Husin, Strategic Account Manager, Maxis Business Enterprise Sales.

Agenda memperkuatkukan pemodenan sektor agromakanan negara merupakan fokus utama dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun akan datang melalui usaha menerapkan penggunaan teknologi pertanian pintar dan pendigitalan di sepanjang rantaian nilai sektor ini.

Penggunaan teknologi seterusnya dapat menambahbaik pengurusan sumber dan hasil, meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh. Ianya juga diharap dapat memperbaiki persepsi masyarakat terhadap kerjaya dalam sektor agromakanan yang sering dianggap sebagai 3D iaitu Dirty, Dangerous, Difficult sekaligus meningkatkan penglibatan generasi muda.


RMK12
2021-2025

WEBINAR RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMKe-12)

“PENDEKATAN STRATEGIK PERTANIAN PINTAR SEKTOR AGROMAKANAN”

UCAPAN PEMBUKAAN	7 DISEMBER 2021	UCAPAN PENUTUP	9.30 PAGI - 12.00 TENGAH HARI
			AHLI PANEL
			f LIVE
			zoom





DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN



DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN



DATO' ZAHIMI BIN HASSAN
KETUA PENGARAH PERTANIAN, JABATAN PERTANIAN



MOHAMAD EZRI BIN SHAMSUDDIN
PENGARAH UNIT AGROPRENEUR MUDA, MAFI



ISKANDAR JALALUDDIN BIN HUSIN
STRATEGIC ACCOUNT MANAGER, MAXIS BUSINESS ENTERPRISE SALES



MOHAMAD WAIFIUDDIN BIN ESA
PENOLONG SETIAUSAHA KANAN, BAHAGIAN PEMODENAN PERTANIAN, MAFI

MODERATOR



KETERANGKUMAN, KEBERSAMAAN, KESYUKURAN

www.mafi.gov.my @mafimalaysia



USAHA PENGLIBATAN PERINGKAT KEMENTERIAN DAN ANTARABANGSA

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DPS) merupakan focal point dan penyelaras di peringkat MAFI bagi pertanian mampan melibatkan perkara-perkara berkaitan alam sekitar, perubahan iklim dan penggunaan sumber tanah. Antara platform di peringkat antarabangsa melibatkan Bahagian DPS adalah seperti berikut:

- i. United Nations Convention to Combat Desertification (UNCCD);
- ii. The Sustainable Development Goals (SDGs);
- iii. United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC);
- iv. Convention on Biological Diversity (CBD);
- v. ASEAN Negotiation Group of Agriculture (ANGA); dan
- vi. (ASEAN Rapid Alert System for Food and Feed (ARASFF).

Di samping itu, Bahagian DPS juga merupakan focal point kepada dasar-dasar berkaitan dengan pertanian mampan di peringkat negara seperti berikut:

- Dasar Alam Sekitar Negara;
- Dasar Perubahan Iklim;
- Dasar Sumber Air Negara; dan
- Dasar Kepelbagai Biologi Kebangsaan.

Pada tahun 2021, Bahagian DPS telah mewakili MAFI untuk menyertai Delegasi Malaysia ke persidangan UNFCCC COP-26 pada 31 Oktober 2021 Hingga 12 November 2021 bagi rundingan isu Koronivia Joint Work on Agriculture (KJWA) yang merupakan salah satu agenda di bawah UNFCCC COP-26. KJWA menumpukan kepada proses rundingan melibatkan sektor pertanian meliputi langkah adaptasi, mitigasi, bantuan kewangan, pembangunan kapasiti dan pemindahan teknologi.

Semasa persidangan ini Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk menyokong Glasgow Leaders' Declaration oleh Kerajaan UK mengenai Perhutanan dan Guna Tanah dan Global Methane Pledge oleh Kerajaan USA mengenai komitmen pengurangan pelepasan gas metana. Kedua-dua sokongan ini adalah secara sukarela dan tidak mengikat mana-mana negara ahli. Bahagian DPS juga merupakan ahli Steering Committee kepada ASEAN Rapid Alert System for Food and Feed (ARASFF) yang merupakan satu kumpulan kerja yang



ditubuhkan pada Ogos 2009 di bawah Senior Officials Meeting of ASEAN Ministers of Agriculture and Forestry (SOM-AMAF).

Mesyuarat ini juga disertai oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai National Contact Points bagi ARASFF. ARASFF ditubuhkan sebagai medium perkongsian maklumat secara atas talian antara negara anggota ASEAN berkaitan notifikasi isu keselamatan makanan dan makanan ternakan.

Pada tahun 2021, Malaysia telah menjadi tuan rumah sekaligus mempengerusikan Mesyuarat Ke-8 ARASFF-National Contact Points dan Mesyuarat Ke-6 ARASFF-Steering Committee pada 19 dan 20 April 2021 secara atas talian. Antara perkara yang telah dibincangkan adalah berhubung mekanisma pelaksanaan, meliputi pengubalan dasar, prinsip panduan, dan kriteria yang mengawal pembangunan dan operasi ARASFF seperti pembangunan manual prosedur operasi (panduan pengguna). Keputusan bagi kedua-dua mesyuarat ini seterusnya dibentangkan di dalam Special SOM-42nd AMAF yang telah diadakan pada 23 Ogos 2021.

Bahagian DPS juga banyak terlibat dengan mesyuarat, latihan, serta seminar di bawah platform antarabangsa yang lain seperti UNCCD dan CBD secara atas talian. Selain daripada itu, DPS juga sentiasa menyertai pelbagai siri libat urus berkaitan dengan pembangunan dasar-dasar negara yang berkaitan dengan pertanian mampan oleh Kementerian-kementerian yang berkaitan. Penglibatan secara aktif ini menzahirkan komitmen Kementerian dalam menjayakan matlamat pertanian mampan di peringkat antarabangsa mahupun peringkat nasional selari dengan strategi di bawah Dasar Agromakanan Negara 2.0.



ASEAN Food Security Information System (AFSIS)

Sejak projek AFSIS dimulakan pada tahun 2003 dan bersidang dua (2) pada setiap, pelbagai aktiviti dan projek telah dianjurkan oleh AFSIS. Malaysia turut mendapat manfaat daripada aktiviti yang disediakan oleh AFSIS khususnya dalam bidang pengumpulan dan analisis data.

Selain itu, MAFI turut membekalkan maklumat berkaitan komoditi tanaman seperti ubi kayu, gula, jagung (tidak termasuk jagung manis), soya dan beras

untuk penerbitan laporan AFSIS secara tahunan. Pada tahun 2021, sebanyak dua (2) aktiviti telah dianjurkan oleh pihak AFSIS yang turut dihadiri oleh pegawai MAFI seperti berikut:-

Mesyuarat Focal Point AFSIS dengan Cambodia sebagai tuan rumah telah diadakan pada 22-23 Jun 2021 secara maya dan dihadiri oleh pegawai Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik seperti berikut:-

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan	Bahagian
1.	Encik Ahmad Fauzi bin Idris	Timbalan Setiausaha Bahagian	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
2.	Encik Yee Chen Hua	Ketua Penolong Setiausaha Kanan	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
3.	Encik Mohd Taqwafais bin Ishak	Perangkawan	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik

Mesyuarat telah membincangkan perancangan masa hadapan AFSIS, seperti berikut:-

- sebagai anak syarikat ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry (AMAF+3);
- penggabungan dengan ASEAN Plus Three Emergency Rice Reserve (APTERR);
- penggabungan dengan ASEANstat;
- lantikan sekretariat mesyuarat secara penggiliran dalam kalangan negara-negara anggota; dan
- mengekalkan sekretariat berpusat di Thailand

manakala projek sokongan teknikal bagi tempoh 3 hingga 5 tahun dalam kalangan negara Asean+3.

Kursus The Second training for Science based information sharing derived from Earth Observation Satellites for Agriculture management in ASEAN Region. Kursus ini telah diadakan secara maya pada 15 hingga 19 November 2021 dengan penglibatan negara-negara ASEAN kecuali Singapura. Malaysia diwakili oleh pegawai seperti berikut:-

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan	Bahagian
1.	Puan Rohaya binti Baharudin	Penolong Pegawai Perangkaan	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
2.	Puan Juwita binti Yunus	Perangkawan	Jabatan Pertanian Malaysia
3.	Encik Ahmad Fuaad bin Muhammad Yas	Pegawai Pertanian	Jabatan Pertanian Malaysia

Kursus ini dijalankan secara kendiri dan penulisan laporan (dalam talian). Dua (2) topik utama yang dibentangkan dalam kursus tersebut adalah seperti berikut:

- Pembentangan Agro-met Monitoring Methods and Implementation (Hands-on training of JASMIN) oleh Dr. Yessy Arvelyna, Application Development Group, Research and Development Department Remote Sensing Technology Center of Japan mengenai JAxas Satellite based Monitoring Network System for FAO AMIS Market Monitor (JASMIN).

- Pembentangan Remote Sensing of Agriculture-for the Application to Agricultural Statistics oleh Ryo Michishita, Ph.D., Remote Sensing Technology Center of Japan yang menerangkan kaedah cerapan untuk kegunaan pemantauan pembolehubah antaranya seperti kesuburan dan kelembapan tanah, taburan hujan yang menyumbang kepada hasil pengeluaran padi.

STATUS DAN PERKEMBANGAN TERKINI PEMBANGUNAN ANALITIK DATA RAYA (BDA) SEKTOR AGROMAKANAN

Selain MySPC, isu sosial ini turut dibincangkan dalam pelbagai platform seperti Jawatankuasa Kabinet Khas Menangani Kemiskinan (JKKM) dan juga Majlis Sosial Negara (MSN). Sehubungan itu, Jemaah Menteri menerusi mesyuaratnya pada 24 Februari 2021 telah bersetuju supaya JKKM dan MySPC disatukan dengan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Selaras dengan perkembangan semasa, struktur MySPC dikekalkan manakala keahlian MySPC distruktur semula merangkumi keanggotaan JKKM, dengan kemiskinan sebagai agenda tetap dalam MySPC.

Lanjutan itu, YAB Perdana Menteri menerusi Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Mac 2021 turut mencadangkan supaya pengumpulan dan penyelarasan data kemiskinan ditambah baik dengan pembangunan pusat data tunggal yang sentiasa dikemas kini untuk rujukan.

Bagi menyokong fungsi majlis ini, Jawatankuasa Teknikal Perlindungan Sosial (JTPS) telah dibentuk dan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah ICU JPM dan turut dimantapkan oleh empat (4) Jawatankuasa Kerja seperti rajah 1 berikut:



Rajah 1.

Pangkalan Data Berpusat merupakan antara kaedah penyelesaian pengurusan maklumat terbaik bagi merealisasikan dan menyelaras program perlindungan sosial yang efektif secara bersepada. Bagi tujuan tersebut, Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS) akan dibangunkan oleh ICU, JPM dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sebagai rujukan tunggal kepada pengurusan maklumat perlindungan sosial secara bersepada di Malaysia yang mengandungi profil penerima manfaat serta program-program berkaitan bantuan sosial, intervensi pasaran buruh dan insurans sosial.

Bagi tempoh Fasa 1 pelaksanaan, PDPS yang mengandungi modul portal, pengurusan maklumat dan dashboard/pelaporan, akan menyasarkan rakyat Malaysia, agensi dan pihak berkepentingan sebagai pengguna. Antara perkhidmatan atas talian yang ditawarkan termasuklah carian dan semakan program

perlindungan sosial, pautan sistem perlindungan sosial, carian profil penerima program, pengemaskinian maklumat program, perkongsian data, statistik, analisis dan pelaporan berkaitan program perlindungan sosial mengikut kumpulan sasar dan mengikut negeri. PDPS Fasa 1 akan meliputi modul bantuan sosial di peringkat persekutuan sahaja, dengan akses kepada 17 agensi, 167 program dan data profil individu sebanyak 13.7 juta (data sehingga tahun 2020).

MAFI merupakan ahli tetap kepada MySPC yang berperanan sebagai pembekal data untuk senarai program dan bantuan yang telah disenarai pendek oleh Jawatankuasa Kerja berkaitan bagi tujuan paparan data dalam portal PDPS. Bagi tempoh 2019 hingga 2021, antara aktiviti yang telah dijalankan berhubung pengurusan PDPS adalah bengkel halatuju, pemetaan program dan profil di peringkat persekutuan, pembangunan data asas dengan penglibatan 17

kementerian/jabatan/agensi, kajian keperluan, reka bentuk serta penyediaan SOP perkongsian data.

Bagi tujuan tersebut, MAFI merupakan antara 17 agensi terpilih untuk membekalkan data profil individu untuk dimasukkan ke dalam portal PDPS. Dua (2) program bantuan sosial yang terpilih adalah Elaun Sara Hidup Nelayan Darat di bawah seliaan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Bagi tahun rujukan 2021, jumlah penerima aktif bagi Elaun Sara Hidup Nelayan Darat (DOF) yang dibekalkan adalah seramai 3,499 manakala Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan (LKIM) adalah seramai 42,654.

Semenjak MySPC diaktifkan, pelbagai isu penyelarasan pengurusan data serta pengurusan pemberian subsidi, bantuan dan insentif berhubung perlindungan sosial telah dibincangkan mengikut pelbagai sektor utama. Antara cabaran dalam pengurusan data perlindungan sosial adalah kepelbagaiannya bentuk data daripada agensi, pertindihan pelbagai jenis bantuan dan program yang tidak bersepadan dalam sistem perlindungan sosial, ketidak cekapan pengurusan bantuan, isu ketirisan, tiada prosedur penyelarasan program yang jelas antara agensi serta peningkatan beban kewangan kepada Kerajaan. Perkara ini turut dibincangkan sebanyak dua (2) kali dalam siri Mesyuarat MySPC pada tahun 2021 seperti berikut:

- i. Mesyuarat MySPC Bilangan 1 Tahun 2021 pada 8 Jun 2021 yang membincangkan mengenai Pembangunan Pusat Data Tunggal PDPS,

Tanggungan Kerajaan Dalam Program Perlindungan Sosial serta Program Jaringan Keselamatan Sosial Semasa Pandemik COVID-19; dan

- ii. Mesyuarat MySPC Bilangan 2 Tahun 2021 pada 14 Oktober 2021 membincangkan mengenai Tatacara Pengurusan Perkongsian Data Perlindungan Sosial, Kesejahteraan Pendapatan Warga Emas. Terdapat dua (2) kertas yang dibentangkan oleh Badan Bukan Kerajaan berhubung Towards Inclusive Social Protection in Malaysia – Whole of Society Approach dan pihak antarbangsa iaitu United Nations Perspective on Government Framework and Whole of Society Approach in Social Protection oleh United Nations Resident Coordinator di Malaysia, Brunei dan Singapura selain hasrat penubuhan Jawatankuasa Teknikal Perlindungan Sosial Negeri (JTPSNg) untuk meluaskan agenda pelaksanaan perlindungan sosial sehingga ke peringkat negeri.

Sebagai langkah proaktif untuk memastikan penyelarasan pengurusan program bantuan, subsidi dan insentif di peringkat MAFI serta jabatan dan agensinya, Sistem Pengurusan Subsidi dan Insentif di bawah Projek Agriculture Flagship (AgF) Fasa 1 akan dikaji dan dinilai semula untuk diselaraskan dengan keperluan agenda perlindungan sosial di peringkat nasional, terutamanya keperluan PDPS. Hasil kajian ini akan dijadikan sebagai input utama bagi menambah baik infrastruktur dan infostruktur pangkalan data agromakanan bersepadan negara merangkumi platform analitik seiring dengan hasrat Dasar Agromakanan Negara 2.0.



SEKTOR DASAR



BAHAGIAN ANTARABANGSA

MENGUKUHKAN KERJASAMA DIPLOMATIK DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA (APEC POLICY PARTNERSHIP ON FOOD SECURITY WORKING GROUP, FIRST SENIOR OFFICIALS' MEETING (APEC PPFS SOM 1) 2 DAN 3 MAC 2021)

New Zealand merupakan tuan rumah bagi penganjuran Asia Pacific Economic Cooperation (APEC) bagi tahun 2021, mengambil alih peranan Malaysia yang merupakan tuan rumah pada tahun 2020. Penularan COVID-19 di seluruh dunia telah memaksa penganjuran bagi tahun 2021 turut dilaksanakan secara maya bagi tahun 2021.

Mesyuarat Kumpulan Kerja APEC Policy Partnership on Food Security, First Senior Officials' Meeting (APEC PPFS SOM 1) telah diadakan secara maya pada 2 dan 3 Mac 2021. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Mr. Philip Houlding dari New Zealand, manakala Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, YBhg. Dato' Haslina Abdul Hamid (Malaysia), Mrs Benjawan Siribhodi (Thailand) dan Dr Poj Aramwattananont (APEC Business Advisory Council) pula bertindak sebagai Naib Pengerusi.

Mr. Philip Houlding dalam ucapan aluananya menekankan kepentingan tahun 2021 sebagai tahun yang penting untuk makanan, di mana sistem makanan menjadi agenda utama dalam pelbagai forum antarabangsa sebagai langkah pemulihan terhadap kesan penularan COVID-19 yang melanda dunia.

Bagi tujuan tersebut, selaku tuan rumah 2021, New Zealand telah mengariskan 5 halatuju utama PPFS 2021 seperti berikut:

- i. Memuktamadkan Food Security Roadmap Towards 2030;
- ii. Mengadakan Mesyuarat Sekurit Makanan Peringkat Menteri (Food Security Ministerial Meeting), serta mengeluarkan Kenyataan Bersama Menteri Pertanian;



YBhg. Dato' Haslina Abdul Hamid menyampaikan ucapan aluan selaku Naib Pengerusi, APEC Policy Partnership on Food Security

- iii. Mengeluarkan kenyataan bersama Menteri Pertanian APEC di Food Systems Summit 2021 (FSS 2021) yang akan diadakan di Rome, Itali;
- iv. Mempertimbangkan proses kajian semula PPFS yang akan diketuai oleh Sekretariat APEC; dan
- v. Mempertimbangkan pelaksanaan La Serena Roadmap for Inclusion and Growth.

YBhg. Dato' Haslina Abdul Hamid selaku Naib Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ekonomi APEC terhadap sokongan yang diberikan kepada Malaysia semasa penganjuran APEC 2020. Beliau dalam ucapannya memaklumkan bahawa COVID-19 telah menekankan kepentingan sekuriti makanan kepada semua pihak. Selain itu, semua Ekonomi APEC harus terus menyumbang kepada perbincangan dasar mengenai isu-isu utama di rantau APEC selain terdapat tanggungjawab kolektif untuk memastikan pelan hala tuju baharu yang dibangunkan adalah signifikan, relevan dan boleh dicapai.



Delegasi Malaysia yang hadir secara maya ke APEC Policy Partnership on Food Security

PERSIDANGAN KE-42 FOOD AND AGRICULTURE ORGANIZATION OF THE UNITED NATIONS (FAO)

14-18 JUN 2021

Persidangan Ke-42 Food And Agriculture Organization Of The United Nations (FAO) ini telah dilaksanakan secara maya pada 14 hingga 18 Jun 2021. Persidangan yang diadakan secara dwi-tahunan ini bertujuan menentukan dasar, meluluskan belanjawan dan membuat cadangan kepada negara anggota dan organisasi antarabangsa berkaitan dengan halatuju FAO.

YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah mengetuai Delegasi Malaysia ke persidangan ini dan turut dianggotai oleh Duta Besar Malaysia ke Itali sebagai Wakil Tetap Malaysia ke FAO, serta pegawai-pegawai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Ucapan Perasmian oleh Ketua Pengarah FAO iaitu Dr. Qu Dongyu, Presiden Itali dan Pope Francis menekankan keperluan negara anggota FAO untuk bertindak secara holistik dengan memberi penekanan kepada sains, inovasi, aplikasi digital dan pembangunan lestari dalam usaha mendepani cabaran terhadap sistem pertanian makanan. Persidangan kali ini juga telah memilih Hans Hoogeveen, Perwakilan Tetap Belanda ke United Nations Organizations (UN) di Rome, sebagai Independent Chairperson of the Council yang baharu untuk tempoh dua tahun mulai 2021 hingga 2023.

YB Menteri telah menyampaikan Kenyataan Negara dengan tema “Agriculture Food Systems Transformation: From Strategy To Action” melalui rakaman video yang menekankan agenda sekuriti makanan negara bertujuan memastikan bekalan makanan yang bukan sahaja mencukupi tetapi juga mampu dimiliki, selamat dan berkualiti. Selain itu, YB Menteri turut memaklumkan Dasar Agromakanan



YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan selaku Ketua Delegasi Malaysia menyampaikan Kenyataan Negara

Negara 2.0 (NAP 2.0) 2021-2030 yang digubal bagi memastikan sistem rantaian makanan negara dapat mendepani cabaran sekuriti makanan, serta langkah-langkah yang telah diambil Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 dalam usaha meningkatkan produktiviti, sistem sokongan dan perkhidmatan, serta memperkasa rantaian nilai makanan yang secara langsung menyumbang kepada kelestarian sistem makanan.

Bagi penglibatan di peringkat serantau, Malaysia mengetengahkan keutamaan memacu transformasi inovasi dan digital dalam penggubalan dasar sektor pertanian serta menyarankan FAO untuk mengaplikasi dan memanfaatkan sumber-sumber berkaitan dalam menyokong pelaksanaan projek dan program di bawah Regional Conference for Asia and the Pacific (APRC). Persidangan tahun ini juga membincangkan dan bersetuju dengan FAO Strategic Framework 2022-2031 yang dibangunkan bertujuan menyokong Agenda 2030 for Sustainable Development melalui transformasi kepada sistem makanan pertanian yang lebih cekap, inklusif, berdaya tahan, dan lestari bagi mencapai prinsip Four Better; Better Production, Better Nutrition, Better Environment and Better Life.

Penyertaan Delegasi Malaysia ke persidangan ini memperkuatkkan lagi kerjasama dengan negara-negara membangun dalam mengimbangi pengaruh negara maju serta mengetengahkan isu-isu yang akan memberi kesan secara langsung kepada negara-negara membangun seperti pembangunan mapan, rantaian nilai makanan, kebersamaan tanggung jawab (shared responsibility) serta transformasi digital.



Ketua Pengarah FAO, Dr. Qu Dongyu ketika menyampaikan ucaptama

FOOD SYSTEMS PRE-SUMMIT 2021 (PRE FSS 2021), 26-28 JULAI 2021, ROME, ITALI

United Nations (UN) dengan kerjasama Food and Agriculture Organization (FAO) telah menganjurkan Food Systems Pre-Summit 2021 (Pre FSS 2021) pada 26 hingga 28 Julai 2021 di Rome, Itali. Persidangan ini adalah sebahagian dari Decade of Action bagi mencapai Sustainable Development Goals (SDGs) menjelang tahun 2030.

Pre FSS 2021 ini adalah platform persediaan substantif untuk Food Systems Summit (FSS) 2021 yang akan diadakan pada bulan September 2021 di New York, Amerika Syarikat dan akan dihadiri oleh YAB Perdana Menteri.

Pre FSS 2021 mengumpulkan pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai kanan dari negara-negara ahli UN untuk membincangkan dan memberi cadangan untuk merevolusi Food System di peringkat global, serantau dan negara-negara ahli. Selain mendapatkan input dari negara-negara ahli, Pre-summit juga bertujuan mengumpulkan pandangan dari pelbagai platform seperti Kumpulan Saintifik, Ahli Akademik, Action Tracks, Food Systems Summit Dialogue, Champion Network, pertubuhan pertanian, sektor swasta serta UN Task Force.

Kesemua input dan pandangan akan disintesikan untuk dibawa ke Summit pada September 2021. Malaysia telah menyertai secara aktif di dalam Action Tracks 1: Ensure access to safe and nutritious food for all (yang diketuai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia)

dan Action Tracks 5: Build resilience to vulnerabilities, shocks and stress (yang diketuai MAFI) serta telah mengadakan beberapa siri National Dialogue bagi menyumbang kepada pembentukan halatuju negara (National Pathway) untuk transformasi Food Systems.

Input dari sesi libat urus bagi tujuan persediaan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) juga digunakan untuk tujuan input Pre FSS 2021 ini.

YBhg. Dato' KSU MAFI telah mengetuai Delegasi Malaysia ke Pre FSS 2021 dan turut turut disertai Duta Besar Malaysia dan Pejabat Perwakilan Pertanian Rome di Itali. Penglibatan MAFI adalah bertujuan menunjukkan komitmen negara terhadap usaha untuk merevolusikan sistem makanan yang seterusnya menjurus kepada pengukuhan sekuriti makanan negara.

Penyertaan Malaysia juga bagi meningkatkan visibility MAFI di FAO dan UN di samping mewujudkan hubungan kerjasama bagi membida projek dan program FAO pada masa akan datang.

Pada persidangan ini, YBhg. Dato' KSU telah berkongsi halatuju negara (National Pathway) berkaitan Food Systems terutamanya usaha Malaysia dalam menjamin bekalan makanan, memacu permodenan serta aplikasi teknologi, kelestarian rantai makanan serta pelbagai aspek berhubung nutrisi dan keselamatan makanan negara.



YBhg. Dato' KSU selaku National Covenor, Malaysia menyampaikan Kenyataan Negara semasa Sesi "Transforming Food Systems for Achieving the Sustainable Development Goals: Rising to the Challenge"

MESYUARAT KUMPULAN KERJA APEC POLICY PARTNERSHIP ON FOOD SECURITY WORKING GROUP, THIRD SENIOR OFFICIALS' MEETING (APEC PPFS SOM 3), 10 DAN 11 OGOS 2021

Mesyuarat Kumpulan Kerja APEC Policy Partnership On Food Security Working Group, Third Senior Officials' Meeting (APEC PPFS SOM 3) ini telah dilaksanakan secara maya pada 10 dan 11 Ogos 2021.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Mr. Philip Houlding, dari New Zealand selaku tuan rumah APEC 2021, manakala Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (KSU MAFI) pula berperanan sebagai Vice Chair (previous host APEC 2020) bersama-sama Thailand (upcoming host APEC 2022).

Delegasi Malaysia pula diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI dan turut disertai oleh pegawai-pegawai MAFI. Sebanyak 7 Agenda Utama telah dibentangkan di PPFS SOM 3 iaitu:

1. Opening Session daripada Pengerusi dan Naib Pengerusi APEC PPFS;
2. Ucapan dari Matt Kovac, Pengarah Eksekutif, Food Industry Asia;
3. Pengemaskinian program dan aktiviti yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kumpulan Kerja dan Ekonomi APEC;
4. Pembentangan Food Security Roadmap Toward 2030 daripada New Zealand;
5. Implementation Discussion bagi pelaksanaan pelan tindakan di dalam Food Security Roadmap Toward 2030;
6. Pembentangan Food Security Ministers' Statement; dan
7. Penutup dan Tindakan Susulan daripada Pengerusi dan Naib Pengerusi.

YBhg. Dato KSU dalam ucapannya telah memberi penghargaan Malaysia kepada New Zealand selaku tuan rumah APEC 2021 atas kejayaan penganjuran mesyuarat pada kali ini walaupun berdepan dengan penularan COVID-19.

Beliau turut memaklumkan bahawa semasa United Nations Food Systems Pre-Summit 2021 yang telah diadakan pada 26 hingga 28 Julai 2021, negara-negara termasuk ekonomi APEC telah berkumpul di Rome, Itali untuk memberi penekanan yang mendalam terhadap sistem makanan yang lestari dalam usaha mencapai Agenda Sustainable Development Goals 2030. Beliau turut percaya agenda yang telah direncanakan di bawah platfrom PPFS ini turut sejajar dengan komitmen global yang digambarkan semasa Pre-Summit tersebut.

Food Security Roadmap Towards 2030 dan Food Security Ministers' Statement merupakan 2 keberhasilan utama mesyuarat pada kali ini, di mana 2 dokumen ini telah dipersejui oleh kesemua Ekonomi APEC untuk di bawa dan dibentangkan semasa APEC Food Security Ministerial Meeting (FSMM) yang dijadual akan diadakan pada 19 Ogos 2021.

Food Security Roadmap Towards 2030 yang dibangunkan oleh New Zealand ini merupakan dokumen yang disediakan selaras dengan Putrajaya Vision 2040 dan mempromosikan kerjasama di antara negara-negara anggota untuk mewujudkan pemulihhan yang berterusan dan berdaya tahan dari wabak tersebut.

Dokumen tersebut turut mengambil kira kajian semula yang dilaksanakan Malaysia selaku tuan rumah pada tahun 2020 sebagai panduan Ekonomi APEC menangani cabaran keselamatan makanan kesan penularan COVID-19 dengan turut mengambil kira usaha dan kerjasama yang dilaksanakan oleh organisasi antarabangsa dan pelbagai hala lain seperti ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Agensi-agensi di bawahnya serta World Trade Organisation (WTO).

Sebanyak 5 bidang tindakan utama telah dikenalpasti dalam pembangunan Food Security Roadmap Towards 2030 ini iaitu Digitalisation and Innovation, Productivity, Inclusivity, Sustainability dan Public Private Partnerships.

Food Security Ministers' Statement pula merupakan dokumen yang menggariskan 13 Kenyataan Utama Menteri-menteri Pertanian APEC hasil penyelarasan input daripada 21 Ekonomi APEC termasuk daripada pihak ABAC. Kenyataan ini akan dibentangkan untuk dipersejui oleh semua Menteri Pertanian APEC semasa berlangsungnya Food Security Ministerial Meeting (FSMM) yang dijadual akan diadakan pada 19 Ogos 2021.

Kenyataan ini merupakan komitmen Ekonomi APEC yang menyokong penekanan yang diberikan APEC untuk menangani krisis kesihatan global dan kesan terhadap ekonomi serta mendukung semua langkah-langkah pemulihhan yang dilaksanakan terutamanya terhadap golongan-golongan yang terkesan.

Kenyataan ini turut menyokong Food Security Roadmap Towards 2030 yang dibangunkan New Zealand selaras dengan Putrajaya Vision 2040 dengan penekanan kepada 3 pemacu ekonomi iaitu perdagangan dan pelaburan: inovasi dan digitalisasi; dan pertumbuhan yang kuat, seimbang, selamat, lestari dan inklusif.

6TH APEC MINISTERIAL MEETING ON FOOD SECURITY, 19 OGOS 2021

YBhg. Dato' Haslina Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian telah mengetuai Delegasi Malaysia ke 6th Food Security Ministerial Meeting (6th FSMM) yang diadakan pada 19 Ogos 2021 secara maya, memandangkan perletakan jawatan oleh Perdana Menteri dan seluruh anggota Kabinet pada 16 Ogos 2021.

6th FSMM merupakan platform Menteri-menteri Pertanian APEC bertukar pandangan mengenai polisi, inisiatif-inisiatif digitalisasi dan inovasi berkaitan sekuriti makanan dalam konteks mendepani cabaran COVID-19. Ia juga memberi peluang Menteri-menteri Pertanian APEC untuk membincangkan bagaimana kerjasama serantau dapat dilaksanakan melalui APEC Food Security Roadmap Towards 2030 yang dirangka New Zealand selaku tuan rumah APEC 2021, dapat menyumbang kepada objektif sistem makanan ekonomi APEC.

Kesan berterusan pandemik COVID-19 terhadap kesejahteraan dan keselamatan di rantau APEC terutamanya terhadap keselamatan makanan dan rantaian bekalan, adalah antara perkara yang diberi perhatian pada 6th FSMM. Pertemuan yang diadakan secara maya ini menyokong penekanan untuk bertindak balas terhadap krisis kesihatan global dan kesan terhadap ekonomi yang tidak pernah berlaku sebelum ini. 6th FSMM turut mengesahkan APEC Food Security Roadmap Towards 2030 yang memfokuskan kepada pendigitalan dan inovasi, produktiviti, keterangkuman dan kemampunan, serta mengenal pasti tindakan dan sasaran untuk mencapai makanan yang mencukupi, selamat, berkhasiat, mudah diakses dan mampu dimiliki semua.



Menteri-Menteri Pertanian APEC semasa 6th APEC Ministerial Meeting on Food Security

YBhg. Dato' KSU dalam Kenyataan Negara yang disampaikan beliau menekankan APEC Food Security Roadmap Towards 2030 yang dibangunkan menyediakan laluan penting untuk menjana momentum ke arah pendigitalan dan teknologi inovatif lain, selaras dengan kemajuan teknologi baharu dalam era digital dan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0).

Pandemik yang melanda dunia ketika ini memaksa semua pihak mencari cara yang inovatif dan kreatif untuk memastikan rantaian bekalan makanan tidak terganggu. Ianya termasuklah inovasi dan pendigitalan rantaian bekalan makanan, seperti teknologi baharu dalam penyimpanan dan pengangkutan makanan. Sistem penyimpanan dan pengangkutan yang pintar, berkesan, inovatif dan mesra alam boleh memastikan hasil pertanian dan produk makanan bukan sahaja selamat dan mampu mengekalkan nilai pemakanan, tetapi juga menyokong sistem makanan yang mampu.

YBhg. Dato' KSU turut memaklumkan bahawa Malaysia telah melancarkan My Digital Initiative yang turut merangkumi My Digital Economy Blueprint dalam usaha mempercepatkan inovasi dan mewujudkan ekosistem digital yang berkesan di Malaysia termasuk dalam sektor agro makanan.

Selain itu, Malaysia juga menujuhkan Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Keselamatan Makanan Negara (FSCC) serta Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) yang mengambil pendigitalan dan inovasi sebagai tema utama.



YBhg. Dato KSU semasa 6th Ministerial Meeting on Food Security yang diadakan secara maya pada 19 Ogos 2021

KUNJUNGAN HORMAT DUTA BESAR UZBEKISTAN DI MALAYSIA KE ATAS YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan telah menerima kunjungan hormat oleh Tuan Yang Terutama (TYT) Ravshan Usmanov, Duta Besar Uzbekistan ke Malaysia pada 26 April 2021 di Wisma Tani, Putrajaya.

Pada perjumpaan itu, kedua belah pihak berbincang mengenai pelbagai aspek hubungan dua hala antara Malaysia dan Uzbekistan dalam sektor pertanian dan industri makanan.

Malaysia turut menyatakan minat untuk meningkatkan eksport buah-buahan tropika, sayur-sayuran dan produk diproses daripada industri asas tani yang merangkumi makanan sejuk beku, snek, sos serta herba yang diproses ke Uzbekistan.



Uzbekistan adalah negara rakan dagangan Malaysia di Asia Tengah yang mempunyai potensi pasaran yang tinggi. Antara Januari hingga November tahun 2020, perdagangan pertanian antara dua negara memihak kepada Malaysia berjumlah RM115.03 juta.

Malaysia akan terus mengukuhkan hubungan baik dengan Uzbekistan, malah bersedia memperkuatkan hubungan pada masa hadapan termasuk kesediaan Malaysia untuk meneroka peluang kerjasama yang baharu dalam bidang pertanian dan industri makanan.



KUNJUNGAN HORMAT DUTA BESAR JEPUN DI MALAYSIA KE ATAS KETUA SETIAUSAHA PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

YBhg. Dato' Haslina Abdul Hamid, Ketua Setiausaha (KSU), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah menerima kunjungan hormat oleh TYT Oka Hiroshi, Duta Besar Jepun ke Malaysia pada 26 April 2021 di Wisma Tani, Putrajaya.

Pertemuan ini bertujuan mengukuhkan kerjasama sedia ada dan meneroka kerjasama baharu antara dua buah negara dalam sektor pertanian dan industri makanan. Mendepani cabaran pasca COVID-19, perbincangan lebih tertumpu kerjasama dalam sekuriti makanan

dan usaha-usaha memperkemas rantaian nilai sektor pertanian dan meningkatkan perdagangan antara dua negara terutamanya dalam industri halal, tenusu serta wagyu.

MAFI juga menyatakan akan mengadakan perbincangan dengan Japan International Cooperation Agency (JICA) bagi merangka program dan kursus yang bersesuaian dalam sektor pertanian melibatkan usahawan/petani muda dan pegawai-pegawai Kementerian.

KUNJUNGAN HORMAT DUTA BESAR IRELAND DI MALAYSIA KE ATAS KETUA SETIAUSAHA PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

YBhg. Dato' Haslina Abdul Hamid, KSU MAFI telah menerima kunjungan hormat daripada Puan Yang Terutama (PYT) Hilary Reilly, Duta Besar Ireland ke Malaysia pada 27 April 2021 di Wisma Tani, Putrajaya. Kunjungan ini bertujuan memperkuuhubungan kerjasama dua hala Malaysia dan Ireland dalam sektor pertanian terutamanya dalam industri ternakan termasuk daging dan tenusu.

Selain itu, pertemuan ini turut memberi peluang kedua-dua negara memperhalusi isu-isu sedia ada dalam usaha meningkatkan nilai perdagangan serta melihat

potensi kerjasama baharu dalam sektor pertanian. Malaysia dan Ireland turut berkongsi pengalaman dalam merangka dasar dan halatuju sektor pertanian bagi memastikan ianya sentiasa selari dan memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals – SDG) terutamanya dalam mengatasi cabaran global masa kini.

Malaysia boleh memanfaatkan pengalaman Ireland dalam membangunkan industri pertanian melalui inovasi sehingga berjaya mengeksport ke lebih 180 negara.

KUNJUNGAN HORMAT DUTA BESAR HUNGARY DI MALAYSIA KE ATAS KETUA SETIAUSAHA PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

PYT Dr. Petra Ponevács-Pana, Duta Besar Hungary ke Malaysia telah mengadakan dua sesi Kunjungan Hormat ke atas YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada 28 April 2021 dan 25 November 2021.

Dalam kunjungan hormat pertama yang bertempat di Wisma Tani, Putrajaya, antara perkara yang dibincangkan adalah berkenaan kerjasama dalam bidang penternakan antara Malaysia dan Hungary. Pihak Kedutaan Hungary telah mengadakan pertemuan bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) pada 12 Mac 2021. Pertemuan tersebut telah membincangkan berkenaan peluang kepada kedua-dua negara untuk bertukar-tukar pandangan mengenai perluasan kerjasama dua hala terutamanya mengenai

perdagangan antara kedua-dua negara. Selain itu, cadangan Memorandum Persefahaman (MoU) antara kementerian pertanian kedua-dua negara turut dibangkitkan.

Kunjungan hormat kedua diadakan di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur bagi membincangkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa kunjungan hormat pertama iaitu berkenaan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) Dalam Bidang Pertanian Antara Kerajaan Malaysia dan Hungary. YBhg. Dato' KSU telah memaklumkan bahawa draf MoU tersebut sedang dalam penelitian dan semakan oleh Kementerian/Agensi lain bagi mendapatkan ulasan/pandangan sebelum diluluskan oleh Kabinet. MoU tersebut dijangka akan ditandatangani pada tahun 2022 oleh Menteri Pertanian kedua-dua negara.



KUNJUNGAN HORMAT PESURUHJAYA TINGGI AUSTRALIA DI MALAYSIA KE ATAS YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

YB Menteri MAFI telah menerima kunjungan hormat oleh TYT Dr Justin Lee, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia pada 28 Oktober 2021 di Menara LPP, Kuala Lumpur. YB Timbalan Menteri I dan YBhg. Dato' Ketua Setiausaha MAFI turut serta di dalam sesi Kunjungan Hormat ini.

Pada perjumpaan itu, pelbagai aspek hubungan dua hala antara Malaysia dan Australia dalam sektor pertanian dan industri makanan telah dibincangkan. Perkembangan kerjasama dua hala di antara Malaysia dan Australia dalam bidang pertanian adalah positif, di mana kedua-dua negara sering berhubung mengenai isu-isu pertanian melalui pelbagai platform mesyuarat seperti Malaysia-Australia Agriculture Cooperation Working Group (MAACWG) dan Malaysia-Australia Free

Trade Agreement Sanitary and Phytosanitary Working Group (MAFTA SPS WG).

Di pertemuan ini, fokus dan keutamaan MAFI berdasarkan Dasar Agromakanan 2.0 (DAN 2.0) yang baharu dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Oktober 2021 yang lalu juga berkesempatan dijelaskan.

Malaysia akan terus mengukuhkan hubungan baik dengan Australia, dan kerjasama dua hala dalam bidang pertanian di antara kedua-dua Negara amat menggalakkan dan berpotensi untuk dipertingkatkan lagi termasuk dengan meneroka peluang kerjasama yang baharu dalam bidang pertanian dan industri makanan.



MESYUARAT MALAYSIA-AUSTRALIA AGRICULTURE COOPERATION WORKING GROUP (MAACWG) KE-12 DAN MALAYSIA-AUSTRALIA FREE TRADE AGREEMENT SANITARY AND PHYTOSANITARY WORKING GROUP (MAFTA SPS WG) KE-5

YBhg. Dato' Haslina Abdul Hamid, KSU MAFI telah mempengerusikan secara bersama Mesyuarat Ke-12 Malaysia-Australia Agriculture Cooperation Working Group (12th MAACWG) dan Mesyuarat Ke-5 Malaysia-Australia Free Trade Agreement Sanitary and Phytosanitary Working Group (5th MAFTA SPS WG) dengan Mr. Chris Tinning, Setiausaha Pertama, Divisyen Perdagangan dan Akses Pasaran, Bahagian Pertanian, Air dan Persekitaran Australia.

Mesyuarat yang dihoskan secara atas talian oleh Australia ini turut melibatkan penyertaan pegawai-pegawai serta Jabatan di bawah MAFI, Pejabat Perwakilan Pertanian Sydney Australia, Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi (MPIC), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Kemuncak 12th MAACWG, Malaysia dan Australia turut menandatangani Kenyataan Bersama yang menekankan komitmen kedua-dua negara untuk terus menjalankan kerjasama perdagangan secara terbuka, memudahkan pengaliran barang dan perkhidmatan

pertanian, serta meminimumkan gangguan kepada rantai bekalan dan perdagangan makanan. Kedua-dua negara turut membincangkan hasrat dalam mengukuhkan lagi perkongsian dalam perdagangan pertanian untuk meningkatkan sekuriti makanan, menggalakkan kerjasama dan pelaburan sektor swasta selain memajukan kerjasama teknikal yang menyokong kepentingan bersama dalam usaha untuk pulih kesan daripada penularan pandemik COVID-19. Mesyuarat ini turut memberi pelaporan kerjasama teknikal yang dilaksanakan kedua-dua negara dalam bidang ternakan, tanaman, perikanan, perhutanan dan halal.

Manakala Mesyuarat 5th MAFTA SPS pula, merupakan platform bagi Malaysia dan Australia membincang dan merundingkan isu-isu akses pasaran, Sanitary and Phytosanitary (SPS), serta cadangan kerjasama baharu dalam pengesportan dan pengimportan kedua-dua negara. Bagi mesyuarat kali ini, Malaysia memberi fokus dalam usaha meningkatkan lagi akses pasaran eksport produk buah-buahan tropika, produk-produk hasilan ternakan, tenusu dan perikanan Malaysia ke Australia.

PENYERTAAN KE MESUARAT MENTERI-MENTERI PERTANIAN DAN PERHUTANAN ASEAN (AMAF) KE-43 DAN MESUARAT MENTERI-MENTERI PERTANIAN & PERHUTANAN ASEAN CAMPUR TIGA (AMAF +3) KE-21 PADA 27 OKTOBER 2021 SECARA ATAS TALIAN

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Malaysia, YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah mengetuai delegasi Malaysia dalam menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan. Mesyuarat-mesyuarat yang dihadiri adalah seperti berikut:

1. Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian & Perhutanan ASEAN ke-43 (43rd AMAF); dan
2. Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian & Perhutanan ASEAN Campur Tiga ke-21 (21st AMAF Plus Three)

Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN kali ke-43 dan Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN Campur Tiga kali ke-21 ini telah diadakan pada 27 Oktober 2021 melalui sidang video. Mesyuarat tersebut telah

dipengerusikan oleh H.E Dr. Syahrul Yasin Limpo, Menteri Pertanian Indonesia dan telah disertai oleh delegasi dari Negara-negara Anggota ASEAN (AMS).

Mesyuarat AMAF dan Mesyuarat AMAF Campur Tiga merupakan dua mesyuarat tahunan peringkat menteri ASEAN yang diadakan untuk membincangkan perkara-perkara berbangkit dan isu-isu yang berkaitan dengan sektor pertanian dan perhutanan serantau. Pada pertemuan tahun ini, mesyuarat bersetuju untuk melaksanakan dan meningkatkan usaha-usaha pemulihian ekonomi rantau ASEAN yang terkesan daripada impak pandemik COVID-19 secara bersama-sama. Mesyuarat juga menyatakan komitmen jitu dalam memastikan sekuriti dan keselamatan makanan di ASEAN sentiasa terjamin dan terpelihara.



MESUARAT KE-43 MENTERI-MENTERI PERTANIAN & PERHUTANAN ASEAN (43rd AMAF)

H.E Dr. Syahrul Yasin Limpo selaku pengerusi mesyuarat dalam ucapan aluannya telah menyampaikan penghargaan kepada negara-negara ASEAN atas segala komitmen dan kerjasama dalam memastikan sektor makanan, pertanian dan perhutanan di rantau ini kekal utuh walaupun terpaksa berhadapan dengan cabaran pandemik.

Selain itu, untuk mencapai sistem makanan yang berdaya tahan dan mampan, pengerusi turut menggalakkan AMS untuk terus meneroka peluang dan ruang inovasi teknologi serta menyokong pembangunan sumber manusia termasuk penyertaan generasi milenial yang inovatif dan adaptif terhadap teknologi digital untuk diaplikasikan ke dalam sektor pertanian.

Pada mesyuarat ini, negara-negara anggota ASEAN telah menerima dan mengambil kira 6 kertas makluman dan 27 kertas untuk pengesahan di peringkat menteri-menteri ASEAN yang merangkumi status kemajuan setiap kumpulan kerja sektoral bagi pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang telah dirancang dalam bidang pertanian, keselamatan makanan dan perhutanan selaras dengan Pelan Strategik Makanan, Pertanian dan Perhutanan (Strategic Plan – Food, Agriculture and Forestry - SP-FAF) 2016-2025. Pelan Strategik SP-FAF 2016-2025 ini merangkumi pelan-pelan strategik bagi setiap sektor ternakan, tanaman, perikanan, sanitari dan fitosanitari, koperasi pertanian dan pengurusan hutan.

Antara perkara penting yang dibangkitkan dalam mesyuarat AMAF kali ini adalah:

- usaha-usaha pemulihian dan daya tahan ekonomi negara-negara anggota ASEAN, pasca COVID-19 di bawah Kerangka Pemulihan Komprehensif ASEAN (ACRF) dan usaha-usaha di peringkat national;
- kemajuan pelaksanaan kerangka dasar berkaitan dengan kerjasama ASEAN di dalam bidang makanan, pertanian dan perhutanan;
- pengemaskinian senarai barang keperluan ASEAN di bawah ACRF yang melibat cadangan daripada Mesyuarat Pegawai Kanan Ekonomi (SEOM) untuk memasukkan makanan ruji seperti beras, jagung dan gula dalam senarai sedia ada; dan
- kerjasama, kolaborasi dan projek-projek penting bagi menyokong visi dan pelan strategik untuk kerjasama ASEAN dalam sektor makanan, pertanian dan perhutanan (2016-2025).

Sepanjang mesyuarat ini, para pemimpin AMAF telah berpeluang untuk berkongsi pengalaman, inisiatif dan langkah yang dilaksanakan dalam mendepani pandemik serta impaknya kepada ekonomi setiap negara dan serantau. YB Menteri dan rakan sejawat dari AMS juga menyatakan komitmen untuk meningkatkan jaminan bekalan makanan negara di rantau ini dalam usaha untuk mengurangkan impak COVID-19 terhadap penduduk ASEAN selain untuk memastikan kesejahteraan penduduk terus terpelihara.

MESYUARAT MENTERI-MENTERI PERTANIAN & PERHUTANAN ASEAN CAMPUR TIGA KE-21 (21st AMAF PLUS THREE)

Mesyuarat 21st AMAF Plus Three ini merupakan satu platform kerjasama di antara negara-negara ASEAN dengan negara China, Jepun dan Republik Korea di rantau ASEAN. Pada mesyuarat ini, menteri-menteri ASEAN Plus Three telah mengambil maklum akan kemajuan dan pelaksanaan program serta aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2021 di bawah pelan bersama rakan dialog China, Jepun dan Republik Korea.

Selain itu, mesyuarat ini juga mengambil maklum kerjasama substantif serta bantuan bencana alam oleh negara-negara Plus Three seperti usahasama sedia ada yang dijalankan di bawah ASEAN Plus Three Emergency Rice Reserve (APTERR).

YB Menteri mengalui-alukan penglibatan dan kerjasama yang lebih erat di antara ASEAN dan ketiga-tiga negara dalam usaha mempercepatkan proses pemulihan ekonomi dan pembangunan demi kemakmuran serantau terutamanya dalam membangun semula ekonomi pasca pandemik.

Selain itu, Malaysia juga komited dalam merealisasikan rangka kerja dasar ASEAN mengenai makanan, pertanian dan perhutanan di bawah AMAF Plus

Three. Selaras dengan komitmen tersebut, Malaysia memaklumkan bahawa Dasar Agro Makanan Negara (DAN 2.0) telah dilancarkan pada 25 Oktober 2021. Pelancaran dasar ini bertujuan memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan menjadikan agro makanan sebuah industri mampar, berdaya tahan dan berteknologi tinggi.

DAN 2.0 akan memberi fokus kepada amalan pertanian mampar dengan penggunaan sumber bio untuk meningkatkan keselamatan makanan dan mengurangkan pencemaran alam sekitar.

DAN 2.0 juga menekankan usaha mengurangkan kehilangan makanan dan pembaziran makanan di sepanjang rantai nilai, dengan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber. Dengan 21 strategi dan 77 pelan tindakan, DAN 2.0 akan membantu Malaysia memperkuuhkan jaminan bekalan dan keselamatan makanan dalam menghadapi krisis seperti pandemik COVID-19 dan cabaran-cabaran pasca pandemik seterusnya membangun semula bersama rakan-rakan serantau.



SEKTOR DASAR



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KAPASITI DAN LATIHAN PERTANIAN (BPKLP)

LATAR BELAKANG

Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP) yang dulu dikenali sebagai Bahagian Latihan Kapasiti Pertanian (BLKP) pada tahun 2018-2022 dan mulanya Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) daripada 2002-2018.

NATC telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Oktober 2002 dan beroperasi sebagai salah satu bahagian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) setelah cadangan mewujudkan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 24 Julai 2002. BPKLP menjalankan fungsi sebagai badan yang merancang, menyelaras dan menilai latihan kemahiran dalam bidang pertanian.

BPKLP telah dilantik sebagai Badan Peneraju Industri (Industry Lead Body-ILB) bagi bidang pertanian oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

Pelantikan ini bertujuan untuk menyediakan landasan ke arah peningkatan daya saing global melalui penyampaian pendidikan dan latihan pertanian yang berkualiti, berkesan dan relevan bagi menyediakan tenaga kerja terlatih dalam industri sektor pertanian di semua peringkat. Sebanyak empat (4) program latihan jangka panjang diperkenalkan iaitu Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3 dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4, Sijil Pertanian, Sijil Veterinar Malaysia dan Sijil Perikanan.

PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN PERTANIAN KEBANGSAAN (PLKPK)

Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) diwujudkan selaras dengan kelulusan Jemaah Menteri pada Julai 2002 bagi meningkatkan pengeluaran pertanian melalui model pembangunan insan mahir di dalam bidang pertanian. PLKPK dilaksanakan berteraskan National Occupational Skills Standard (NOSS) dengan peruntukan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (National Skill Development Act-NASDA).

TERAS PEMBANGUNAN PLKPK


- Dibangunkan Bersama pihak industri
- Mengaplikasikan amalan pertanian baik dan teknologi pertanian moden
- Mengambilkira permintaan semasa pasaran tenaga kerja

MATLAMAT PLKPK

- Menjadi usahawan tani yang berkeyakinan, berkemahiran dan berdaya saing.
- Melahirkan tenaga kerja mahir dan profesional yang akan berkhidmat dalam sektor swasta
- Menjadi platform kepada pelatih untuk melanjutkan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

SENARAI PUSAT BERTAULIAH YANG MELAKSANAKAN PLKPK

Sehingga kini sebanyak 14 Institusi Latihan Pertanian telah ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliah (PB) di bawah BPKLP, MAFI yang melaksanakan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK). Bagi Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia dengan Sembilan (9) bidang kemahiran ditawarkan iaitu bidang tanaman, bidang pengeluaran padi, bidang ternakan ruminan, bidang ternakan poltri, bidang akuakultur marin, bidang akuakultur air tawar, bidang teknologi perikanan tangkapan, bidang pemprosesan makanan, dan bidang pemasaran.



BIL	PUSAT BERTAULIAH	BIDANG PENGAJIAN
1	Kolej Pertanian Malaysia, Bukit Tangga, Kedah	Tanaman, Ternakan Ruminan, Akuakultur Air Tawar, Pemprosesan Makanan, Pemasaran
2	Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Sitiawan Perak.	Akuakultur Air Tawar, Akuakultur Marin, Teknologi Perikanan Tangkapan
3	Institut Pertanian Kuala Lipis, Pahang.	Tanaman
4	Institut Pertanian Ayer Hitam, Johor.	Tanaman
5	Institut Pertanian Titi Gantung, Perak.	Tanaman
6	Institut Pertanian Bumbung Lima, Pulau Pinang	Tanaman
7	Institut Pertanian Serdang, Selangor	Tanaman
8	Institut Pertanian Sarawak, Kuching, Sarawak.	Tanaman
9	Institut Veterinar Malaysia, Kluang Johor.	Ternakan Ruminan
10	Institut Teknologi Unggas, Masjid Tanah, Melaka.	Ternakan Poltri
11	Institut Latihan FAMA, Kota Bharu, Kelantan.	Pemasaran
12	Pusat Latihan MARDI, Serdang Selangor.	Pemprosesan Makanan
13	MADA Rice Training Center, Alor Setar, Kedah.	Pengeluaran Padi
14	Akademi Perikanan Malaysia, Chendering, Terengganu.	Teknologi Perikanan Tangkapan



PELAKSANAAN PROGRAM-PROGRAM PROMOSI BAGI MENARIK MINAT GOLONGAN MUDA MENYERTAI PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN PERTANIAN KEBANGSAAN (PLKPK)

Program Promosi Melalui Pameran

Pendekatan yang digunakan bagi mempromosikan program-program tersebut dilakukan melalui dua (2) kaedah iaitu secara bersemuka (pameran dan taklimat) dan media sosial. Bagi tahun 2021 sebanyak 13 pameran dan promosi telah disertai di bawah anjuran Kementerian Pendidikan dan Kementerian

Pengajian Tinggi, Lawatan ke Syarikat swasta dan Unit Agropreneur Muda. Media sosial merupakan penyumbang terbesar dalam mempromosikan program-program ini. Media sosial yang digunakan ialah Facebook, Instagram, Youtube dan Tik tok.

BIL.	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
1	31 Mac 2021	Webinar Peluang Belia Dalam Industri Agromakanan Bersama En Hussin bin Mahmud, Pengarah, Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian.	Virtual
2	15 - 21 Jun 2021	Jom Masuk IPT 2021 secara Virtual	Virtual
3	17 Jun 2021	Webinar Jom Masuk IPT 2021 bersama En. Hussin bin Mahmud, Pengarah, Bahagian Kapasiti dan Latihan Pertanian, MAFI .	Virtual
4	30 Jun 2021	Facebook Live Kemasukan BPKP JPT UPU (BPKP JPT)	Virtual
5	4 - 6 November 2021	Klinik Usahawan Agro Peringkat Negeri Perlis	Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)
6	8 November 2021	Promosi Program PLKPK Syarikat MyFutureAgro di Sabah	Sabah
7	8 November 2021	Promosi Program PLKPK Syarikat Baiu Organik Farm (MyFutureAgro) di Sabah	Sabah
8	8 November 2021	Promosi Program PLKPK Syarikat Arnab Village Kundasang (MyFutureAgro) di Sabah	Sabah
9	8 November 2021	Promosi Program PLKPK Syarikat Kundasang Aqua Farm (MyFutureAgro) di Sabah	Sabah
10	8 November 2021	Promosi Program PLKPK di Pejabat Peladang Kawasan Lahad Datu, Sabah	Sabah
11	8 November 2021	Promosi Program PLKPK di Pejabat Peladang Kawasan Kinabatangan, Sabah	Sabah
12	8 November 2021	Promosi Program PLKPK di Pejabat Peladang Kawasan Tawau, Sabah	Sabah
13	4 Disember 2021	Program Jelajah Agropreneur Muda (JAM) di Negeri Kelantan.	Dewan Terbuka PPK Cherang Rotan, Pasir Putih Kelantan.
14	9 - 12 Disember 2021	Program Aspirasi Keluarga Malaysia di KLCC.	Dewan 5, KLCC

Program Promosi PLKPK Melalui Media Sosial

Media sosial merupakan media yang mudah dicapai oleh golongan muda. Pelbagai maklumat boleh disampaikan dengan cepat dan pantas melalui media ini. Oleh itu, BPKLP mengambil peluang ini untuk menyampaikan maklumat berkaitan program dan aktiviti yang dilaksanakan untuk diuarkan kepada umum. Media sosial yang digunakan oleh BPKLP adalah Facebook, Instagram dan Youtube selain penggunaan e-mel.

PEMBANGUNAN STANDARD DAN KURIKULUM

Bermula 1 Januari 2011, Kementerian Sumber Manusia (KSM) secara rasminya melantik BPKLP sebagai Badan Peneraju Industri (Industry Lead Body-ILB) bagi bidang pertanian dan industri makanan. Antara peranan utama ILB adalah melaksanakan Analisa Pekerjaan (Occupational Analysis) bidang pertanian, membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau National Occupational Skills Standard (NOSS) serta Bahan Pengajaran Bertulis (Written Instructional Material-WIM) dalam bidang latihan kemahiran pertanian.

NOSS merupakan dokumen yang menggariskan keperluan keterampilan dan laluan seseorang pekerja mahir mengikut bidang. WIM pula adalah dokumen

yang disediakan oleh pengajar untuk kegunaan pengajar dan pelatih bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

BPKLP bertanggungjawab dalam membangunkan dan menyelaras NOSS dan WIM dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. Input bagi pembangunan NOSS adalah daripada panel pakar industri dan swasta manakala input WIM adalah daripada panel pakar jabatan/agensi terlatih dan berpengalaman mengikut bidang kepakaran masing-masing. Secara umumnya, NOSS dan WIM akan dikaji semula setiap lima (5) tahun atau jika ada keperluan lain seperti penambahan teknologi baharu.

Kajian Semula Standard Kemahiran Pekerjaan Malaysia

Pada tahun 2021, sebanyak enam (6) NOSS telah di kaji semula oleh BPKLP yang meliputi bidang dan tajuk seperti berikut:-

BIL.	NOSS	CU
1	Operasi Ladang Poltri (L3)	A014-006-3:2022
2	Operasi Pengeluaran Padi (L2)	A011-002-2:2022
3	Penyeliaan Operasi Pengeluaran Padi (L3)	A011-002-3:2022
4	Operasi Teknologi Perikanan Tangkapan (L3)	A031-002-3:2022
5	Operasi Akua Air Tawar (L2)	A032-006-2:2022
6	Penyeliaan Operasi Akua Air Tawar (L3)	A032-006-3:2022

Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Berdasarkan Kod Amalan Pentauliahan TVET (COPTPA)

Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) yang merupakan konsep Latihan berasaskan keterampilan (Competency Based Training-CBT) menggunakan NOSS sebagai asas untuk mengukur keterampilan pelatih bagi tujuan persijilan yang telah diperkenalkan sejak tahun 1993.

Selaras dengan keperluan Code of Practice for TVET Program Accreditation-COPTPA yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019, sebanyak Tujuh (7) Modul Penyedia TVET telah dibangunkan pada tahun 2021.

Modul-modul ini merupakan salah satu komponen di dalam modul wajib struktur Kurikulum Program TVET

selain dari modul teras dan pendedahan industri (bagi Tahap 1 dan 2) atau latihan industri (bagi Tahap 3,4 dan 5).

Gabungan modul-modul ini akan membentuk kompetensi bagi bidang kemahiran sesuatu pekerjaan yang merupakan nilai tambah kepada pelatih di Pusat Bertauliahan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Berikut adalah senarai Modul Penyedia TVET yang telah dibangunkan pada tahun 2021:-

BIL.	SUBJEK UMUM
1	Modul Komputer Untuk Pertanian
2	Modul Pemasaran Digital Untuk Pertanian
3	Modul Matematik Untuk Pertanian (Asas dan Lanjutan)
4	Modul Keusahawanan Untuk Pertanian
5	Modul Pengajian Malaysia
6	Modul Sains Untuk Pertanian
7	Modul Communication English For Agriculture Practices

PROJEK MYAGROSIS

Pada tahun 2021 terdapat 33 projek MyAgrosis yang melibatkan enam Pusat Bertauliah dan dua Kolej Vokasional Pertanian. Projek yang akan dijalankan oleh pelatih adalah bergantung kepada kesesuaian tempat, pegawai pembimbing dan masa menjalankan projek. Bilangan projek bagi setiap Pusat Bertauliah dan Kolej Vokasional Pertanian seperti di Jadual 1.

BIL.	PUSAT BERTAULIAH / KOLEJ VOKASIONAL PERTANIAN	BIL. PROJEK
1	Kolej Pertanian Malaysia, Kedah (KPM)	9
2	Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Perak (KPSN)	5
3	Institut Veterinar Malaysia, Johor (IVM)	2
4	Institut Pertanian Serdang, Selangor (IPS)	3
5	Institut Pertanian Titi Gantong, Perak (IPTG)	2
6	Institut Teknologi Uggas, Melaka (ITU)	3
7	Kolej Vokasional Chenor, Pahang	5
8	Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja, N. Sembilan	4
Jumlah projek		33

Jadual 1: Projek MyAgrosis bagi tahun 2021



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SURAU DAN KUARTERS DI KOLEJ PERTANIAN MALAYSIA (KPM), BUKIT TANGGA, KEDAH

Pada 7 April 2021 telah berlangsung majlis penyerahan projek surau dan kuarters bertempat di KPM, Bukit Tangga Kedah. Majlis penyerahan ini telah diadakan secara tertutup dan mematuhi Standard Operation Procedure (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Penyerahan projek ini telah disempurnakan oleh Jurutera Daerah JKR Kubang Pasu, Ir. Mohd Hafizi bin Mat Akhir kepada Pengarah Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP), MAFI, En Hussin bin Mahmud. Turut hadir pihak KPM, JKR Kedah dan kontraktor terlibat.

KURSUS UPSKILING DAN RESKILING PEGAWAI PENGEMBANGAN/ TENAGA PAKAR (KAKITANGAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN-MAFI) DAN KUMPULAN SASAR

BPKLP memainkan peranan utama sebagai penyedia platform yang memberikan fokus kepada upskilling dan reskilling Pegawai Pengembangan/ Tenaga Pakar (kakitangan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan-MAFI) dan Kumpulan Sasar (Agropreneur Muda/ Usahawan).

Selaras dengan fungsi tersebut, BPKLP telah menyalurkan peruntukan kepada Jabatan dan Agensi dibawah MAFI, dengan fokus utama untuk melahirkan usahawan tani yang berdaya saing, moden dan kreatif serta tenaga kerja mahir sektor pertanian meliputi semua peringkat pekerjaan dari pekerja mahir, penyelia dan pengurusan.

Projek pembinaan surau dan kuarters ini yang dilaksanakan secara konvensional dalaman oleh Megabina Industries Sdn. Bhd. selama 2 tahun bermula 14 Januari 2019, siap sepenuhnya pada 8 Mac 2021 dan menelan kos sebanyak RM5.4 juta.

Matlamat utama projek ini ialah menyediakan kemudahan surau dan kuarters yang boleh digunakan oleh para pelatih, kakitangan dan tenaga pengajar KPM. Surau yang telah siap boleh menampung sehingga 700 jemaah dan 8 unit kuarters boleh diduduki oleh kakitangan KPM. Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek ini.

Bagi memastikan keberkesanan kursus yang dilaksanakan, BPKLP bertanggungjawab untuk memantau status pelaksanaan kursus-kursus ini melalui penyerahan laporan kursus bulanan juga laporan kewangan dan fizikal yang diserahkan oleh Jabatan dan Agensi. Melalui pelaporan ini juga BPKLP dapat menilai keberkesanan kursus selain mengenalpasti keperluan dan menangani masalah yang timbul bagi memenuhi matlamat yang disasarkan.

Jadual 1: Perincian pelaksanaan kursus teknikal pertanian bagi kategori pegawai pengembangan jabatan dan agensi di bawah MAFI Tahun 2021.

BIL.	Jab/ Agensi	Tenaga Pakar			
		Bil Kursus (Sasar)	Bil Kursus (Capai)	Bil Peserta (Sasar)	Bil Peserta (Capai)
1	DOA	18	21	710	879
2	DVS	28	24	838	1562
3	MAQIS	8	19	248	693
4	MARDI	8	2	140	32
5	FAMA	10	10	300	285
6	LPNM	2	3	70	190
7	MADA	13	22	1,159	1263
JUMLAH		87	101	3,465	4,904

Jadual 2: Perincian pelaksanaan kursus teknikal pertanian bagi kategori kumpulan sasar (usahawan/ agroprenuer muda) jabatan dan agensi di bawah MAFI tahun 2021.

BIL.	Jab/ Agenzi	Usahawan / Agropreneur Muda			
		Bil Kursus (Sasar)	Bil Kursus (Capai)	Bil Peserta (Sasar)	Bil Peserta (Capai)
1	DVS	15	11	680	1304
2	DOF	14	1	290	15
3	MARDI	2	0	40	38
4	FAMA	18	31	750	7,540
5	LPNM	2	2	60	120
6	LKIM	10	2	295	71
7	KADA	13	0	900	0
8	LPP	11	9	440	369
JUMLAH		74	47	3,015	5,570



PROGRAM MOBILITI TENAGA KERJA SEKTOR AGROMAKANAN (MYFUTUREAGRO)

Program Mobiliti Tenaga Kerja Dalam Sektor Agromakanan (MyfutureAgro) merupakan cetusan idea YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan bagi membantu golongan yang terkesan dengan Covid-19 yang melanda di negara. Program ini diadakan secara Latihan kerja atau On Job Training (OJT) dalam tempoh sebulan sehingga enam bulan di syarikat yang terlibat di dalam sektor pertanian di seluruh negara.

Sasaran peserta merangkumi lepasan sekolah, graduan dan mereka yang diberhentikan kerja seluruh negara. Sasaran program ini adalah untuk membantu peserta dan syarikat melalui peningkatan produktiviti syarikat dan membantu peserta mendapat pekerjaan di samping meningkatkan ilmu pertanian peserta.

Pihak kerajaan akan membantu syarikat dalam pembayaran pengajian sebanyak RM800 hingga RM1,000 mengikut kategori peserta dan peserta juga layak untuk mendapat insentif mobility secara one-off

sebanyak RM600 hingga RM1,000 mengikut kelayakan bagi peserta yang tinggal jauh dari tempat kerja mengikut syarat – syarat yang telah ditetapkan.

Harapan kerajaan melalui program ini adalah dapat membantu syarikat mendapatkan pekerja tersebut dengan kemahiran dalam bidang pertanian. Program ini juga membantu syarikat dalam pembayaran gaji pekerja yang diambil di bawah program ini.

Dalam pada ini, peserta juga berpeluang diserap untuk mendapat pekerjaan tetap dan menjadi usahawan tani. Pihak MAFI akan menawarkan Geran/Pembelaian kepada mereka yang layak melalui Program Agropreneur Muda bagi peserta yang telah tamat OJT dan berminat untuk memulakan perniagaan dalam bidang pertanian. Pada tahun 2021, sebanyak 2685 peserta. Peserta telah menjalani On Job Training di 331 syarikat yang berdaftar dengan MyFutureAgro.



SEKTOR DASAR



BAHAGIAN PEMODENAN PERTANIAN

MENDUKUNG PEMODENAN DAN PERTANIAN PINTAR

Bahagian Pemodenan Pertanian

Bahagian Pemodenan Pertanian telah diwujudkan pada 10 Jun 2021 sebagai satu *focal point* baharu di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang memberi tumpuan khusus kepada agenda transformasi sektor agromakanan negara menerusi pemodenan dan pertanian pintar selain memperkasa sekuriti makanan negara melalui penggunaan teknologi berteraskan elemen *Industrial Revolution 4.0* (4IR). Bahagian ini merangkumi empat (4) seksyen seperti berikut:

Seksyen	Fungsi Utama
Penyelidikan	Menyelaras dan membangunkan aktiviti berkaitan penyelidikan (R&D)
Pembangunan Teknologi	Memperkasa pemodenan pertanian termasuk mekanisasi dan automasi
Inovasi Pertanian	Menyelaras dan melaksanakan aktiviti berkaitan inovasi sektor agromakanan
Projek Pertanian Moden	Merancang dan memantau pelaksanaan Projek Pertanian Moden (PPM) di Kluang, Johor

PROJEK PERTANIAN MODEN KLUANG, JOHOR

Projek Pertanian Moden (PPM) telah dibangunkan mulai tahun 2004 di Ayer Hitam dan Padang Hijau, Kluang, Johor dengan keluasan tanah sebanyak 9,210 ekar. Pelaksanaan projek ini berkonseptkan *Public Private Partnership* (PPP) di mana Kerajaan menyediakan tanah secara pajakan/sewaan kemudian diusahakan oleh pihak swasta. Nilai pengeluaran peserta PPM yang merangkumi ketiga-tiga sub-sektor iaitu tanaman, ternakan dan akuakultur adalah sejumlah RM45.71 juta pada tahun 2021. Kini, penilaian semula telah dijalankan terhadap PPM bagi memastikan PPM kekal relevan seiring dengan perkembangan teknologi dalam sektor pertanian. Perincian peserta PPM bagi ketiga-tiga sub-sektor adalah seperti berikut:

Sektor	Jumlah Syarikat
Tanaman	16
Ternakan	7
Akuakultur	1



Pineapple Cannery of Malaysia Berhad



Kustaman Enterprise (Green Foliage Sdn. Bhd.)



UK Farm Sdn. Bhd.



Xian Leng Sdn. Bhd.



PROGRAM MODENISASI RANTAIAN NILAI AGROMAKANAN (PMRNA)

Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan merupakan salah satu program kemudahan pembiayaan di bawah Dana Jaminan Makanan 2021 yang bertujuan untuk mempermudahkan akses pembiayaan kepada usahawan di seluruh rantaian nilai agromakanan sama ada di peringkat hulu atau hilir dengan menawarkan kadar pembiayaan yang berisiko rendah. Melalui Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan yang berjumlah RM60 juta ini, usahawan dalam sektor agromakanan boleh mendapatkan

kemudahan pembiayaan untuk perolehan peralatan dan teknologi berteraskan 4IR berjumlah sehingga RM1 juta pada kadar 3.5 peratus setahun bagi tempoh sehingga 10 tahun.

Antara teknologi berteraskan 4IR yang menjadi fokus dalam sektor agromakanan adalah teknologi kecerdasan buatan, sensor, robotik, dron, blockchain dan teknologi-teknologi lain yang merupakan elemen bagi konsep pertanian pintar.

LAWATAN KERJA YBHG. DATO' KSU MAFI KE PPM

Lawatan kerja YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI ke PPM Ayer Hitam telah diadakan pada 22 Ogos 2021. Turut hadir sama, YBrs. Puan Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), YBrs. Puan Wan Azilawati binti Wan Mahmood, Setiausaha Bahagian Pemodenan Pertanian dan YBrs. Tuan Nani Dzulkarnain bin Mohd Yunan, Pengarah PPM. Lawatan kerja ini bertujuan untuk memantau kemajuan pembangunan PPM di samping meninjau kesan penularan pandemik COVID-19 terhadap pengusaha industri tanaman, ternakan dan akuakultur di PPM.



Sesi taklimat YBhg. Dato' KSU MAFI bersama-sama pengusaha PPM



Lawatan ke Herba Bagus Sdn. Bhd. (Five Element Technology Sdn. Bhd.)

LAWATAN TAPAK SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM), KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA (KKMM) DAN SYARIKAT-SYARIKAT TELEKOMUNIKASI KE PPM

Menerusi pelaksanaan Dasar 4IR Negara, antara inisiatif yang perlu dilaksanakan adalah memantapkan infrastruktur untuk menyokong pelaksanaan pertanian pintar. Bahagian Pemodenan Pertanian telah membentangkan kertas pertimbangan dalam Mesyuarat Kluster Infrastruktur Digital dan Data pada 30 September 2022 yang diurussetiakan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM). Hasil daripada pembentangan ini, K-KOMM telah bersetuju agar kawasan-kawasan pertanian turut dimasukkan dalam pelan pemantapan infrastruktur internet. Untuk fasa pertama, keutamaan akan diberikan bagi memantapkan infrastruktur komunikasi di PPM, Kluang, Johor dan juga Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) terpilih di seluruh negara.

Sehubungan itu, agensi di bawah K-KOMM iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta syarikat-syarikat telekomunikasi telah melawat ke PPM pada 18 Oktober 2021 bagi meninjau status liputan komunikasi dan mengenal pasti tindakan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan. Kolaborasi bersama SKMM ini diharapkan dapat meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan internet dan komunikasi di kawasan-kawasan pertanian seterusnya menjadi pemangkin bagi pemodenan sektor agromakanan.

MAJLIS MEMPROSIKAN DANA MODENISASI RANTAIAN NILAI, PEMODENA VESEL DAN MEKANISASI TANGKAPAN

MAFI melalui Agrobank telah melancarkan Majlis Mempromosikan Dana Modenisasi Rantaian Nilai, Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan pada 2 November 2021. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri. Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan di Dewan Tan Sri Abu Zahar, Menara Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur.

Turut hadir sama, YBhg. Dato' Che Abdullah bin Mat Nawi, Pengurus Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan YBhg. Dato' Mustapha bin Buang, Pengurus Agrobank. Melalui majlis ini, MAFI berhasrat untuk menarik lebih ramai penyertaan usahawan dalam sektor agromakanan bagi merebut ruang dan peluang daripada inisiatif ini demi agenda pemodenan sektor agromakanan.



Pelancaran Majlis Mempromosikan Dana Modenisasi Rantaian Nilai, Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan



Showcase pertanian pintar oleh jabatan/agensi di bawah MAFI



CABARAN ADAPTASI TEKNOLOGI DALAM SEKTOR PERTANIAN

Sektor agromakanan negara telah mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 2.3% dengan nilai sumbangan sejumlah RM51.3 bilion pada tahun 2020. Sungguhpun sektor ini mampu mengekalkan daya tahan ketika berdepan beberapa krisis dunia seperti penularan pandemik COVID-19 dan perubahan iklim, MAFI tetap berusaha mempercepatkan penerimangunaan teknologi moden dalam sektor agromakanan agar bekalan makanan berkualiti negara sentiasa terjamin.

Bagi meningkatkan lagi prestasi sektor agromakanan dalam KDNK pada tahun akan datang, beberapa kekangan utama yang telah dikenal pasti seperti kekurangan akses pembiayaan, kelemahan sistem sokongan dan latihan, ketiadaan infrastruktur jalur lebar serta tarif elektrik yang tinggi perlu ditangani melalui gemblengan sinergi berterusan antara MAFI dengan rakan-rakan strategik.





SEKTOR DASAR



BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN PELABURAN

A. PENGUKUHAN PEMASARAN DAN EKSPORT SERTA MERANCAKKAN PELABURAN SWASTA

PENGUKUHAN PEMASARAN DAN EKSPORT

Negara yang masih dilanda Pandemik Covid-19 pada tahun 2021 telah mengubah landskap aktiviti ekonomi dan sosial untuk beradaptasi dengan keadaan ekonomi semasa di peringkat domestik dan global.

Dalam usaha untuk merancakkan aktiviti pengeksportan produk agromakanan Negara, strategi Kementerian telah dilaksanakan secara lebih dinamik untuk memenuhi kehendak pasaran semasa di samping memenuhi kekangan norma baru

pengeluaran, perdagangan dan pemasaran dunia. Walaupun kekangan pelaksanaan aktiviti perdagangan dan pemasaran masih berlaku di sepanjang tahun 2021, pelbagai aktiviti/ program padanan perniagaan, pemasaran dan promosi tetap diteruskan melalui pelbagai pendekatan yang lebih dinamik menerusi pengukuhan platform e-dagang, mesyuarat perniagaan secara maya, fasilitasi perdagangan antara kerajaan dan pelbagai program lain selaras dengan suasana pasaran sedia ada seperti berikut:

1. PROMOSI DALAM NEGARA

Susulan penundaan penganjuran pameran-pameran perdagangan utama di Malaysia seperti Halal Fiesta Malaysia (Halfest) dan *Malaysia International Food & Beverages Trade Fair* (MIFB), MAFI telah mendayaupayakan beberapa inisiatif lain seperti penyertaan dalam program promosi menerusi platfotm virtual dan hibrid bagi mengurangkan impak ekonomi kepada usahawan terlibat seperti berikut:

Malaysian International Halal Showcase 2021 (MIHAS 2021)

MIHAS merupakan acara tahunan program perdagangan yang dihoskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan dianjurkan oleh MATRADE bagi menerajui agenda pengantarabangsaan produk dan perkhidmatan Halal Malaysia.

MAFI sentiasa menyokong inisiatif dan usaha murni ini dengan menghantar penyertaan pelbagai syarikat berkaitan Pertanian dan Agromakanan ke MIHAS pada

setiap tahun. Dalam MIHAS 2021 yang telah diadakan secara maya sepenuhnya pada 9 September 2021 sehingga 31 Disember 2021, MAFI telah membawa 24 usahawan/syarikat di bawah Pavilion MAFI dengan pencapaian dicatatkan seperti berikut:

1. RM3.21juta potensi urusniaga
2. 121 *business enquiries*; dan
3. 323 pengunjung maya ke Pavilion MAFI.

Pemasaran Mangga Harum Manis Asli Perlis Ke Sabah bersama Ourfarm AirAsia Berhad

Kerjasama strategik MAFI dengan Ourfarm (subsidiari Air Asia Berhad) kini diteruskan dengan penjualan Mangga Harum ManisAsli Perlis ke Sabah bagi menyokong pemasaran produk pertanian dan industri makanan secara dalam talian.

Program ini dilancarkan oleh YB Menteri MAFI pada 30 April 2021 bertempat Kuala Lumpur International Airport (KLIA) 2. Pelaksanaan program ini telah

memberikan manfaat kepada 14 penanam Mangga Harum Manis di Perlis dengan keseluruhan jualan sebanyak 10.2MT yang bernilai sebanyak RM306,000 menerusi platform berkenaan yang menggunakan kelebihan jaringan ekosistem sedia ada Air Asia (fasiliti kargo, gudang, logistik, pengangkutan udara dan darat termasuklah padanan perniagaan melalaui pangkalan data perniagaan Air Asia sedia ada).

Pengukuhan Peranan Syarikat Malaysia sebagai Export Management Company (EMC) dan Pemerkasaan Penjenamaan Tunggal (*Single Branding*)

Dalam usaha membantu penerokaan pasaran antarabangsa, MAFI telah melaksanakan inisiatif baharu melalui pengukuhan peranan syarikat Malaysia sebagai Export Management Company (EMC) Malaysia di luar negara dan pemerkasaan penjenamaan tunggal.

Inisiatif ini merupakan kolaborasi strategik awam-swasta (*Public-Private Initiative*) dengan penglibatan pemain industri berkaitan yang terdiri daripada usahawan pengeluar, pengesport, pengimport luar negara dan pemasar di luar negara bertujuan untuk mengatasi permasalahan *market entry*, pemasaran dan promosi produk IAT di sesbuah Negara Pengimpor. Pada masa ini, MAFI memfokuskan pengukuhan EMC di Jepun di bawah jenama MyKitchen yang dibangunkan

oleh SD Impex Japan Co. Ltd. dengan kerjasama MAFI melalui Pejabat Penasihat Pertanian (PPP) Tokyo, Jepun. Syarikat SD Impex Japan Co. Ltd. bertindak sebagai EMC atau syarikat pengurusan eksport bagi menembusi pasaran makanan Jepun melalui konsolidasi produk makanan terpilih dari pelbagai syarikat di bawah satu jenama tunggal (*single branding*) iaitu MyKitchen.

Sehingga Disember 2021, keseluruhan SKU di bawah inisiatif MyKitchen di Jepun adalah sebanyak 32 SKU. Konsep program ini seterusnya akan diperluaskan lagi ke beberapa pasaran negara lain yang berpotensi dari semasa ke semasa.

2. PROMOSI LUAR NEGARA

Pejabat Penasihat Pertanian Sydney, Australia

Program Promosi dan Galakan Pasaran

Program promosi berbentuk kesedaran pengguna telah dilaksanakan oleh PPP Sydney bagi mengukuhkan pasaran, memacu momentum eksport serta meningkatkan permintaan produk agromakanan dari Malaysia seperti berikut:

- i. Malaysian Heritage Cuisine, 27 hingga 30 Mac 2021 – program promosi produk dan agrokulinari dengan kerjasama antara MAFI dan Masters of Malaysian Cuisine (MOMC) yang diadakan secara dalam talian dan di lapangan iaitu di Kuala Lumpur, Sydney, Australia dan Dubai, UAE;
- ii. Melbourne Durian Picnic pada 6 Mac 2022;
- iii. Canberra Durian Fest pada 9 April 2022;
- iv. Sydney Durian Fest pada 22 Mei 2022;
- v. Malaysian Fruit Culinary Showcase Sydney pada 27 November 2021;

Hantaran Percubaan Nangka Segar Terproses Minima (*Minimally Processed*) Ke Sydney, Australia

Nangka madu segar terproses minima adalah merupakan komoditi ketiga yang berjaya mendapat akses pasaran bagi kategori hasil pertanian segar ke Australia, selepas durian dan nanas. Rundingan bagi akses pasaran dengan *Department of Agriculture, Water and the Environment* Australia sejak tahun 2019 telah berjaya dimuktamadkan pada tahun 2020, dengan kebenaran akses untuk import komoditi berkenaan ke Australia mulai 24 November 2020.

PPP Sydney telah bekerjasama dengan DOA, FAMA, MARDI, syarikat pengeksport Top Fruit Sdn Bhd dan syarikat pengimport Bato Ausales Pty Ltd yang berpangkalan di Melbourne bagi merancang hantaran percubaan nangka terproses minima ke Australia. Ia bertujuan untuk dokumentasi dan pelaporan mengenai rantaian bekalan dan tempoh *shelf life* bagi komoditi ini dalam pasaran, serta membuat verifikasi *biosecurity pathway* bagi komoditi yang baru sahaja diluluskan akses pasaran ke Australia.

Pejabat Penasihat Pertanian The Hague, Belanda

Meningkat dan Memperluas Permintaan Pasaran bagi Produk Pertanian dan Makanan di Eropah

Program-program galakan pasaran telah dilaksanakan bagi meningkat dan memperluas permintaan pasaran terhadap buah-buahan tropika dan produk-produk makanan (segar, beku dan proses). Walaupun masih berdepan dengan pandemik covid-19, antara program-program yang berjaya dilaksanakan adalah program promosi secara *in-store* dan dalam talian bersama dua (2) buah pasaraya yang terkenal di Belanda iaitu Wah Nam Hong dan Amazing Oriental.

Program 'Malaysia Food & Fruits Week' telah dianjurkan bersama pasaraya Wah Nam Hong yang mempunyai lima (5) cawangan bermula 25 September sehingga 2 Oktober 2021 dan telah berjaya membuka akses pasaran baharu buat pertama kalinya di Belanda bagi produk-produk pes masakan di bawah usahawan

- vi. Penyertaan dalam Malaysia Festival (MFest) yang diadakan secara dalam talian bermula 17 hingga 19 September 2021. Selain itu, PPP juga telah menerbitkan YouTube Video – Foreigners React to Malaysia Food dengan kerjasama MFest, yang memaparkan reaksi pelajar antarabangsa mencuba buah-buahan, makanan dan masakan Malaysia. Sebanyak sembilan (9) video Malaysian Ingredients Made Easy (MIME) juga telah diterbitkan di laman facebook PPP Sydney yang berkongsi pelbagai variasi masakan yang disediakan menggunakan produk asas iaitu ikan bilis, serbuk kari, *chilli condiments*, durian, mee segera, roti canai sejuk beku, kaya, *spring roll wrapper* dan kuah satay; dan
- vii. Penyertaan dalam Colors of Malaysia Melbourne pada 10 dan 11 Disember 2021.

Hantaran percubaan eksport pertama dan kedua ke Australia telah disempurnakan pada separuh tahun kedua 2021. Walaupun terdapat beberapa halangan semasa hantaran pertama pada bulan September, aspek ini telah dibincangkan dengan semua pihak yang terlibat dan penambahbaikan telah dibuat semasa hantaran kedua pada November dan semuanya berjalan lancar.

Bersempena sesi pengenalan produk baharu ini semasa program Malaysian Fruits Culinary Showcase pada 27 November 2021, 96% dari pengunjung yang menyertai uji rasa memberikan respon yang amat memberangsangkan terhadap sampel nangka dari Malaysia, berbanding dua (2) sampel lain dari Vietnam dan Australia. Kejayaan ini sekaligus bakal menjadi pemangkin kepada peluasan destinasi eksport bagi buah-buahan segar dari Malaysia dan potensi untuk menyumbang kepada peningkatan nilai dagangan dalam segmen bahan makanan di rantau Oceania.

bimbingan FAMA. Di samping itu juga, masakan berdasarkan 'plant based meat' daripada nangka juga telah diperkenalkan.

Program 'Taste of Malaysia' di pasaraya Amazing Oriental yang mempunyai 21 cawangan bermula 10 sehingga 23 November 2021 pula telah berjaya meningkatkan potensi jualan produk-produk Malaysia sebanyak 228% serta memperkuatkan permintaan produk-produk tersebut di Belanda. Selain itu, program tersebut juga berjaya meningkatkan permintaan buah-buahan tropika terutamanya isi buah durian sejuk beku jenis Musang King sehingga 6 kali ganda manakala produk-produk makanan Malaysia yang lain turut mendapat sambutan di negara-negara berhampiran seperti Belgium, Perancis dan Jerman.

Mempelopori Kaedah Promosi Kreatif Secara ‘Virtual’ Bagi Meningkatkan Permintaan Produk Makanan di Eropah

Memandangkan negara sempadan di Eropah masih belum dibuka bagi tujuan promosi secara fizikal, program promosi kulinari secara dalam talian telah dilaksanakan bersama pihak Masters of Malaysian Cuisine (MOMC) melalui program bertajuk Malaysian Flavours in Europe (#MYFlavoursEurope) yang telah diadakan buat pertama kalinya pada 8 hingga 12 September 2021. Program ini melibatkan demonstrasi masakan di empat (4) buah negara strategik iaitu United Kingdom, Belanda, Jerman dan Hungary.

Program ini juga bertujuan memperkenalkan bahan masakan Malaysia yang boleh digunakan bagi penyediaan resipi baharu yang berkoncepkan Malaysia

Memperkuuh Kerjasama Dalam Bidang Teknologi Pertanian Moden

Kerjasama dalam mengusahakan Projek kategori *lowland greenhouse* telah diteruskan melalui beberapa rakan strategik seperti pihak Dutch Greenhouse Delta (DGD), KF Farms, Sime Darby Plantations dan Green Heart Farms Sdn. Bhd..

Daripada siri-siri perbincangan yang diadakan, terdapat beberapa kerjasama yang telah mula diterokai di antara pihak swasta di Malaysia dan Belanda bagi memperkenal dan menjayakan konsep *lowland greenhouse* tersebut.

dan Eropah. Di antara menu yang menjadi tarikan adalah seperti ‘Rendang Wrap with Jackfruit Salsa’, ‘Hungarian Beef Stew’ dan banyak lagi di mana pes masakan serta buah-buahan tropika daripada Malaysia yang digunakan boleh didapati dengan mudah di pasaraya sekitar Eropah.

Liputan dan promosi program telah dilaksanakan melalui rangkaian Chef yang berpengalaman, ‘food bloggers’ dan ‘influencers’. Selain itu, liputan program juga telah dibuat melalui pihak Kedutaan Besar Malaysia di Eropah, MATRADE serta pihak Tourism Malaysia. Program ini berjaya menarik minat hampir 500,000 penonton sepanjang tarikh diadakan.

PEJABAT PENASIHAT PERTANIAN BEIJING, CHINA

Durio Tour @ Xian 2021

Program ini merupakan kesinambungan daripada program Durio Tour @ Raub 2020. Program ini telah dianjurkan dengan kerjasama Pejabat Konsul Jeneral Xian, Pejabat Pendidikan Beijing, Malaysia Alumni Council in China dan Maycham Xian bersempena “Malaysia Higher Education Showcase” telah berlangsung selama satu (1) hari iaitu pada 26 Jun 2022 di Hotel Shangri-La, Xian, China.

Program dimulakan dengan sesi pembentangan “Pengenalan Musang King” kepada para jemputan yang terdiri daripada ibu bapa yang berminat untuk menghantar anak-anak melanjutkan pelajaran ke China dan juga para Alumni Malaysia-China yang telah mempunyai kerjaya di China.

Durio Tour @ Nanning 2021

Program ini telah diadakan pada 12 September 2021 di Pejabat Konsul Jeneral Malaysia di Nanning, China. Durio Tour kali ini telah dianjurkan dengan kerjasama Pejabat Konsul Jeneral Nanning dan Pejabat Pendidikan Beijing bersempena Sesi Taklimat Pendidikan kepada Pelajar Malaysia di Nanning, China. Para peserta turut didedahkan dengan pengetahuan mengenai durian Malaysia melalui sesi pembentangan, tayangan video dan cara-cara membuka kulit durian. Selain itu, satu sesi demo masakan bubur durian telah menarik minat para pelajar dan telah memuat naik proses masakan tersebut ke dalam akaun sosial media masing-masing. Kemuncaknya, para pelajar telah dijamu dengan durian Malaysia.

Para jemputan turut ditayangkan dengan video “How to Thaw Frozen Durian” terbitan FAMA. Sesi tayangan ini merupakan salah satu program kesedaran memandangkan kesemua durian yang dieksport ke China adalah dalam bentuk sejuk beku dan rata-rata penduduk di China tidak mengetahui cara-cara menyahbeku durian tersebut sehingga mencapai suhu dan tekstur yang optimum dan sesuai untuk dimakan. Program diakhiri dengan para peserta diberi peluang untuk menikmati durian Malaysia seperti D24 dan Musang King.

Peluang ini dilihat dapat meningkatkan pengetahuan dan memberi pengalaman kepada penduduk di China bahawa durian di Malaysia sememangnya berkualiti dan berbeza dengan durian dari Thailand.

Promosi Musang King dan Sarang Burung Walit Secara Dalam Talian

Program ini telah diadakan dari 22 hingga 25 Oktober 2021. Kaedah promosi secara dalam talian setelah mengambil kira ketidaktentuan keadaan semasa di China dan seluruh dunia akibat pandemik Covid-19, dan dilihat dapat menjangkau lebih ramai orang dan pelanggan. Persembahan produk kepada para pelanggan dibuat secara langsung dengan menggunakan platform e-dagang.

Pelanggan lebih mudah untuk membeli produk-produk yang dipasarkan dan memudahkan pengumpulan maklum balas secara *real-time* daripada para pelanggan.

PEJABAT PENASIHAT PERTANIAN DUBAI

Penyertaan dalam Pameran Perdagangan di Negara-negara GCC

- i. Penyertaan di dalam Gulfood 2021 mulai 21 hingga 25 Februari 2022. Gulfood merupakan pameran perdagangan bagi industri makanan yang terbesar di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA). Melalui pameran perdagangan ini, produk agromakanan Malaysia berpeluang meluaskan pasaran di rantau MENA;
- ii. Hospitality Qatar 2021 telah diadakan pada 8 – 11 November 2021. Pameran perdagangan ini adalah platform utama dalam bidang hospitaliti dan makanan di Qatar untuk syarikat agromakanan Malaysia meneroka pasaran di Qatar terutamanya menjelang penganjuran Piala Dunia 2022; dan
- iii. SIAL Middle East 2021 telah diadakan pada 7 – 9 Disember 2021 bertempat di Abu Dhabi National Exhibition Centre, Abu Dhabi. Pameran perdagangan ini merupakan edisi ke-10 dan menjadi platform untuk syarikat agromakanan Malaysia meluaskan jaringan pasaran di rantau Timur Tengah amnya dan UAE khususnya.

Program Promosi dan Galakan Pasaran

Program promosi buah-buahan dan makanan Malaysia, Taste of Malaysia telah diadakan di Hotel Hilton, Ras Al Khaimah pada 23 September 2021. Program ini turut melibatkan kerjasama dengan Chef Malaysia yang berkhidmat di Hotel Hilton, Ras Al Khaimah dan pimpengaruh media sosial bagi menyebarluaskan kesedaran mengenai buah-buahan dan variasi makanan Malaysia kepada masyarakat di luar negara.

Memperkuuh Kerjasama Dalam Bidang Pertanian

Kerajaan UAE telah mengambil langkah proaktif untuk memajukan sektor pertanian dengan meningkatkan program-program Penyelidikan dan Pembangunan dalam Sains dan Teknologi Pertanian. Antara institusi yang memainkan peranan utama dalam Sains dan Teknologi Pertanian adalah International Centre for Biosaline Agriculture (ICBA). Sehubungan dengan itu, sesi mesyuarat dan pertemuan telah dibuat ke ICBA dengan tujuan untuk memperkuuhkan kerjasama penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pertanian antara Malaysia dan UAE.

PEJABAT PENASIHAT PERTANIAN BANGKOK, THAILAND

Kempen Promosi Produk Makanan Malaysia (*Ready to Eat Malaysian Food Products*)

Bertemakan Discover Taste of Malaysia, program ini memberikan fokus promosi kepada produk makanan sedia ada di pasaran Thailand seperti biskut dan minuman segera 3 in 1 di bawah jenama Julies, Aik Cheong, Hwa Tai dan Mr. Potato. Program ini dimulakan dengan promosi melalui media sosial Facebook dan kaedah *boost post* yang berjaya mencapai lebih 250 ribu pengguna laman sosial dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran pengguna kepada jenama produk berkenaan sekaligus meningkatkan permintaan kepada produk-produk Malaysia.

Media sosial ini seterusnya mempunyai pautan promosi dengan kerjasama platform e-commerce seperti Lazada, Shopee dan juga JD Central yang digunakan secara meluas di seluruh Thailand. Melalui pendekatan platform e-dagang dan media sosial ini, promosi produk

Melalui program ini, PPP Beijing dapat mempromosi dan memperkenalkan Musang King dan Sarang Burung Walit Malaysia di kalangan rakyat di China. Selain itu, program ini bertindak sebagai platform bagi melakukan risikan pasaran mengenai penerimaan masyarakat tempatan terhadap Musang King dan Sarang Burung Walit Malaysia.

Malaysia kepada 3.5 juta pengguna laman sosial telah berjaya dicapai. Prestasi jualan produk juga turut mencatatkan peningkatan lebih 100% bagi produk di bawah jenama Aik Cheong dan Hwa Tai. Pada masa yang sama juga, PPP Bangkok turut melaksanakan promosi produk makanan Malaysia secara fizikal yang melibatkan kerjasama dengan kumpulan Korporat iaitu The Ascott Limited Group, kerjasama dengan restoran makanan Malaysia di Thailand dan beberapa pasaraya di Thailand.

Dengan mengekalkan kaedah promosi secara fizikal serta mengoptimumkan strategi promosi menggunakan media sosial, PPP Bangkok menjangkakan inisiatif seumpama ini dapat meningkatkan kesedaran terhadap produk makanan Malaysia serta membantu usahawan Malaysia mempromosi produk masing-masing.

Rasa-Rasa Malay Aroi

Program ini telah diadakan dari 27 November hingga 5 Disember 2021 di ASEAN Mall, Pattani, Thailand. Program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Syarikat Uniti Asia Link Sdn Bhd yang bertindak sebagai Export Management Company (EMC) bagi pasaran Thailand. Syarikat ini telah berjaya membawa masuk lima (5) produk usahawan yang telah mendapat pensijilan Thailand Food and Drug Administration (FDA) dan dipasarkan di Asean Mall serta pasaraya lain di Selatan Thailand.

PEJABAT PENASIHAT PERTANIAN TOKYO, JEPUN

Pelaksanaan Malaysia Fair di Don Quijote

Program *in-store promotion* Malaysia Fair 2021 telah dilaksanakan di Mega Don Quijote Shibuya, Tokyo ke Mega Don Quijote Shin Sekai, Osaka. Don Quijote merupakan rangkaian pasaraya diskau terbesar dan paling popular di Jepun.

Program ini bertujuan untuk memperkuuh jenama Malaysia serta mempromosi dan mengkomersialkan 75 stock keeping unit (SKU) produk makanan Malaysia termasuk produk usahawan bimbingan MAFI terutama di bawah jenama MyKitchen serta produk makanan dari jenama sedia ada di Jepun seperti ADABI, Ayam Brand, Life, BOH dan Brahim's yang telah mempunyai penggemar tetap serta sebagai *crowd puller* bagi mempromosi produk- produk baru.

Pemerkasaan Program Fruits Diplomacy

Tahun 2021 mencatatkan sejarah di mana buat pertama kalinya durian Musang King segar telah berjaya dieksport ke Jepun dengan kerjasama Japan Durian Promotion Association (JDPA) melalui Kawori Orchard Co. Ltd sebagai pengimport dan Hernan Corporation Sdn. Bhd. sebagai pembekal dan pengeksport. Sebanyak 50 biji durian Musang King segar telah berjaya dieksport dalam masa tiga (3) hari sahaja menggunakan perkhidmatan All Nippon Airways (ANA) dan tiba di Jepun pada 13 April 2021.

Pelaksanaan export trial durian Musang King segar ini adalah sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan prospek industri durian Malaysia di Jepun. Usaha ini juga membolehkan pengeksportan Musang King segar dari ladang terus kepada pengguna luar negara dan seterusnya diterima dalam masa tiga (3) hari (quick order, fast delivery) selain turut membuka peluang pembangunan platform e-commerce.

Penjenamaan Taste of Malaysia Dalam Ekspo Perdagangan

Bagi meneruskan momentum promosi produk makanan Malaysia, PPP Tokyo telah menyertai tiga (3) Ekspo Perdagangan iaitu Halal Market Fair, Tokyo, FABEX Chubu dan FABEX Osaka. Pendekatan berbeza

telah diambil berikutan cabaran pandemik Covid-19 di mana libat urus dengan syarikat pengimport dan pengedar produk Malaysia dilakukan sebagai wakil kepada syarikat atau usahawan Malaysia. Secara keseluruhan, 85 SKU telah dipromosikan melibatkan 21 syarikat usahawan Malaysia dengan potensi jualan berjumlah RM6juta berjaya dicatatkan dalam jangka masa lima (5) tahun akan datang.

Jenama Taste of Malaysia telah diwujudkan bagi memperkasa dan memberi nafas baharu kepada penjenamaan program promosi di bawah PPP Tokyo serta memberi impak serta *visibility* yang lebih besar. Selain itu, program *in-store promotion* turut diadakan di bawah jenama Taste of Malaysia sebagai pelengkap kepada ekspo perdagangan yang dilaksanakan dengan mensasarkan jualan dan promosi terus kepada pengguna.

Program ini diadakan bagi menggalakkan lebih ramai usahawan tempatan terutamanya usahawan produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) memasarkan produk mereka di pentas antarabangsa. Pada masa yang sama juga, Rasa-Rasa Malay Aroi turut menyediakan platform bagi peluang padanan perniagaan, seminar serta forum yang membincangkan trend pasaran industri makanan terutamanya bagi wilayah di Selatan Thailand.

Program Malaysia Fair 2021 ini turut diperluas ke cawangan Don Quijote Yaesu, Tokyo Station atas jemputan berdasarkan sambutan dan maklum balas yang sangat memberangsangkan.

Sebagai salah satu stesen kereta api paling sibuk di dunia dengan 450,000 trafik penumpang sehari, pelaksanaan program Malaysia Fair di Don Quijote Yaesu, Tokyo Station ini secara tidak langsung memberi impak yang besar dalam memperkasa dan mewujudkan kepercayaan terhadap jenama Malaysia seterusnya memberi kesan limpah bukan sahaja kepada industri makanan, malah kepada industri berkaitan seperti pelancongan, perdagangan dan pelaburan negara.

Selain itu, pejabat ini turut mengambil pendekatan proaktif dengan membuat pendaftaran jenama Musang King di Jepun serta melaksanakan program Targeted Durian Diplomacy dengan mensasarkan promosi durian kepada individu berprofil tinggi seperti Anggota Pentadbiran Kerajaan Jepun, para pegawai kedutaan-kedutaan negara lain di Jepun serta rakan sejawat sebagai mesej jelas bahawa Malaysia konsisten dan serius dalam mempromosi durian di Jepun.

Selain itu, buat julung kalinya juga nangka madu (J33) sejak beku dikomersialkan di Jepun dengan kerjasama FAMA yang mempunyai prospek yang sangat baik di pasaran Jepun berdasarkan respon yang diberikan oleh warga Jepun yang rata-rata mengemari kemanisan dan keunikian tekstur rangup komoditi tersebut.

PEJABAT PENASIHAT PERTANIAN WASHINGTON DC

Risikan Pasaran di Pasaran Timur Amerika Utara

Langkah proaktif untuk mengenalpasti segmen produk agromakanan yang boleh ditembusi oleh pengusaha-pengusaha dari Malaysia telah dilaksanakan oleh Pejabat ini melalui beberapa siri risikan pasaran melibatkan beberapa buah rangkaian Pasaraya Oriental yang terletak di sebelah Timur Amerika Syarikat seperti di Washington D.C., Pensylvania dan New York.

Selain itu, beberapa sesi perbincangan bersama rakan strategik di bawah sektor agromakanan telah dilaksanakan seperti United States Department of Agriculture (USDA), pejabat-pejabat penasihat pertanian ASEAN yang berpengkalan di Washington D.C., dan pengusaha restoran berdasarkan makanan Malaysia

4th Annual Halal Expo and Summit

Program ini telah dihadiri pada 20 hingga 21 Oktober 2021 susulan undangan daripada Presiden United States Halal Industries Association bertempat di International Dulles Convention Centre, Virginia, Amerika Syarikat.

Penganjuran ekspo ini bertujuan untuk mengembangkan pasaran segmen halal di Amerika Syarikat merangkumi aspek seperti industri makanan, perbankan islam dan kerjasama perniagaan di peringkat antarabangsa. Artikel bertajuk Global Halal Food Market Report melaporkan bahawa industri Halal di peringkat global adalah dianggarkan bernilai USD1,978 billion pada tahun 2021. Sementara itu pula, bagi pasaran Amerika Syarikat, permintaan terhadap produk makanan Halal dijangka akan terus berkembang

badan pensijilan Halal di kawasan utara Amerika Syarikat dan juga pelabur industri pemprosesan makanan yang mempunyai fasiliti di Malaysia seperti Tyson Foods Industries.

Langkah-langkah ini bertujuan memastikan produk-produk agromakanan yang telah dan akan memasuki pasaran Amerika Syarikat mematuhi segala protokol keselamatan yang telah ditetapkan, menawarkan harga pasaran yang kompetatif berbanding negara sumber yang lain dan meneroka peluang pemasaran yang baharu seterusnya tidak terumpu kepada segmen pengguna Oriental sahaja.

sehingga 5.62% dengan nilai perdagangan mencecah hampir USD9.33 billion pada tahun 2026.

Hasil sesi forum yang dihadiri sememangnya terdapat potensi yang tinggi untuk Malaysia memanfaatkan peluang penglibatan dalam segmen produk agromakanan halal di Amerika Syarikat. Ini ditambah dengan para panel dan pengusaha yang terlibat di dalam ekspo ini berpandangan standard Halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah yang terbaik di dunia dan diiktiraf oleh kebanyakan negara pengimport. Pelbagai strategi pemasaran sedang dirangka untuk memastikan produk Halal agromakanan Malaysia mendapat permintaan yang tinggi di kalangan pengguna di Amerika Syarikat.



3. PROGRAM KHIDMAT PEMASARAN MAFI (PROGRAM LADANG KONTRAK 2.0)

Program Khidmat Pemasaran MAFI (Program Ladang Kontrak 2.0) merupakan program baharu dalam RMKe-12 yang menggantikan Program Ladang Kontrak MOA. Program ini merupakan satu program kerjasama di antara pemasar dengan pengeluar yang dipemudahcaraan oleh agensi/jabatan di bawah MAFI. Sebagai balasan kepada persetujuan kerjasama tersebut, pihak pemasar dan pengeluar yang didaftarkan sebagai peserta program layak untuk menerima insentif/ kemudahan pemasaran yang ditawarkan melalui program ini.

Objektif Program Khidmat Pemasaran MAFI (Program Ladang Kontrak 2.0) adalah seperti berikut:

- i. Menghubungkan peserta projek pengeluaran dengan pasaran bagi memastikan hasil pengeluaran peserta program dapat dipasarkan;
- ii. Membantu usahawan pemasar mendapat bekalan terus daripada pengeluar hasil pertanian bagi menjamin penyaluran hasil pertanian segar ke pasaran secara berjadual dan berterusan;
- iii. Mengenalpasti dan membangunkan peserta pengeluaran yang berkebolehan untuk menjadi usahawan pemasar setempat; dan
- iv. Meningkatkan pendapatan peserta program.

Prestasi pencapaian Program Khidmat Pemasaran MAFI sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Perkara	Pencapaian
Bilangan Peserta	1,424
Bilangan Pemadanan/Perjanjian/Program Jualan	4,155
Kuantiti Pemadanan/Perjanjian/Jualan (MT)	89,741.04
Nilai pemadanan/perjanjian/Jualan (RM)	126,974,220.31

Perjanjian Jual Beli (*Forward Agreement*)

Perjanjian Jual Beli (*Forward Agreement*) adalah satu ikatan perjanjian yang dimeterai di antara pengeluar dan pemasar bagi memastikan peserta program Khidmat Pemasaran MAFI mendapat jaminan pasaran di samping menggalakkan peserta membuat penjadualan penanaman dan pengeluaran berdasarkan kepada keperluan pasaran.

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 1,012 perjanjian Forward Agreement (FA) telah ditandatangani dengan penglibatan seramai 1,338 orang petani. Jumlah kuantiti perjanjian yang ditandatangani adalah sebanyak 14,896 MT dengan nilai belian sebanyak RM 20.23 juta.

**Jumlah FA
1,012**

**Bil. Petani
1,338**

**Kuantiti
Perjanjian
14,896 MT**

**Nilai Belian
RM 20,232,143.84**

PUSAT PENGUMPULAN LADANG (PPL)

Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) adalah pusat pengumpulan di peringkat ladang yang menjadi tempat pertemuan pemasar dan pengeluar, luang pasaran kepada hasil-hasil pertanian dan tempat mendapatkan kemudahan pemasaran. Ia juga berfungsi sebagai tempat untuk melaksanakan aktiviti lepas tuai seperti aktiviti penggredan, pembungkusan dan pelabelan (GPL) serta berperanan sebagai pusat informasi pasaran.

PPL diwujudkan dengan tujuan untuk menggalakkan para pengeluar menjalankan operasi secara komersial dan menjual terus hasil-hasil pertanian ke pasaran.


Dengan kewujuan PPL, secara langsung ia dapat meningkatkan kualiti hasil pertanian dan meningkatkan kecekapan dalam aktiviti lepas tuai.

PPL dibangunkan di kawasan pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), projek kelompok pertanian dan kawasan pengeluaran peserta Ladang Kontrak. Pecahan perincian PPL yang dibangunkan mengikut negeri serta pencapaian operasi adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan PPL Sediada Sehingga 2020	Pencapaian Sehingga Dis 2021	Bilangan Keseluruhan PPL	Bilangan Pemadanan Di PPL	Hasil Kendalian (MT)	Nilai Kendalian (RM)
Perlis	9	1	10	37	454	1,068,850
Kedah	22	0	22	191	1,833	4,690,944
P. Pinang	11	2	13	115	1,442	3,785,396
Perak	26	2	28	169	2,724	7,488,412
Selangor	6	1	7	94	357	849,405
N.Sembilan	18	1	19	52	683	1,921,671
Melaka	4	8	12	124	950	1,262,329
Johor	17	4	21	346	6,232	9,170,560
Kelantan	3	1	4	29	377	1,469,200
Terengganu	7	1	8	0	159	157,041
Pahang	15	3	18	0	307	1,172,052
Sabah	21	4	25	2	3,186	2,884,489
Sarawak	15	1	16	16	539	1,458,172
JUMLAH	174	29	193	1,175	19,242	37,378,521


4. PENGUKUHAN EKSPORT PRODUK AGROMAKANAN KE LUAR NEGARA

Malaysia mencatatkan sejumlah RM38.622 billion eksport produk agromakanan ke luar negara pada tahun 2021. Pecahan mengikut jenis komoditi bahan makanan adalah seperti di Carta 1. Antara produk eksport Malaysia yang premium dan dikenali di peringkat antarabangsa adalah seperti Durian Musang King, Nenas MD2, Nangka Madu, Mangga Harum Manis, Sarang Burung Walit, produk ikan dan hasilan ikan beku, lada hitam, kopi, teh, coklat dan sediaan koko.



Carta 1. Pecahan Eksport Bahan Makanan Malaysia Mengikut Jenis Komoditi pada Tahun 2021

Negara destinasi utama eksport produk agromakanan Malaysia pada tahun 2021 adalah Singapura, China, Thailand, Indonesia, Vietnam, Jepun, Filipina, Amerika Syarikat, Australia dan Korea Selatan seperti di Jadual 1 dan di Carta 2.



Carta 2: Perbandingan Eksport Bahan Makanan Mengikut Negara Yang Dieksport Antara Tahun 2020 dan Tahun 2021

Terdapat dua kategori negara bagi pengeksportan produk agromakanan Malaysia iaitu kategori pertama, negara yang mengenakan syarat yang kurang ketat seperti Singapura, Hong Kong, Eropah, Timur Tengah, Kanada, Brunei dan Taiwan, manakala kategori kedua, negara yang mengenakan syarat yang ketat dan memerlukan rundingan dua hala untuk mempersetujui protokol import seperti Amerika Syarikat, China, Australia, Korea Selatan, New Zealand dan Jepun.

Negara	2020		2021		Perubahan (%)
	RM'000	%	RM'000	%	454
Singapura	6,846,757	20.31	7,716,251	19.98	12.70
China	4,158,988	12.34	4,929,826	12.76	18.53
Thailand	1,932,800	5.73	2,268,893	5.87	17.39
Indonesia	1,625,715	4.82	1,993,213	5.16	22.61
Vietnam	1,257,290	3.73	1,700,967	4.40	35.29
Jepun	1,316,503	3.91	1,481,771	3.84	12.55
Filipina	1,176,663	3.49	1,440,922	3.73	22.46
Amerika Syarikat	1,590,435	4.72	1,416,368	3.67	(10.94)
Australia	1,096,982	3.25	1,315,993	3.41	19.96
Korea Selatan	970,784	2.88	1,257,521	3.26	29.54
Negara-Negara Lain	11,737,240	34.82	13,100,047	33.92	11.61
JUMLAH	33,710,157	100.00	38,621,772	100.00	14.57

Jadual 1: Perbandingan Eksport Bahan Makanan Mengikut Negara Yang Dieksport Antara Tahun 2020 dan Tahun 2021 (Nota: Tidak termasuk binatang hidup (bukan binatang ternakan) dan ikan hiasan)

Bagi pasaran ke China, antara produk yang telah mendapat akses pasaran adalah seperti durian sejuk beku, sarang burung walit (*raw and clean edible bird nest*), buah-buahan segar (betik, rambutan, manggis, longan dan tembikai), kelapa, bunga keratan serta produk sejukbeku ikan dan hasilan ikan. Bagi pasaran eksport ke Jepun, produk-produk yang telah mendapat akses pasaran antaranya adalah buah-buahan (seperti durian, nenas, pisang, kelapa, mangga Harum Manis serta buah-buahan lain yang disejukbeku), sayur-sayuran (seperti bendi, salad, kobis serta sayur-sayuran lain yang disejukbeku), bunga keratan, produk ayam, itik, telur serta produk tenusu dan makanan yang sedia untuk dimasak/dimakan.

Sementara itu, pasaran eksport ke Australia turut mendapat laluan untuk komoditi buah-buahan seperti durian, kelapa, nenas, nangka (yang diproses minima) dan juga keratan bunga serta makanan sedia untuk dimasak/dimakan.



B. SKIM PEMBIAYAAN MIKROKREDIT OLEH AGROBANK – PEMBIAYAAN MIKRO KREDIT DANA JAMINAN MAKANAN (PENJANA)

Pembiayaan Mikro Kredit Dana Jaminan Makanan (PENJANA) menyediakan bantuan kewangan kepada usahawan mikro terutamanya komuniti Agro di bawah kategori B40 yang terlibat dengan aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Prestasi Program Skim Pembiayaan Mikrokredit PENJANA sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti Jadual 1 berikut:

Perkara	Bilangan Pemohon	Jumlah (RM juta)
Permohonan	23,175	296.2
Kelulusan	22,582	276.7

Bagi tahun 2021, PENJANA telah mendarangkan impak positif terhadap perkembangan sektor agromakanan negara dengan mencatatkan bilangan usahawan mengikut sub sektor pertanian seperti Jadual 2 berikut:

Sektor	Usahawan	Jumlah (RM)
Padi	18,001	163.78
Tanaman Kontan	430	13.76
Ternakan	334	11.85
Akuakultur	58	1.61
Nelayan	256	6.55
Pemrosesan Makanan	1,586	51.77

Dengan adanya dana pembiayaan ini, ia tentu dapat membantu para petani, penternak dan nelayan dalam mengusahakan tanaman / ternakan agar pengeluaran kekal stabil bagi menjamin ketersediaan stok bahan makanan negara di paras selamat.

C. SKIM TAKAFUL AGROMAKANAN (STAR)

Kedudukan Malaysia terletak berhampiran garisan khatulistiwa serta mempunyai suhu yang hampir seragam, kelembapan yang tinggi dan hujan yang banyak bagi tempoh setahun. Malaysia juga terkenal dengan musim tengkujuh yang saban tahun sudah pastinya akan memberi kesan kepada para petani dan penternak dalam negara.

Justeru, satu skim perlindungan khusus berlandaskan prinsip shariah yang dinamakan sebagai Skim Takaful Agromakanan (STAR) bagi memenuhi keperluan komuniti pertanian yang menghadapi risiko ancaman bencana alam seperti banjir dan kemarau telah dirangka. Ini adalah selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN2.0) di bawah Teras Dasar 5, Strategi 2 iaitu mereka bentuk dan mewujudkan skim insurans untuk pengeluar makanan terhadap bencana alam.

Pihak Kementerian telah mengadakan sesi taklimat cadangan Skim Perlindungan Takaful Agromakanan bersama Pengurusan Tertinggi Kementerian pada Mac 2021 dan seterusnya pembentangan Skim Takaful Agromakanan ini bersama Bank Negara Malaysia (BNM) serta cadangan pembentukan Jawatankuasa Pemandu Skim Takaful Agromakanan (JK STAR) telah dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi Kementerian.

Skim perlindungan takaful ini bakal menawarkan pakej perlindungan dengan caruman premium tahunan pada kadar berpatutan (affordable) serta penyediaan pampasan yang sewajarnya kepada semua pesawah, petani, penternak dan nelayan di seluruh negara yang mengalami ketidaktentuan punca pendapatan akibat berlakunya bencana alam seperti banjir, kemarau, kebakaran semulajadi, kilat, petir, letusan, ribut, tanah runtuh dan lain-lain lagi terhadap hasil pertanian/ perikanan/perladangan.

D. PROGRAM GALAKAN PELABURAN

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyedari pentingnya dasar pelaburan dalam pertanian dan rantaian bekalan agromakanan sebagai faktor pembolehdaya bagi meningkatkan sekuriti makanan negara dan industri pemacu ekonomi. Secara global, empat (4) aspek kemajuan di bawah *Hand-in-Hand Initiative* yang disasarkan oleh Food and Agriculture Organization (FAO) untuk dioptimumkan oleh negara-negara di dunia adalah “better production”, “better nutrition”, “better environment” dan “better life”. Dalam konteks Malaysia, melalui Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0), sasaran yang ditetapkan merangkumi aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar sehingga tahun 2030, di mana aspirasinya adalah untuk memperbaiki kedudukan sosial masyarakat termasuklah meningkatkan status sosio-ekonomi, inklusiviti dan kebolehdapatan makanan.

Dalam meningkatkan sekuriti makanan Malaysia, pelaburan memainkan peranan yang sangat penting dalam menambahbaik sistem agromakanan, di mana iaanya akan turut mencipta peluang pekerjaan bernilai tinggi; mengembang rangkaian domestik melalui input dan rantaian bekalan tempatan; membangun sub-sektor asas tani baharu dan sedia ada berproduktiviti tinggi seterusnya menambahbaik inklusiviti di dalam komuniti dan kawasan yang kurang membangun; dan memperhebat ekonomi asas tani berdasarkan tahap pembangunan dan penyelidikan serta inovasi yang tinggi serta kemajuan di dalam penghasilan produk dan perkhidmatan berdasarkan agromakanan yang lebih berkualiti.

Bagi tahun 2021, strategi MAFI dalam memperkuuh peranan pelaburan berkaitan pertanian dan agromakanan adalah melalui:

1. Promosi pelaburan di peringkat huluan dan hiliran bertujuan menarik pelabur berpotensi bagi membangunkan industri pertanian dan meluaskan penglibatan di sepanjang rantaian nilai;
2. Sasaran peningkatan pelaburan di dalam sub-sektor yang berpotensi tinggi khususnya dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi; dan
3. Membangunkan ekosistem yang menarik bagi pelabur termasuk fasilitasi dalam pelaburan.

Dalam melaksanakan strategi-strategi ini, kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk institusi Kerajaan dan para pelabur swasta dari dalam dan luar negara telah terus diwujudkan, dengan melaksanakan program/projek/inisiatif merangkumi:

1. Pemudahcaraan berkaitan keperluan teknikal dan fasilitasi khidmat nasihat, pematuhan peraturan berkaitan, pemadanan perniagaan dan padanan kepada keperluan pelabur serta isu-isu berkaitan pelaburan dan penswastaan;
2. Aktiviti promosi dan galakan bagi meningkatkan pelaburan domestik dan pelaburan asing;
3. Meneruskan fungsi sebagai Sekretariat kepada permohonan insentif Galakan Cukai Bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967;
4. Penyebaran maklumat mengenai peluang pelaburan, perniagaan dan pembiayaan yang boleh ditawarkan kepada pelabur yang ingin berkecimpung dalam sektor agromakanan; dan
5. Berperanan dalam memberikan cadangan dan input berkaitan hala tuju, perancangan dan pelaksanaan inisiatif pelaburan, di samping menghadiri bengkel-bengkel, mesyuarat dan perbincangan yang telah dianjurkan oleh Bahagian/Jabatan/Agenzi di MAFI sepanjang tahun 2021.

Pada tahun 2021, nilai pelaburan dalam sektor agromakanan direkodkan berjumlah RM315.8 juta. Pelaburan tersebut berjaya diperolehi melalui kerjasama semua pihak termasuk Bahagian, Jabatan dan Agenzi di bawah MAFI, Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (BEC) serta Koridor-Koridor Ekonomi seperti Koridor Utara Malaysia (NCER) dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Bagi tahun 2022, peningkatan nilai pelaburan disasarkan sebanyak 20% iaitu berjumlah RM360 juta.



SEKTOR PEMBANGUNAN



BAHAGIAN SEKURITI MAKANAN

GERAN KAJIAN PRAKLINIKAL DAN KLINIKAL KEPADA SYARIKAT PENERAJU

Insentif yang diperkenalkan di bawah Projek Permacu Pertanian: Produk Herba Bernilai Tinggi untuk pembangunan produk bertaraf Botanical Drug melalui ujian praklinikal dan klinikal telah mencatatkan kemajuan serta kejayaan yang di luar jangkaan semenjak dilaksanakan pada tahun 2011. Merujuk kepada Jadual 1, sebanyak 17 produk bertaraf Botanical Drug sedang dibangunkan melalui 9 syarikat peneraju yang telah dipilih bagi meneruskan kesinambungan kajian sepanjang Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12). Lebih 80% kemajuan projek kajian telah dicapai dan telah memasuki fasa ujian klinikal di dalam dan luar negara.

No.	Syarikat	Nama Produk	Jumlah Produk	Fasa Kajian	Status
1.	Nova Laboratories Sdn Bhd	Hepar-P Capsule for Liver Protection	1	Klinikal Fasa 2	Selesai
2.	Bioalpha International Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> · Total Women Forte for Menopause Symptoms · Sweet-Duce Capsule for Diabetes 	2	Klinikal Fasa 1	Dalam pelaksanaan
3.	Natural Wellness Biotech (M) Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> · Tongkat Ali Maca Plus Capsule · Herbatax Capsule · Manjarix capsule · Low - Glu Capsule · Roselle Capsule · Immushield 	6	Klinikal Fasa 2 (Mesir)	Dalam Pelaksanaan
4.	Natureceuticals Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> · Canssuffive Nuvastatic for Breast Cancer & Colon Cancer Treatment · Canssuffive Lesthenia for Cancer Aesthesia 	2	Klinikal Fasa 2 (India)	<ul style="list-style-type: none"> · Dalam Pelaksanaan · Selesai
5.	Phyto Biznet Sdn Bhd	Mas Cotek Whitening Serum	1	Klinikal Fasa 2 (Korea Selatan)	Selesai
6.	Tenaga Jati Bumi Sdn Bhd	Capsules for Breast Cancer Adjuvant treatment	1	Praklinikal	Dalam Pelaksanaan
7.	Nutratix Biotech Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> · Lavie for Arthritis · Lavie for Hypertension 	2	Praklinikal	Dalam Pelaksanaan
8.	Proliv Life Science Sdn Bhd	Synacinn for diabetes	1	Kajian Klinikal Fasa 1	Dalam Pelaksanaan
9.	Medika Natura Sdn Bhd	Labeesity for weight management	1	Kajian Klinikal Fasa 2	Selesai
Jumlah			17		

Jadual 1: Status Terkini Projek Kajian Praklinikal dan Klinikal Syarikat Peneraju

Berdasarkan kepada perspektif kemajuan pembangunan produk bagi tahun 2021, sebanyak empat belas (14) produk herba telah berjaya memasuki fasa ujian klinikal di dalam dan luar negara termasuklah di Indonesia, Mesir, Korea Selatan dan India. Beberapa produk yang telah selesai melaksanakan kajian klinikal bakal meluaskan pasaran produk herba di dalam dan luar negara sebagai produk herba bernilai tinggi.

Pada tahun 2021, sebanyak dua (2) produk telah selesai melaksanakan kajian praklinikal dan klinikal antaranya produk Labeesity yang berasaskan herba kacip fatimah untuk pengurusan berat badan dan produk Hepar-P Capsule yang berasaskan herba dukung anak untuk rawatan keradangan hati.



Gambar Rajah 1.0: Produk Labeesity untuk pengurusan berat badan

Berdasarkan kepada perkembangan ini, pihak MAFI mensasarkan bahawa projek di atas dapat disiapkan selewat-lewatnya pada penghujung tahun 2022 manakala misi untuk mencapai Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM317 juta menjelang akhir tahun 2025 indikasi yang positif dan memberangsangkan.

Sepanjang pelaksanaan inisiatif ini, pihak kementerian turut berhadapan dengan cabaran berikut projek ini merupakan satu projek perintis di dalam negara serta merupakan satu pengalaman yang baharu bagi setiap pemegang taruh yang terlibat. Pembangunan produk herba bernilai tinggi ini turut melibatkan ekosistem yang lebih luas melibatkan kerjasama dan integrasi pelbagai kementerian/jabatan/agensi berlainan serta garis panduan berbeza mengikut negara-negara berkaitan. Isu-isu kompleks yang dihadapi juga adalah terdiri daripada komponen-komponen ekosistem asas seperti kesukaran mendapatkan sumber bekalan bahan



Gambar Rajah 2.0: Produk Hepar-P untuk rawatan keradangan hati

mentah yang konsisten dan berkualiti, ketiadaan garis panduan dalam pelaksanaan kajian praklinikal dan klinikal produk herba dalam negara, isu pendaftaran produk di dalam dan luar negara serta isu-isu teknikal dan perundungan yang seringkali menyebabkan pencapaian prestasi projek tergendala.

Walaubagaimanapun, pihak MAFI telah mendapat kerjasama serta sokongan yang amat baik daripada pelbagai kementerian seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta agensi-agensi berkaitan seperti Institut Penyelidikan Perubatan (IMR, KKM) bagi menangani isu-isu di atas dan seterusnya memberikan hasil kajian yang lebih baik.

PROGRAM VAKSINASI BARISAN HADAPAN INDUSTRI AGROMAKANAN (AiVAC)

AiVAC merupakan singkatan kepada Agrofood Industry Vaccination Programme atau Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC). Program AiVAC merupakan satu inisiatif MAFI Prihatin untuk meningkatkan pengambilan vaksinasi dalam kalangan pesawah, petani, penternak, nelayan dan pekerja-pekerja serta individu yang terlibat dalam sektor agromakanan.

Pelaksanaan program ini bertujuan untuk memastikan liputan vaksinasi dicapai seluas mungkin dan seterusnya bagi membuka semula sektor agromakanan serta membantu mempercepatkan pemulihian ekonomi dan rantai nilai makanan di Malaysia.

Program ini mensasarkan seramai 520,000 orang pekerja dalam sektor agromakanan meliputi dua (2) kategori iaitu Kumpulan Sasar Utama yang terdiri daripada pekerja sektor agromakanan yang terlibat secara langsung dengan proses pengeluaran makanan di seluruh negara meliputi pesawah, petani, penternak, nelayan dan yang terlibat dengan pengeluaran agromakanan termasuk pegawai dan staf barisan hadapan MAFI dengan anggaran seramai 420,000

orang. Kategori kedua ialah Kumpulan Sasar Industri yang terdiri daripada Syarikat/ Persatuan Terpilih (Targeted) dan pemain industri kecil dalam sektor agromakanan dengan anggaran seramai 100,000 orang.

Semasa tempoh pelaksanaan program ini, Kerajaan telah membuka pelaksanaan program vaksinasi secara walk in kepada orang ramai termasuk pekerja asing. Sehubungan itu, golongan sasar di bawah MAFI yang masih belum menerima suntikan vaksin melalui program AiVAC boleh mendapatkan suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Awam.

Keseluruhananya, seramai 41,157 orang daripada kumpulan sasar individu, 39,514 orang bagi kumpulan sasar syarikat dan seramai 1,755 orang kakitangan MAFI serta 23,758 orang kakitangan jabatan agensi telah divaksin melalui program AiVAC.

Program Rintis PPV Industri yang pertama adalah PPV Industri Kumpulan Leong Hup yang diadakan di Dewan Serbaguna Bukit Gambir, Muar, Johor mulai 1 Ogos 2021. Program ini melibatkan seramai 4,525 orang pekerja industri ternakan daripada Syarikat Leong Hup International Berhad dan Teo Seng Capital Berhad.



Gambar 1: Sekitar pelaksanaan PPV Industri Kumpulan Leong Hup di Muar, Johor

Bagi kumpulan sasar pertanian, PPV Industri Mobile di Kg. Raja, PPV Industri Dewan Orang Ramai Lembah Bertam, PPV Industri Dewan Serbaguna Tringkap Cameron Highlands dan PPV Industri RnR Lojing, Kelantan telah dianjurkan oleh Persatuan Gabungan AiVAC Cameron Highlands kepada seramai 20,300 orang pekerja sektor pertanian pada 27 hingga 16 September 2021.



Gambar 2: Sekitar pelaksanaan PPV Industri Kg. Raja di Cameron Highlands, Pahang



Gambar 3: Sekitar pelaksanaan PPV Industri Kg. Raja di Cameron Highlands, Pahang



Gambar 4: Sekitar pelaksanaan PPV Industri Tringkap di Cameron Highlands, Pahang



Gambar 5: Sekitar pelaksanaan PPV Industri RnR Lojing di Lojing, Kelantan

Manakala bagi kumpulan sasar perikanan, PPV Industri Dewan Tokong Besar Bagan Panchor dan Dewan Chin Tai Kok, Pantai Remis Perak telah dianjurkan oleh Persatuan Nelayan Perak kepada seramai 2,300 orang pekerja pada 14 hingga 16 September 2021.



Gambar 6: Sekitar pelaksanaan PPV Industri Bagan Panchor, Perak



Gambar 7: Sekitar pelaksanaan PPV Industri Pantai Remis, Perak

Keseluruhannya, seramai 24,825 orang yang terdiri daripada pekerja kumpulan industri MAFI telah divaksin menerusi PPV Industri anjuran AiVAC. Selain itu juga, Program outreach vaksinasi AiVAC dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Kedah dan CITF Negeri Kedah telah diadakan pada 21 dan 26 Ogos 2021 serta 6 September 2021 di Pusat Latihan MADA, Kota Setar, Kedah melibatkan seramai 3,006 orang yang terdiri daripada pesawah dan kakitangan jabatan/agensi MAFI. Di samping itu juga, kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan dengan CITF Negeri Kelantan turut diadakan menerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Pejabat YB Adun Semerak pada 10 hingga 12 September 2021 yang melibatkan seramai 544 orang pekerja sektor perikanan.



Gambar 8: Sekitar pelaksanaan Program Outreach vaksinasi AiVAC di Pusat Latihan MADA, Kota Setar, Kedah



Gambar 9: Sekitar pelaksanaan Program Outreach vaksinasi AiVAC Pasir Puteh, Kelantan Latihan MADA, Kota Setar, Kedah

Program ini bertujuan untuk memudahkan usaha Kerajaan bagi mempercepatkan vaksinasi dan mencapai imuniti disamping melindungi kesejahteraan pekerja-pekerja dan membantu mempercepatkan pemulihian ekonomi serta rantaian nilai makanan di Malaysia. Di samping itu juga, iaanya dapat membantu merancakkan semula aktiviti ekonomi di kawasan tersebut dan membantu kumpulan sasar untuk kembali mencari sumber pendapatan.

UTAMA

PICK : AiVAC Akan Dilaksanakan Untuk ‘Wira Tani’ Peladang, Penternak dan Nelayan

Real Time: 1 Minute, 21 Second

PUTRAJAYA : Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC) termasuk untuk golongan peladang, penternak dan nelayan akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Utusan Malaysia

10,000 pekerja kebun sawit Cameron Highlands sudah divaksin

Chandrayyah Jinti | 21K Views

PROGRAM VAKSINASI BARISAN HADAPAN

#AiVAC #VAKSINASI #INDUSTRIAGROMAKANAN #AIVAC

17,000 pekerja di Cameron Highlands terima vaksin

By Bernama August 6, 2021 @ 5:30pm

Agribusiness Minister Datuk Dr Ronald Kiandee (second from right) said AiVAC aims to increase vaccination among workers and individuals

Sinar Harian

2 d · 4

Pekerja asing juga perlukan vaksin

Kredit Muzik: Artlist

Ronald: vaccination for agro industry to be implemented soon

By Bernama August 6, 2021 @ 5:30pm

1 share • 10K Views

Like Comment Share

Gambar 10: Promosi MAFI bagi program AiVAC Kelantan Latihan MADA, Kota Setar, Kedah

TASKFORCE (TF) RANTAIAN NILAI PRODUK AGROMAKANAN

Taskforce Rantaian Nilai Agromakanan adalah platform yang telah mengenalpasti isu dan cadangan penyelesaian sepanjang rantaian bekalan dan pemasaran produk agromakanan sepanjang tempoh PKP. Selaras dengan agenda Pelan Hala Tuju E-dagang Kebangsaan Kerajaan kepada perniagaan sedia ada, kerjasama sektor swasta telah dijalin bagi meluaskan akses pasaran tempatan dengan platform e-dagang perniagaan-ke-perniagaan (B2B) baharu bagi memastikan rantaian nilai produk agromakanan seperti beras, daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan di seluruh Malaysia mencukupi terutama ketika negara sedang berhadapan dengan pandemik Covid – 19.

Dalam memastikan rantaian nilai produk Agromakanan sentiasa terjamin, MAFI telah melaksanakan platform e-dagang dengan kerjasama daripada 3 syarikat sektor swasta iaitu Airasia (OURFARM), Fusionex (Farm2Mart) dan Droepee (LokalKita). Platform e-dagang perniagaan-ke-perniagaan (B2B) baharu, bersedia untuk merevolusikan rantaian bekalan perniagaan tani, membolehkan petani berhubung terus kepada perniagaan dan meningkatkan pendapatan mereka dengan menghapuskan kos orang tengah yang menyediakan sokongan logistik bahawa petani untuk memenuhi pesanan terus kepada perniagaan.

Inisiatif platform e-dagang ini dapat membantu perniagaan kecil dengan mengurangkan kos perolehan hasil segar sehingga 25% kerana mereka akan dapat mendapatkan sumber terus daripada pengeluar pertanian. Disamping itu juga, platform e-dagang ini dapat membantu meningkatkan margin keuntungan pengeluaran pertanian dengan menghapuskan kos orang tengah. Platform e-dagang ini dapat

menyediakan sistem pengurusan rantaian bekalan yang lebih cekap disamping menyokong agenda keselamatan makanan negara tercapai.



Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee dan Pengurus Eksekutif Kumpulan AirAsia Datuk Kamarudin Meranun dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia Tan Sri Tony Fernandes di Majlis Pelancaran OURFARM.

Kesemua syarikat yang terlibat telah menunjukkan prestasi yang baik sepanjang tempoh pelaksanaan dengan jumlah keseluruhan nilai transaksi ketiga-tiga syarikat yang terlibat berjumlah RM 5,406,356.69.

PRESTASI PLATFORM E-DAGANG RANTAIAN NILAI PRODUK AGROMAKANAN



PROGRAM PEMODENAN VESEL DAN MEKANISASI TANGKAPAN

Kerajaan telah memperuntukkan dana sebanyak RM150 juta untuk membiayai Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan, bagi Zon A dan Zon B di bawah Dana Jaminan Makanan 2021. Skop program telah diperluaskan kepada nelayan Zon C dan C2 pada September 2021. Sebanyak RM104.5 juta diperuntukkan untuk membiayai Pemodenan Vesel manakala RM45.5 juta lagi diperuntukkan untuk membiayai Mekanisasi Tangkapan.

Objektif utama program ini adalah untuk membangunkan industri perikanan tempatan melalui program pemodenan vesel, dengan menggalakkan penerokaan zon yang lebih jauh dan penggunaan peralatan tangkapan yang moden, efektif dan mesra alam.

Kemudahan pembiayaan diberikan dengan kadar 3.0% bagi nelayan Zon A dan B, manakala 3.5% bagi nelayan Zon C dan C2 selama 10 tahun. Nilai pembiayaan adalah sehingga RM5 juta untuk pemodenan vesel dan sehingga RM500 ribu untuk mekanisasi peralatan tangkapan, ke arah penggunaan teknologi tinggi dan inovasi mesra sumber.

Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 368 permohonan bagi Program Mekanisasi Tangkapan dan 76 permohonan bagi Program Pemodenan Vesel dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM240,776,652.30 telah diperakurkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) kepada Agrobank.





SEKTOR PEMBANGUNAN



BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI

PENGENALAN

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada tahun 2021, aktiviti dan pencapaian Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB) adalah terbatas dan tertakluk kepada arahan semasa daripada pihak berkuasa. Walau bagaimanapun, Bahagian mula menggerakkan segala perancangan yang tertangguh berikutan negara mula memasuki fasa PKP Pemulihan mulai Jun 2021. Sehubungan itu, sebahagian besar daripada aktiviti dan pencapaian Bahagian berlaku pada tempoh separuh kedua tahun 2021.

Secara umumnya, pelaporan aktiviti dan pencapaian Bahagian adalah terbahagi kepada dua iaitu Seksyen Industri Padi dan Beras (IPB) yang terlibat dalam merangka dasar dan polisi industri padi dan beras; dan Seksyen Kawalselia Padi dan Beras (KPB) yan terbabit dalam aktiviti penguatkuasaan di sepanjang rantaian nilai padi dan beras.



SEKSYEN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB)

Secara umumnya, Seksyen Industri Padi dan Beras (IPB) merangka dasar dan polisi industri padi dan beras hampir di sepanjang rantaian nilai iaitu daripada pengeluaran benih padi sah sehingga kepada penghasilan beras. Lainya merangkumi pengumpulan data, hal ehwal penyertaan dalam institusi di peringkat antarabangsa, pengurusan subsidi dan insentif berkaitan padi dan beras, dan sebagainya. Antara aktiviti dan pencapaian Seksyen IPB sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut

1. Program Agihan Benih Padi Sah dan Ziarah Peladang Peringkat Negeri Perak

Bahagian dengan kerjasama Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah melaksanakan Program Agihan Benih Padi Sah dan Ziarah Peladang Peringkat Negeri Perak pada 5 Januari 2021 di Seberang Perak, Perak.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan dan turut dihadiri oleh pegawai pengurusan tertinggi MAFI, DOA dan LPP. Dalam majlis tersebut, YB Menteri turut mengumumkan mekanisme pengawalan harga benih padi sah menerusi harga siling pada kadar RM35.00 bagi setiap 20 kilogram beg.



Gambar 1: Barisan jemputan VIP.



Gambar 2: Simbolik pengumuman harga siling benih padi sah (BPS) sebanyak RM35 bagi setiap 20 kilogram beg.



Gambar 3: Sesi sidang media bersama YB Menteri Pertanian & Industri Makanan.

PROGRAM SMART SAWAH BERSKALA BESAR (SMART SBB)

Program SMART SBB merupakan salah satu pembaharuan menyeluruh dalam industri padi dan beras negara demi menjamin sekuriti bekalan beras negara menerusi lonjakan pengeluaran padi di peringkat domestik.

Sehubungan itu, Bahagian IPB telah melaksanakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Malaysia dan sebelas (11) syarikat peneraju pada 23 Februari 2021 bertempat di Dewan Besar MAFI; dan Majlis Menandatangani

Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Malaysia dan tujuh (7) syarikat peneraju pada 9 November 2021 bertempat di Dewan Besar, LPP Kuala Lumpur. Program ini telah menarik minat hampir kesemua pemain utama industri sebagai Syarikat Peneraju seperti Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), FGV, NAFAS, Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia, dan sebagainya.



Gambar 4 & 5: Sekitar sesi menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara MAFI dan sebelas Syarikat Peneraju di Putrajaya pada 23 Februari 2022.



Gambar 6 & 7: Sekitar sesi menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara MAFI dan tujuh Syarikat Peneraju di Kuala Lumpur pada 9 November 2021

PROGRAM INSENTIF BENIH PADI SAH (IBPS)

Susulan daripada program IBPS yang telah tamat pada pertengahan 2021, Bahagian IPB telah melaksanakan program Request For Proposal (RFP) kepada hampir 40 buah syarikat berkaitan kerajaan (GLC), Pertubuhan Peladang Negeri dan Kawasan (PPN dan PPK) serta swasta yang terlibat dalam industri benih padi. Sebuah panel penilaian teknikal dan kewangan telah ditubuhkan dan dianggotai oleh wakil daripada IPB, MAFI; Bahagian Kewangan, MAFI; DOA Ibu Pejabat dan MARDI.

Pemilihan pengeluar benih padi sah bagi tempoh 2021 sehingga 2023 tersebut telah dilaksanakan menerusi tiga peringkat iaitu penyemakan dokumen RFP, penilaian fasiliti menerusi lawatan tapak ke loji pemprosesan pemohon, dan penilaian keseluruhan proses telah berlangsung selama dua bulan.



Gambar 8 - 13: Antara syarikat pengeluar benih yang berminat untuk memasuki tender dan telah dilawati oleh ahli-ahli Jawatankuasa Panel Penilaian Teknikal dan Kewangan, MAFI.



Gambar 14 - 18: Sekitar sesi lawatan terhadap fasiliti kilang dan taklimat oleh syarikat pengeluar benih yang berminat.

SEKSYEN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB)

Secara umumnya, Seksyen Kawalselia Padi dan Beras (KPB) melaksanakan penguatkuasaan undang-undang berdasarkan kepada Akta Kawalan Padi dan Beras [Akta 522] dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Secara khusus, KPB mengawalselia aktiviti berkaitan pemasaran padi dan beras iaitu pelesenan, penguatkuasaan dan pendakwaan. Aktiviti dan pencapaian Seksyen KPB sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut:

Bagi tahun 2021, sejumlah 25,522 permohonan lesen telah diproses dan pecahan kelulusan adalah seperti berikut:

KATEGORI LESEN	JUMLAH PROSES	JUMLAH KELULUSAN MELIBATKAN BAYARAN	JUMLAH BAYARAN (RM)
Lesen Borong	1,544	660	556,060.00
Lesen Eksport	40	29	12,000.00
Lesen Import	127	89	36,200.00
Lesen Kilang Padi Komersil	76	50	100,800.00
Lesen Membeli Padi	129	73	8,830.00
Lesen Runcit	23,606	16,977	760,440.00
JUMLAH KESELURUHAN	25,522	17,878	1,474,330.00

Jadual 1: Pengeluaran dan proses pelesenan

Aktiviti pelesenan turut melibatkan kelulusan pengeluaran permit pemindahan antara negeri, pemindahan antara wilayah dan kelulusan import / eksport. Bagi tahun 2021, sejumlah 5,184 permit import dan 2,665 permit export telah diluluskan bagi aktiviti import dan eksport. Aktiviti import dan eksport ini merupakan salah satu prosedur kemasukan/ pengeluaran sesuatu komoditi dibawah kod beras melalui pelabuhan atau pintu masuk utama negara yang dikawal oleh Kastam Diraja Malaysia (KDRM).

Bagi mengurangkan aktiviti bersua muka, perkhidmatan kaunter telah dihadkan kepada temujanji manakala pengeluaran permit pemindahan antara negeri telah dilaksanakan secara atas talian. Sebanyak 102,639 permohonan telah diproses dengan 101,348 permohonan telah diluluskan, 702 ditolak dan 589 permohonan telah dibatalkan. Rata-rata pelanggan menyambut baik penggunaan permit dalam talian berikutnya ianya lebih mudah dan cepat.



Gambar 20 : pelesenan kilang / pemborong



Gambar 21 : Menyantuni petani dalam khidmat nasihat berkaitan pelesenan

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan menjurus kepada memastikan bekalan beras terjamin di pasaran. Sebagai bahagian yang bertanggungjawab memantau aktiviti pemasaran beras, pemantauan sentiasa dijalankan di seluruh negara ke atas pelesen-pelesen beras bagi memastikan rantaian pengedaran beras tidak terjejas dan beras sentiasa ada di pasaran dengan harga yang terjamin.



Gambar 22: Pemeriksaan rutin



Gambar 23 : Pemeriksaan beras

Dalam memastikan penghasilan padi yang optimum, penggunaan benih padi sah merupakan asas yang penting dalam menjaga rantaian makanan ini. Beberapa operasi telah dilaksanakan di negeri Kedah agar benih padi sampai kepada pesawahan dan tiada pihak mengambil kesempatan ke atas pengedaran benih padi sama ada benih dijual secara tidak sah, harga yang tinggi dan menyembunyikan stok bekalan. Bagi tujuan tersebut, sebanyak tiga (3) siri Ops Jerami telah dilaksanakan dengan penglibatan cawangan-cawangan KPB yang berhampiran.



Gambar 24 : Pemeriksaan bekalan benih di peringkat peruncit.




Gambar 25 : Pemeriksaan di dalam stor simpanan benih padi

Pada tahun 2021, sebanyak 413 kes tangkapan dan serahan kes telah diterima oleh pihak KPB dan daripada itu 192 kes rampasan tanpa tuan (RTT) telah selesai dengan jumlah nilai rampasan sebanyak RM534,771.89. Pembangunan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi kegunaan semua pegawai penguatkuasa telah diselaraskan oleh unit pendakwaan. Sebanyak 26 SOP telah dibawa dan dimurnikan untuk kelulusan Pengurusan Undang- undang dan dijangkakan akan digunakan sepenuhnya pada tahun 2022. Berikut adalah SOP-SOP yang telah dimurnikan:

1. SOP Pemutuan Padi;
2. SOP Pemindahan Beras dari Semenanjung Ke Sabah & Sarawak;
3. SOP Pendakwaan – Kes Tidak Mengaku Salah;
4. SOP Pendakwaan – Kes Mengaku Salah;
5. SOP Pemeriksaan Premis Pelesen Borong/Runcit;
6. SOP Pemeriksaan Premis Pelesen Kilang Padi;
7. SOP Pemeriksaan Premis Pelesen Pembeli Padi;
8. SOP Pemeriksaan di Pelabuhan;
9. SOP Pemeriksaan Beras Stokpail Kerajaan;
10. SOP Penguatkuasaan;
11. SOP Pemeriksaan & Sekatan Jalan Raya (SJR);
12. SOP Risikan;
13. SOP Rondaan;
14. SOP Pengurusan Eksibit;
15. SOP Penyerahan Barang-Barang Eksibit oleh Agensi-Agenzi Penguatkuasa;
16. SOP Pengurusan Kertas Siasatan;

17. SOP Tatacara Penjualan Barang Sitaan Mudah Rosak;
18. SOP Tatacara Pelupusan Kenderaan Sitaan;
19. SOP Tatacara Pelepasan Kenderaan Sitaan (Bon Jaminan);
20. SOP Prosedur Pendaftaran dan Sebutan Kes di Mahkamah;
21. SOP Permit Pemindahan Antara Negeri;
22. SOP Senjata Api;
23. SOP Uniform;
24. SOP Ujian Pengilangan;
25. SOP Pemeriksaan Premis & Siasatan Lesen Borong Beras; dan
26. Garis Panduan Pelabelan.

Selain itu, Seksyen KPB turut membantu dalam mengenal pasti dan memberikan kebenaran operasi kepada kilang-kilang, borong dan runcit yang diarahkan tutup sepanjang tempoh PKP supaya rantaian pembekalan bahan makanan utama (beras) tidak terputus di pasaran. Bagi tujuan itu, sebanyak 2,242 kelulusan kebenaran operasi telah dikeluarkan kepada syarikat yang memohon dan memenuhi kriteria sebagaimana disyaratkan oleh Majlis Keselamatan Negara untuk beroperasi.



Gambar 26 : Kelulusan Operasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan bagi sektor beras.

Mengawal selia pengedaran Benih Padi melalui syarikat-syarikat yang dilantik oleh kerajaan di samping pematuhan kepada penggunaan benih padi Sah di pasaran. Untuk itu, pihak KPB telah mengeluarkan Perintah Ketua Pengarah khusus bagi aktiviti penjualan benih padi di semenanjung Malaysia. Pada tahun 2021, sebanyak 1,002 kelulusan bersyarat telah dikeluarkan khusus untuk peruncit benih padi bagi tujuan pengawalan dan pemantauan pengedaran benih padi kepada petani/pengusaha sawah padi.



Gambar 27: Pemeriksaan Premis yang diluluskan untuk operasi sepanjang tempoh PKP




Gambar 28 : Operasi Peruncitan Benih Padi

Seksyen KPB turut mengaktifkan bilik gerakan beras di seluruh negeri bagi melaporkan situasi dan aduan bekalan beras di pasaran. Ini berikutan terdapat pembelian panik dilaporkan sepanjang tempoh PKP di mana komoditi beras turut mendapat tempias akibat daripada itu.



Gambar 29 & 30 : Poster hebahan yang mempamerkan nombor hotline bilik gerakan Seksyen KPB di peringkat negeri dan cawangan.



SEKTOR PEMBANGUNAN



BAHAGIAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI

BAHAGIAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI

BIODATA SETIAUSAHA BAHAGIAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI

Nama : Encik Kamal Badrin bin Hassan

Jawatan : Pegawai Tadbir Dan Diplomatik Gred VU7

Encik Kamal Badrin bin Hassan dilahirkan pada tanggal 23 September 1972 di Pulau Pinang. Beliau telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam selama 24 tahun. Beliau telah ditempatkan di pelbagai Kementerian antaranya Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP), Pejabat Daerah

Seberang Prai, Pulau Pinang, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) serta Kementerian Kewangan, Malaysia. Kini beliau menjawat jawatan sebagai Setiausaha Bahagian di Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

OBJEKTIF BAHAGIAN

1. Membangun dan mengembangkan aktiviti pemprosesan atau nilai tambah produk Agromakanan.
2. Memperkuatkan kualiti produk bagi menembusi pasaran dan rangkaian global.
3. Meningkatkan pendapatan usahawan, petani, penternak dan nelayan.
4. Membantu penyediaan khidmat sokongan yang melibatkan latihan, pemasaran, pembiayaan dan penggunaan teknologi. Menaiktaraf dan membaik pulih infrastruktur serta kualiti perkhidmatan pusat-pusat agropelancongan.

FUNGSI BAHAGIAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI

1. Memantau pelaksanaan dasar-dasar pembangunan industri makanan dan asas tani selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 serta Dasar Sekuriti Makanan Negara;
2. Membangunkan industri hiliran (downstream) yang bernilai tambah (value-added) bagi industri tanaman, ternakan dan perikanan;
3. Merancang dan menyelaras program bimbingan usahawan tani ;
4. Menyelaras pembangunan industri kulinari negara;
5. Merancang dan menetapkan hala tuju dan dasar dalam industri berdasarkan pertanian (selain makanan) seperti agropelancongan selaras dengan Dasar Agromakanan (DAN) 2.0.
6. Merancang dan menyelaras pelaksanaan pembangunan pusat pemprosesan dan pembangunan produk dan jenama;
7. Menjadi Focal Point bagi Nexus Agrofood di bawah Malaysia Productivity Corporation (MPC);
8. Merangka dan menilai program melalui kolaborasi pelbagai kementerian berkaitan;
9. Memberi khidmat nasihat dan bimbingan berhubung pematuhan piawaian bagi bahan-bahan mentah melalui persijilan seperti Halal, Malaysian Good Agricultural Practice (myGAP), Good Manufacturing Practice (GMP), Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI), Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP) dan lain-lain;
10. Menyelaras pelaksanaan Skim Geran Pemadanan dan Skim Pinjaman untuk pembangunan produk oleh usahawan tani;
11. Menyelaras pengumpulan dan analisis data profiling bagi semua maklumat berkaitan dengan usahawan tani yang terdapat di peringkat kementerian/jabatan dan agensi; dan
12. Melaksanakan fungsi pemerkasaan ekonomi bumiputera.
13. Merancang dan menyelaras Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA) sebagai pusat penyelidikan, penyelidikan saintifik dan pemuliharaan bagi pembangunan botani, hortikultur, pertanian dan lain-lain bidang yang berkaitan.
14. Merancang, melaksana dan memantau Program Agropreneur Muda.

PIAGAM PELANGGAN

1. Pengagihan peruntukan AZAM Tani
2. Skim / Program Geran Pemadanan High Impact Product (HIP)
3. Menyelaras dan melaksanakan Program Ekspo / Karnival Pertanian dan Industri Makanan
4. Pemantauan berkala usahawan Industri Makanan

UNIT PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Program Pembangunan Modal Insan merupakan program khusus bagi memperkasakan kemahiran keusahawanan bagi usahawan-usahawan pertanian dan industri makanan. Program ini terbahagi kepada program latihan generik dan juga secara hands-on. Program secara hands-on yang lebih berbentuk teknikal dijalankan oleh Jabatan dan Agensi terus kepada kumpulan sasar. Manakala bagi program latihan generik menawarkan latihan/bengkel/kursus kepada usahawan yang meliputi tiga peringkat iaitu:

1. Peringkat Asas - Tahap Penerapan Pengetahuan dan Kemahiran;
2. Peringkat Pertengahan – Tahap Pembangunan dan Peningkatan Produktiviti;
3. Peringkat Lanjutan – Tahap Mengukuhkan Pasaran.

Pada tahun 2021, sebanyak RM937,500.00 peruntukan telah disalurkan kepada jabatan dan agensi bagi pelaksanaan kursus fungsian. Sebanyak 168 kursus

UNIT AGROPRENEUR MUDA

Program Agropreneur Muda diperkenalkan sejak tahun 2016 bagi menggalakkan dan meningkatkan penglibatan golongan muda berumur antara 18 hingga 40 tahun dalam bidang keusahawanan berasaskan agromakanan merangkumi sektor tanaman, ternakan, perikanan serta industri makanan dan atas tani. Pelaksanaan program ini melibatkan beberapa inisiatif utama termasuklah bantuan geran berbentuk barang sehingga RM20,000 pembiayaan, latihan dan kursus, jelajah dan promosi, galakan pasaran serta kerjasama strategik dengan pihak yang berpotensi.



Pembiayaan Program Agropreneur Muda
Sesi Pelancaran Pembiayaan Agro YES, 18 Mac 2021



Penerbitan
Sesi Pelancaran Buku Inspirasi Agropreneur Muda dan Buku Lembaran Agropreneur Muda 2020 pada 3 Mei 2021

telah berjaya dilaksana dengan penglibatan seramai 3315 orang peserta.

Satu jenis kursus generik telah dilaksanakan di bawah Program Pembangunan Latihan Generik iaitu Program Pensijilan Halal (Halal Boost Programme). Program pensijilan halal ini telah melibatkan sebanyak 15 syarikat daripada pelbagai kategori dan program ini melibatkan tiga (3) fasa seperti berikut:

1. Klinik E-Halal dan Jurang Analisis di Premis
2. Latihan Kesedaran Halal, Latihan Sistem Pengurusan Jaminan Halal, Latihan Audit Dalaman Halal dan Bimbingan Secara Individu kepada Syarikat; dan
3. Pra-audit lapangan, penyediaan fail Halal serta permohonan melalui sistem My E-Halal.

Pada tahun 2021, sebanyak 791 agropreneur muda telah menerima bantuan geran dengan nilai kelulusan berjumlah RM 15,753,802.00 manakala 104 penerima bantuan pembiayaan dengan kelulusan bernilai RM18,866,000.00. Sebanyak 131 kursus dan latihan di bawah program ini telah dijalankan dan memanfaatkan seramai 7,311 agropreneur muda. Selain itu, Jelajah Agropreneur Muda telah dilaksanakan sebanyak 14 kali, lawatan kerja melibatkan pengurusan tertinggi MAFI sebanyak 10 kali dan pemantauan pemohon/penerima geran sebanyak 100 kali.



Jelajah Agropreneur Muda (JAM)
Jelajah Agropreneur Muda Negeri Sembilan, 1 April 2021



Jelajah Agropreneur Muda Kelantan, 4 Disember 2021



Latihan dan Kursus
Program Empowerment Agropreneur Muda, 19 Ogos 2021



Kerjasama Strategik
Sesi Libat MAFI dan UPM pada 11 November 2021



Lawatan
Penerima Geran Agropreneur Muda yang terjejas akibat banjir 20 Disember 2021

UNIT PEMBANGUNAN DAN KAPASITI PENGELOUARAN

TAJUK: MENINGKATKAN SUMBANGAN INDUSTRI ASAS TANI MAKANAN

Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT) merupakan sektor pengeluar yang menambah nilai bahan mentah pertanian melalui aktiviti pemprosesan. IMAT turut merangkumi produk makanan dan bukan makanan yang boleh dipasarkan bagi menambah pendapatan usahawan.

Usahawan IMAT dikategorikan kepada enam (6) tahap berdasarkan nilai jualan tahunan. Kategori yang dimaksudkan adalah adalah seperti Jadual 1.

TAHAP	NILAI JUALAN TAHUNAN (RM)	DEFINISI PKS NASIONAL
1	< 50,000	Mikro
2	> 50,000 - < 100,000	
3	> 100,000 - < 300,000	
4	> 300,000 - < 5,000,000	Kecil
5	> 5,000,000 - < 15,000,000	
6	> 15,000,000 - < 50,000,000	Sederhana

Jadual 1 : Tahap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

PEMBANGUNAN PUSAT PEMPROSESAN, PEMBUNGKUSAN DAN PEMASARAN IMAT

Premis serta infrastruktur yang sesuai dan membangun diperlukan bagi mewujudkan persekitaran yang menyokong pertumbuhan PKS dan usahawan. Program Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran (3P) Usahawan IMAT telah diwujudkan bertujuan untuk menggalakkan semangat keusahawanan dengan menyediakan akses kepada premis perniagaan, kemudahan dan infrastruktur lain bagi penghasilan dan pemasaran produk industri makanan dan asas tani. Objektif utama program ini adalah:

- Membangunkan kluster IAT berdasarkan makanan;
- Meningkatkan kualiti dan keselamatan makanan; dan
- Meningkatkan pembangunan teknologi dan inovasi.

Pada tahun 2021, sebanyak 27 buah pusat 3P yang dimiliki oleh Jabatan/Agensi di bawah MAFI telah dinaiktaraf melalui pengubahaian susun atur dan binaan bangunan bagi mematuhi kehendak persijilan tempatan dan antarabangsa seperti persijilan Halal, MeSTI (Makanan Selamat Tanggungjawab Industri), GMP (Good Manufacturing Practice) dan HACCP (Hazard Analysis Critical Control Point) serta menerima penambahaikan di bawah skop peningkatan kapasiti pengeluaran, keupayaan pembungkusan dan penyimpanan melalui perolehan dan pemberian mesin serta peralatan melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM 2.637 juta. Pecahan pusat 3P tersebut adalah seperti berikut:



BIL.	JABATAN / AGENSI	JUMLAH PUSAT YANG MENDAPAT BANTUAN
1.	Jabatan Pertanian (DOA)	8
2.	FAMA	8
3.	LKIM	5
4.	LPNM	1
5.	MADA	1
6.	IADA Seberang Perak	1
7.	IADA Ketara	3
JUMLAH KESELURUHAN		27

UNIT REZEKI TANI

Program Rezeki Tani merupakan sebuah program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan di bawah Kementerian. Penerima dibantu meningkatkan pendapatan melalui bantuan projek ekonomi dalam bidang pertanian serta industri makanan dan asas tani. Pelaksanaan Program Rezeki Tani dipertanggungjawab kepada jabatan/agensi di bawah Kementerian iaitu DOA, DVS, DVS, FAMA, LPP, LKIM, LPNM, MARDI, MADA dan KADA.

Kumpulan sasaran peserta terdiri daripada golongan miskin dan isi rumah berpendapatan sehingga 20% daripada Paras Garis Kemiskinan (PGK) semasa. Kadar bantuan maksimum bagi seorang peserta adalah sebanyak RM10,000 meliputi pemberian in-kind dan latihan mengikut keperluan projek peserta. Jabatan dan Agensi pelaksana di bawah Kementerian sentiasa memastikan proses bancian peserta di lapangan dibuat mengikut prosedur yang telah ditetapkan dalam mengenal pasti calon yang layak dan memenuhi kriteria-kriteria yang diperlukan.

Pada tahun 2021, seramai 199 orang peserta telah diluluskan untuk menerima bantuan daripada program ini melebihi sasaran awal iaitu 180 orang peserta. Peserta perlu menjalankan projek quick win iaitu projek yang mengeluarkan hasil dalam tempoh yang pendek di antara tiga (3) hingga enam (6) bulan dan berpotensi memberi pulangan yang baik. Mulai tahun 2021 juga, Program Rezeki Tani turut dilaksanakan di negeri Sabah dan Sarawak.

Kementerian melalui Jabatan dan Agensi di peringkat negeri dan daerah akan memantau peserta bagi memastikan bantuan yang diterima dimanfaatkan sebaiknya untuk menjana pendapatan isi rumah. Pada awal pelaksanaan projek, bimbingan akan dijalankan dengan kerap supaya peserta dapat menjalankan projek dengan lancar.

Di samping itu, latihan-latihan juga turut disediakan bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran serta daya saing peserta.



Penyampaian bantuan Program Rezeki Tani kepada peserta di bawah bimbingan FAMA (kiri) dan MADA (kanan) di Negeri Kedah



Penyampaian bantuan Program Rezeki Tani kepada peserta di bawah bimbingan MARDI di Negeri Kelantan



Penyampaian bantuan Program Rezeki Tani kepada peserta di bawah bimbingan DOF di Negeri Perak



Penyampaian bantuan Program Rezeki Tani kepada peserta di bawah bimbingan DOA di Negeri Johor



Penyampaian bantuan Program Rezeki Tani kepada peserta di bawah bimbingan FAMA di Negeri Sabah



Peserta Program Rezeki Tani, Yusniza binti Abdullah dari Perlis menghasilkan produk perencah masakan segera yang dipasarkan di Pahang, Perak, Kedah dan Perlis



Peserta Program Rezeki Tani, Azahar bin Safurdin sedang mengusahakan projek tanaman jagung di Pekan, Pahang

SEKTOR PEMBANGUNAN



BAHAGIAN PEMBANGUNAN

BAHAGIAN PEMBANGUNAN (PEM)



Fungsi Bahagian Pembangunan MAFI adalah menyelaras dan memantau prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan serta pelaksanaan projek bagi setiap Bahagian, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian ini. MAFI telah menerima peruntukan pembangunan 2021 sebanyak RM1.339 bilion bagi melaksanakan projek-projek merangkumi pelaksanaan projek-projek fizikal seperti pembinaan infrastruktur pengairan, program-program (bukan-fizikal), bantuan input pertanian dan pembiayaan kepada kumpulan sasar.

Pada 2021, MAFI telah mencatatkan prestasi perbelanjaan 98.72% atau sebanyak RM1.322 billion dibelanjakan daripada keseluruhan jumlah peruntukan yang diterima.

Peruntukan yang diterima ini telah dimanfaatkan melalui pelaksanaan 447 buah projek yang merentasi pelbagai subsektor termasuk padi dan beras, perikanan, pertanian dan ternakan.

Peningkatan peratus perbelanjaan MAFI pada 2021 ini disumbangkan oleh faktor ekonomi negara yang semakin pulih ekoran beberapa sektor perniagaan kembali beroperasi selepas mengharungi wabak Covid-19 pada 2020 yang turut menjelaskan sektor pertanian negara. Selain itu, ini adalah sejajar dengan situasi semasa negara yang telah memasuki fasa endemik serta matlamat Kementerian yang memberi tumpuan penuh kepada agenda sekuriti makanan negara.

PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN RP1 2021 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)

276 Projek Baharu
171 Projek Sambungan
195 Projek Fizikal
252 Projek Bukan Fizikal



RM1,339,284,700.00
PROJEK 447

PERBELANJAAN :	
RM1,322,157,180.15	PRESTASI PERBELANJAAN <u>98.72%</u>

BAHAGIAN	JABATAN	AGENSI	DJM 2021
RM403.66 Juta	RM163.79 Juta	RM279.64 Juta	RM459 Juta
Perbelanjaan RM392.21 Juta	Perbelanjaan RM158.73 Juta	Perbelanjaan RM33.05 Juta	Perbelanjaan RM458.51 Juta
97.16% 168 Projek	99.87% 138 Projek	100% 88 Projek	99.88% 8 Inisiatif



SEKTOR PEMBANGUNAN



BAHAGIAN PENGAIRAN DAN SALIRAN PERTANIAN

BAHAGIAN PENGAIRAN DAN SALIRAN PERTANIAN (BPSP)

Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP) merupakan sebuah bahagian teknikal di MAFI yang diketuai oleh Pengarah Bahagian berjawatan Jurutera Awam Gred Utama Jusa C. Bahagian ini terdiri daripada 85 orang pegawai, dan 90% daripadanya merupakan pegawai daripada pelbagai skim di bawah klasifikasi perkhidmatan kejuruteraan.

Dengan visi ke arah sektor pertanian yang moden dan berdaya maju dan misi membangunkan infrastruktur dan pengurusan air bagi memartabatkan sektor pertanian, bahagian ini mempunyai empat fungsi iaitu (i) menyediakan dasar kriteria dan piawai bagi pelaksanaan infrastruktur pertanian, (ii) merancang, melaksanakan dan menilai program-program

pembangunan infrastruktur pertanian dan saliran pertanian, (iii) memberi khidmat teknikal kepada jabatan/agensi di bawah kementerian, dan (iv) menyediakan dan membangunkan sistem inventori serta pangkalan data pengairan dan saliran pertanian.

Antara aktiviti utama bahagian ini adalah merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur pengairan dan saliran pertanian, punca air pertanian dan projek-projek teknikal pelbagai agensi di bawah MAFI. Pada tahun 2021, peruntukan BPSP sebanyak RM214 juta telah dibelanjakan, melibatkan pelaksanaan 127 projek. Sebanyak 10 projek telah berjaya disiapkan pada tahun 2021.



Sebelum

Projek menaiktaraf perimeter parit dan ban bagi tebatan banjir di Skim IADA Samarahan, Sarawak



Sebelum



Selepas

Kerja - Kerja Menaiktaraf Infrastruktur Sistem Pengairan dan Saliran di Tali air Tebuk Panchor A serta Kerja -kerja berkaitan di Kompatmen H, Rancangan Pengairan Kerian, Perak Darul Ridzuan.

Bahagian ini juga menyelaras pelaksanaan kerja menaiktaraf dan penyelenggaraan jalan pertanian serta kerja penyelenggaraan dan baikpulih pelbagai infrastruktur pengairan dan saliran pertanian di kawasan jelapang dan di luar kawasan jelapang seluruh Malaysia. Pada tahun 2021, sebanyak RM13juta telah dibelanjakan di bawah program menaiktaraf jalan pertanian di kawasan jelapang dan di luar kawasan jelapang, manakala sebanyak RM20juta telah dibelanjakan di bawah program penyelenggaraan sistem pengairan dan saliran Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan pertanian (O&M).



Sebelum

Selepas

Program Menaiktaraf Jalan Pertanian



Sebelum



Selepas

Program Penyelenggaraan Sistem Pengairan dan Saliran Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan Pertanian (O&M)

SEKTOR PENGURUSAN



BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dikemudi oleh Setiausaha Bahagian, YBrs. Dr. Nor Azlin binti Mohammad Shamsudin. Objektif utama bahagian ini adalah memastikan perancangan dan pembangunan organisasi yang mantap dan efektif, memastikan pengurusan perkhidmatan sumber manusia yang cekap dan berkesan, melahirkan sumber manusia yang berpengetahuan, berkemahiran dan bersikap positif melalui program latihan berkualiti dan memastikan keutuhan organisasi dan sumber manusia yang kompeten, berdisiplin serta bermotivasi. Bahagian ini mempunyai Lima Seksyen dan Satu Unit iaitu Seksyen 1 (Organisasi), Seksyen 2 (Perkhidmatan & Prestasi Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan P&P), Seksyen 3 (Perkhidmatan dan Prestasi Kumpulan Pelaksana), Seksyen 4 (Modal Insan), Seksyen 5 (Pengurusan Psikologi) dan Unit Khidmat Sokongan.

MAJLIS SELUHUR BUDI SETULUS BAKTI

Majlis Seluhur Budi Setulus Bakti telah diadakan pada 11 November 2021 bertempat di Pulse Grande Hotel, Putrajaya. Majlis ini diadakan bagi meraikan pesara yang telah menabur khidmat bakti kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Majlis serba ringkas dan sederhana ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri 2, YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh dan mengikut Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian kesihatan Malaysia (KKM) Bagi tahun 2021, seramai 32 orang pegawai di MAFI telah bersara wajib dan pilihan. Walaubagaimanapun, hanya 10 orang pesara yang dapat hadir di dalam majlis ini berikutankekangan-kekangan penularan Covid19.




PROGRAM RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) MAFI

Meskipun wabak Covid-19 masih wujud dalam negara, namun ianya tidak menghalang sistem penyampaian perkhidmatan AKRAB MAFI kepada warganya. Usaha dan inisiatif terus diambil bagi memastikan warga MAFI terus berada dalam kefungsian optima sama ada aspek minda, emosi dan tingkah laku. Misalnya AKRAB MAFI mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Sesi Bimbining & Bantuan Psikososial: AKRAB Cakna Psikososial Covid 19. Inisiatif ini diwujudkan bagi membantu AKRAB MAFI melaksanakan bantuan segera sama ada berbentuk sesi bimbining atau bantuan psikososial kepada warga yang dijangkiti Covid-19. Sesi bimbining dan bantuan psikososial yang dilaksanakan AKRAB menggunakan peranti media sosial seperti

aplikasi whatsapp, video call, emel, telefon, google meet dan peranti teknologi yang tidak melibatkan pertemuan fizikal.

Beberapa siri kursus AKRAB telah dijalankan sepanjang tahun 2021 yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kompetensi dan kemahiran ahli AKRAB dalam profesion bimbining melalui kursus pensijilan yang profesional. Melalui program-program ini, ahli AKRAB dapat memberi perkhidmatan penyampaian bimbining dengan lebih berkesan serta kesan penyampaian tersebut dapat dirasai oleh warga. Program-program yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH
1.	Kursus Profesional (PROFES) AKRAB - Pensijilan Pengamal Neuro Linguistic Programming (Psikoterapi) (NLP)	9 dan 10 Jun 2021
2.	Kursus Profesional (PROFES) AKRAB - Program Pensijilan Pengamal Art Drawing House Tree Person (AD-HTP)	16 dan 17 Jun 2021
3.	Kursus Profesional (PROFES) AKRAB - Mindfulness Love Therapy (MLT) Siri I	29 dan 30 Julai 2021
4.	Kursus Profesional (PROFES) AKRAB - Kompilasi Bimbining Kes 3.0 Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)	21 September 2021
5.	Program Retreat AKRAB MAFI – Pemantapan Kompetensi AKRAB melalui House Tree Person (HTP)	30 September hingga 1 Oktober 2021
6.	Program TOT Pelan Pembelajaran Kendiri AKRAB – Penerapan Konsep Mindfulness dalam Pembangunan Kendiri AKRAB	20 dan 21 Oktober 2021
7.	Persidangan Psikologi Perkhidmatan Awam Kali ke-25	26 dan 27 Oktober 2021
8.	Seminar AKRAB MAFI 2021	16 November 2021



TABUNG AKRAB MAFI CARE: MENGURANGKAN BEBAN KEWANGAN & KECERIAAN MANGSA BANJIR WARGA MAFI


Inisiatif Tabung AKRAB MAFI CARE dilaksanakan ekoran dari berlakunya kejadian banjir pada awal tahun 2020 di Pahang, Johor, Sabah, Sarawak dan Kelantan. Mangsa-mangsa banjir yang terlibat adalah di kalangan pegawai MAFI di Jabatan/ Agensi. Sehubungan itu, Pengurusan Tertinggi sangat prihatin untuk membantu mengurangkan beban mangsa khususnya beban kewangan dan material di musim pandemik Covid-19. Di atas keprihatinan ini, maka Tabung AKRAB MAFI CARE dilancarkan dan usaha mengumpul sumbangan diedarkan kepada warga. Hasilnya Tabung AKRAB MAFI CARE berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM195,730.57 dan diagihkan kepada 247 orang mangsa banjir warga MAFI.

PROGRAM PEMENTORAN MAFI

Program Pementoran bagi tahun 2021 telah bermula pada 1 Jun 2021 dan berakhir pada 28 Oktober 2021 melibatkan 90 orang peserta, 46 mentor dan 44 menti. Penglibatan peserta adalah di kalangan pegawai lantikan baru dan kenaikan pangkat di bawah Ibu Pejabat MAFI, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Program Pementoran MAFI dijalankan sepenuhnya secara dalam talian sepanjang tahun ini. Program yang

telah dijalankan adalah taklimat pementoran melalui Training of Trainers (TOT), Program Pemantapan dan Majlis Penutup Pementoran. Perjalanan program tidak terjejas walaupun berlangsung dalam musim pandemik. Tambahan pula, dokumentasi pementoran MAFI yang menggunakan medium Google Drive membolehkan semua mentor dan menti mengakses dokumen tidak kira di mana mereka berada. Perhubungan pementoran antara mentor dan menti bukan sahaja berlaku secara bersemuka, tetapi juga melalui teknologi maya (virtual, emel dan telefon).



PROGRAM RELAX AND REFRESH

Pada tahun ini, Program Relax and Refresh anjuran Unit Pengurusan Psikologi telah dikendalikan sebanyak dua (2) program. Program Relax and Refresh bertajuk "BDR vs PDPR: Mak Jadi Hijau?" telah dijalankan pada 13 Ogos 2021 secara dalam talian. Program ini bertujuan bagi mengenalpasti cabaran dalam berdepan dengan komitmen bekerja dari rumah dan menguruskan pengajaran dan pembelajaran anak-anak di rumah dalam tempoh pandemik. Selain dapat mengenalpasti strategi yang boleh dilakukan bagi mengurus emosi dan psikologi yang lebih efektif dan membuka minda

dan membina ketahanan mental untuk keseimbangan kerjaya dan kehidupan (work-life-balance). Manakala Program Relax and Refresh yang kedua bertajuk "Wanita: Makhluk Aneh di Bumi?" dijalankan pada 26 Oktober 2021. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada warga MAFI mengenai keunikian dan kehebatan seorang wanita, selain dapat mengenalpasti kepelbagaiannya emosi wanita dalam kehidupan seharian dan untuk memberi motivasi kepada peserta wanita yang berdepan dengan pelbagai cabaran untuk mengimbangi kerjaya dan keluarga.



SEKTOR PENGURUSAN




BAHAGIAN KEWANGAN

PENGENALAN

Bahagian Kewangan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mempunyai hala tuju dan visi iaitu menjadi sebuah Bahagian yang unggul, berintegriti, berwibawa dan mempunyai akauntabiliti dalam memberi perkhidmatan pengurusan kewangan. Bahagian Kewangan terdiri dari tiga (3) Seksyen iaitu Seksyen Kewangan, Seksyen Belanjawan, Seksyen Perolehan dan Aset dan satu (1) Unit Khidmat Sokongan yang memainkan peranan dalam memastikan objektif dan fungsi bahagian dapat dilaksanakan sebaiknya.

KURSUS PEMANTAPAN PEROLEHAN SIRI II TAHUN 2021

Kursus Pemantapan Perolehan Siri II Tahun 2021 telah diadakan pada 22/10/2021 hingga 24/10/2021 bertempat di UTM Hotel & Residence, Kuala Lumpur yang telah dihadiri seramai 40 peserta.



KURSUS PENGURUSAN AKUAN BELUM TERIMA (ABT) GARIS PANDUAN PENUBUHAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN.

Kursus Pengurusan Akuan Belum Terima (ABT) Garis Panduan Penubuhan Jawatankuasa Siasatan Dalaman telah diadakan pada 28 hingga 30 Oktober 2021 bertempat di Hotel Melia, Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Kursus ini dihadiri oleh 40 orang peserta yang melibatkan semua bahagian di MAFI.



SEKTOR PENGURUSAN



BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

LATAR BELAKANG

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) berfungsi dalam menerajui perancangan dan pengurusan ICT yang berkualiti, selamat dan efisyen serta membudayakan penggunaan ICT kepada warga Kementerian.

VISI : Menjadi Peneraju dalam Menyediakan Perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi di Kementerian


MISI : Menyediakan Perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang Berkualiti

PENGURUSAN PROJEK ICT

Selaras dengan pelancaran MyDigital dan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia, pelbagai projek ICT telah dilaksanakan bagi menyahut seruan ke arah pendigitalan Kerajaan. Berperanan sebagai urus setia, Bahagian ini telah melaksanakan sebanyak empat (4) kali Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) MAFI secara dalam talian sepanjang tahun 2021 dengan meluluskan sebanyak 24 projek ICT bernilai RM 39,118,319.00.

Bil. Mesyuarat	Tarikh	Jumlah Projek	Jumlah Anggaran Kos
1	22 Feb 2021	24	RM 39,118,319.00
2	3 Mei 2021		
3	20 Ogos 2021		
4	7 Dis 2021		

Selaras dengan pelancaran MyDigital dan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia, pelbagai projek ICT telah dilaksanakan bagi menyahut seruan ke arah pendigitalan Kerajaan. Berperanan sebagai urus setia, Bahagian ini telah melaksanakan sebanyak empat (4) kali Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) MAFI secara dalam talian sepanjang tahun 2021 dengan meluluskan sebanyak 24 projek ICT bernilai RM 39,118,319.00.





PEMBANGUNAN SISTEM AGRICULTURAL COUNSELLOR OFFICE MANAGEMENT SYSTEM (ACOMS)

Sistem ACOMS ini dibangunkan secara in-house pada tahun 2020 dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan Laravel 7. Sistem ini berfungsi bagi merekod dan menguruskan maklumat yang berkaitan dengan fungsi Pejabat Perwakilan Pertanian (PPP) yang bertanggungjawab dalam hal – hal berkaitan diplomasi pertanian seperti risikan pasaran dan networking dengan prospek pengimport dan pengeksport.

Sistem ini mengandungi dua (2) modul utama iaitu Modul Trade Facilitation dan Modul Utiliti Sistem. Pengguna utama sistem ini adalah pegawai PPP di bawah Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (BDI) MAFI. Sistem ini mula digunakan pada Ogos 2021 dan boleh dicapai melalui url <https://acoms.mafi.gov.my>.

The screenshot displays the ACOMS system across four main sections:

- Login Page:** Shows fields for 'E-mel' (Email) and 'Kata Laluan' (Password), along with a 'Forgot Password?' link and a 'Log Masuk' (Log In) button.
- Dashboard:** Features a sidebar with navigation links like 'Trade Facilitation', 'Direktor Perhubungan', 'Akses Pasaran', 'Risikan Pasaran', and 'Utiliti Sistem'. The main area shows a summary of prospects: Prospek Pengimport (1), Prospek Pengeksport (0), Akses Pasaran (0), and Produk Rundingan (0). Below this is a line chart titled 'ROI Jualan bagi Tahun 2022' showing revenue performance over time.
- Product Catalog:** A table titled 'Senarai Produk SKU' (List of Product SKU) showing three entries:

No	Nama Syarikat	Kategori	Kategori Produk	Produk SKU	Jenama	Tarikh Dipamerkan	Status Di Pasar	Tindakan
1	SD Impex SDN BHD	2100	Food preparation not elsewhere specified or included	CARII NOODLE	MY KITCHEN	September 2020	Aktif	Edit
2	SD Impex SDN BHD	2100	Food preparation not elsewhere specified or included	CURRY NOODLE	MY KITCHEN		Aktif	Edit
3	SD Impex SDN BHD	2100	Food preparation not elsewhere specified or included	LAKSA SAMBAL	MY KITCHEN		Aktif	Edit
- Search Bar:** Located at the bottom left, with placeholder text 'Perfekt! Untuk temui Produk SKU, Aka pasti Nama Syarikat Pengeluar'.

PEMBANGUNAN DISASTER RECOVERY CENTER (DRC)

Bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan dalam talian, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan antaranya pembangunan Disaster Recovery Center (DRC). Ia menyediakan kemudahan satu set sistem di luar bangunan MAFI iaitu di Pusat Data Sektor Awam (PDSA) dengan tujuan sebagai backup sekiranya berlaku kegagalan fungsi sistem-sistem sedia ada di Pusat Data MAFI.

Di samping itu, projek ini melibatkan naik taraf perkakasan Pusat Data sedia ada iaitu menggunakan infrastruktur Hyperconverged (HCI) iaitu infrastruktur berdasarkan perisian (software-defined) yang mana iaanya mengintegrasikan elemen komputasi, storan, rangkaian dan virtualisation dalam satu sistem bagi tadbir urus yang lebih efisyen.



PEMANTAPAN INFRASTRUKTUR BAGI PELAKSANAAN PROGRAM SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

Sebagai bahagian yang bertanggungjawab dalam memastikan pembudayaan norma kerja baharu seperti mesyuarat secara dalam talian, webinar dan bekerja dari rumah berjalan lancar, pelbagai usaha telah dilaksanakan antaranya melengkapkan bilik-bilik mesyuarat utama dengan peralatan telesidang seperti kamera, mikrofon, pembesar suara dan TV. Di samping itu juga, kelengkapan telesidang secara pool turut disediakan bagi menampung keperluan di lokasi lain.

Selain itu, keperluan perisian bagi menyokong aktiviti dalam talian seperti Microsoft Teams telah dilanggan dan kemudahan Virtual Private Network (VPN) turut disediakan. Pegawai-pegawai BPM juga sentiasa bersedia daripada segi pengetahuan dan kemahiran dalam memberi bantuan khidmat sokongan teknikal.





SEKTOR PENGURUSAN



BAHAGIAN PENTADBIRAN

PENGENALAN

Bahagian Pentadbiran berfungsi untuk memberi khidmat sokongan dari segi pengurusan pentadbiran kepada Bahagian/Jabatan/Agensi dalam usaha untuk mencapai objektif Kementerian.

SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015

Warga Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bertekad dan berlitzam mentransformasikan industri pertanian negara berdaya saing sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara serta perundungan yang termaktub. Kami juga komited untuk membuat penambahbaikan yang berterusan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti dan menilai semula semua objektif kualiti yang ditetapkan bagi memenuhi kepuasan pelanggan, stake holders dan pihak-pihak yang berkepentingan ke arah memajukan sektor pertanian negara.

PENSIJILAN MS ISO 9001:2015

Pensijilan MS ISO 9001:2015 MAFI yang terkini adalah pensijilan untuk tempoh tiga (3) tahun mulai 15 September 2020 sehingga 14 September 2023. Skop Pensijilan MS ISO 9001:2015 di MAFI adalah seperti berikut:

- i. Pengurusan Nota Jemaah Menteri;
- ii. Pengurusan Perlesanan Padi dan Beras (Permohonan Baru dan Pembaharuan Lesen Runcit, Borong, Import, Eksport, Membeli Padi, Kilang Padi (Komersial);
- iii. Pengurusan Modul Latihan Kemahiran Pertanian;

- iv. Pengurusan Insentif Dalam Sektor Agromakanan;
- v. Pengurusan Pentadbiran Kontrak Pembinaan;
- vi. Peruntukan Projek di bawah Program Mekanisasi dan Automasi Agromakanan; dan
- vii. Pemantauan Pelaksanaan Projek Pembangunan

Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM yang perlu diadakan setiap tahun sebelum pensijilan semula tidak dapat diadakan pada tahun 2021 berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan dalam negara akibat pandemik COVID-19.

SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA PERINGKAT MAFI TAHUN 2021



Rajah 1: Laman Merdeka MAFI



Rajah 2: Penyerahan Bendera Jalur Gemilang oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI

Bagi menyemarakkan sambutan bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia tahun 2021, MAFI telah mengadakan Majlis Penyerahan Jalur Gemilang kepada wakil Jabatan/Bahagian yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI pada 19 Ogos 2021 bertempat di sekitar Lobi Blok 4G1 Wisma Tani (Laman Merdeka MAFI).

100 HARI ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA (AKM)

Program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia telah diadakan pada 9 hingga 12 Disember 2021 bertempat di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC). MAFI telah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai Jawatankuasa Majlis Perasmian 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia (100 Hari AKM). Majlis Perasmian 100 Hari AKM telah diadakan pada 9 Disember 2021 yang dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia Ke-9.



Rajah 3: Lawatan ke Booth Kementerian



Rajah 4: Majlis Perasmian 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia

HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN (HPPNK) TAHUN 2021

Hari Peladang, Pernak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) merupakan program dwitahunan anjuran MAFI sebagai penghargaan kerajaan kepada para peladang, penternak dan nelayan yang sentiasa komited dalam memastikan industri makanan negara sentiasa terjamin. HPPNK juga diadakan sebagai salah satu platform kepada golongan ini untuk bertukar pendapat serta berkongsi pengalaman dalam bidang yang diceburi. Walau bagaimanapun, pelaksanaan HPPNK pada tahun 2021 yang telah dijadualkan pada 21 hingga

23 Disember 2021 bertempat di World Trade Centre Kuala Lumpur (WTC KL) telah ditangguhkan berikutan bencana banjir yang telah melanda kebanyakan kawasan di seluruh negara. Keputusan penangguhan diambil sebagai satu pendekatan Kementerian dalam usaha dan misi untuk memberikan bantuan kepada golongan sasar yang terdiri daripada golongan petani, penternak dan nelayan serta mangsa yang terjejas ekoran bencana ini.





SEKTOR PENGURUSAN



BAHAGIAN AKAUN

PENGENALAN

Bahagian Akaun adalah Pejabat Perakaunan kepada MAFI, Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Perikanan (DOF) serta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Di samping itu juga, Bahagian Akaun berperanan sebagai pusat maklumat serta pusat khidmat nasihat perakaunan dan kewangan kepada pengurusan atasan dan juga Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Bahagian Akaun juga bertindak sebagai pelaksana dan pemantau pelaksanaan Sistem Perakaunan Akruan iaitu *Integrated Goverment Financial Management and Accounting System* (iGFMAS) dan pelaksanaan Perakaunan Pengurusan.

Fungsi utama Bahagian Akaun meliputi urusan pembayaran emolumen, bil dan tuntutan, menyelaraskan akaun bayaran, terimaan serta aset untuk Kementerian dan Jabatan di bawah kawalan MAFI.

Tahun 2021 merupakan tahun kedua Malaysia berhadapan dengan pandemik COVID-19. Walaupun terdapat kekangan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pelaksanaan aktiviti atau program yang dirancang oleh Bahagian Akaun masih dilaksanakan mengikut sasaran (KPI) serta SOP yang ditetapkan oleh kerajaan.



PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN KEMENTERIAN

Selaras dengan Pekelingiling Perbendaharaan PS 1.2 Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan, Bahagian Akaun adalah bahagian yang bertanggungjawab bagi penyediaan Penyata Kewangan Kementerian. Penyata Kewangan ini menunjukkan kedudukan kewangan, prestasi hasil dan belanja Kementerian serta kedudukan Akaun Amanah Awam yang diuruskan oleh Kementerian. Persembahan Penyata Kewangan Kementerian adalah selaras dengan kehendak Piawaian Perakaunan Sektor Awam

Antarabangsa dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia.

Penyata Kewangan Tahun 2021 disediakan secara bulanan dan dikemukakan kepada KSU dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan oleh JANM. Seterusnya Penyata Kewangan ini dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara Malaysia bagi tujuan pgauditian.

PELAKSANAAN SISTEM INTEGRATED AUDIT REPORT AND FEEDBACK MANAGEMENT (iAREF)

Sistem iAREF adalah merupakan satu sistem bersepada yang digunakan oleh Bahagian JANM, Pejabat Perakaunan, Pejabat Pemungut dan PTJ dalam melaksanakan penilaian kendiri (Self Assessment Audit), pengauditan, naziran, maklum balas dan pelaporan. Sistem ini dapat memantau pengurusan Dokumen Akaun Terimaan (DAT) dan Kertas Kerja Sokongan (KKS) secara dalam talian.

Selain itu, pengguna iAREF dapat memantau maklum balas, pelaporan, dashboard pengauditan dan naziran secara *real time*. Sistem iAREF telah dilaksanakan

semasa penyediaan dan penghantaran KKS Penyata Kewangan JANM bagi penghantaran KKS Akruan Akhir Tahun Disember 2021. Dokumen KKS telah dikemukakan oleh PTJ kepada Pejabat Perakaunan dan seterusnya kepada Bahagian Akaun Kementerian. Semua dokumen KKS akan disahkan oleh Bahagian Akaun Kementerian sebelum dikemukakan kepada JANM secara atas talian. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebahagian dokumen KKS yang dikemukakan secara manual. Sistem ini akan ditambahbaik bagi memastikan kesemua dokumen KKS dapat dikemukakan secara atas talian.

PENGANJURAN KURSUS

Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh Bahagian Akaun adalah menganjurkan kursus/ latihan kepada warga kerja termasuk di bawah seliaan MAFI. Pada 31 Mac 2021 Kursus Kesedaran Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan telah dilaksanakan secara bersemuka di Dewan Serbaguna, MAFI dengan penglibatan seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada Pejabat Perakaunan MAFI. Kursus ini telah disampaikan oleh pegawai daripada Jabatan Arkib Negara Malaysia serta Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD). Objektif kursus ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta berkaitan pengurusan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan yang melibatkan tempoh simpanan, tatacara pemusnahan serta penentusan pemusnahan rekod awam.

Pengurusan dan perakaunan aset menjadi salah satu komponen penting Kementerian bagi memastikan perolehan aset Kementerian adalah selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa dan direkod, dilapor serta diakaunkan dengan tepat. Justeru itu, Bahagian Akaun telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kursus khusus berkaitan aset bagi memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pegawai aset dan juga pegawai kewangan di MAFI. Dua (2) program khusus berkaitan aset telah dianjurkan oleh Bahagian Akaun dalam tahun 2021 iaitu:

- i. 6 dan 7 Mei 2021, Bahagian Akaun telah mengadakan Kursus Perakaunan vs Pengurusan Aset yang disampaikan oleh pegawai dari Institut Perakaunan Negara (IPN), Jabatan Akauntan



PELAKSANAAN NAZIRAN

Bahagian Akaun juga bertanggungjawab dalam memantau pengurusan kewangan PTJ terutama pematuhan terhadap polisi/ pekeliling/ peraturan akruan yang berkuat kuasa. Sepanjang tahun 2021, Bahagian Akaun telah melaksanakan Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan bagi skop pengurusan aset dan belanja di 15 daripada 38 PTJ di bawah MAFI.

Objektif naziran adalah untuk mengenalpasti isu dan masalah yang berlaku setelah PTJ melaksanakan proses pengiktirafan aset mengikut Perakaunan Akruan mulai tahun 2018 serta memastikan PTJ mengambil tindakan penambahbaikan sewajarnya ke atas setiap penemuan dan teguran yang telah dikenalpasti oleh pasukan naziran. Selain itu, pasukan naziran juga bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada PTJ bagi memastikan proses bayaran dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa.

Negara Malaysia bagi memantapkan pengetahuan serta kemahiran pegawai perakaunan dan kewangan di semua peringkat mengenai peraturan kewangan berkaitan pengurusan aset dan perakaunan aset. Kursus ini telah berjaya diadakan secara dalam talian dengan penglibatan seramai 350 peserta daripada warga kerja MAFI.

- ii. 20 dan 21 September 2021 Kursus Penyelarasan Data Perakaunan Aset iGFMAS dan Pengurusan Aset diadakan secara bersemuka di Bilik Kontigensi, Bahagian Akaun dengan kehadiran seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada PTJ di bawah seliaan Pejabat Perakaunan MAFI yang di sampaikan oleh pegawai dari Unit Perakaunan Aset dan Inventori, Bahagian Akaun bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai aset berkaitan kepentingan penyesuaian aset alih di antara sistem iGFMAS dan SPPA serta pelaporan Perakaunan Aset di Sistem iGFMAS.

Bahagian Akaun adalah bertanggungjawab dalam pengurusan pembayaran gaji bagi 21 Pusat Pembayar. Justeru, bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berhubung pengurusan gaji, fungsi sistem iGFMAS serta peraturan berkuat kuasa berkaitan gaji, Kursus Refresher iGFMAS: Modul Pengurusan Emolumen telah dianjurkan oleh Bahagian Akaun secara bersemuka pada 25 dan 26 Oktober 2021 melibatkan 30 orang peserta yang terdiri daripada PTJ di bawah seliaan Pejabat Perakaunan MAFI.

Secara keseluruhannya, didapati sebanyak sembilan (9) PTJ berprestasi 'Baik' manakala enam (6) PTJ menunjukkan prestasi 'Sederhana'. Bagi menambahbaik proses kerja kewangan dan perakaunan, antara langkah-langkah yang telah disyorkan untuk diambil perhatian sewajarnya oleh PTJ adalah:

- meningkatkan jaringan hubungan antara PTJ dan Pejabat Perakaunan supaya segala permasalahan yang timbul dapat diselesaikan lebih awal;
- meningkatkan tahap kawalan dalaman secara berterusan bagi memastikan pegawai dan kakitangan sentiasa mematuhi dan melaksanakan prosedur kewangan dengan betul;
- sentiasa memberi perhatian terhadap peraturan-peraturan kewangan yang berkuat kuasa; dan
- mengadakan kursus/ memberi latihan yang sewajarnya kepada semua pegawai kewangan berikut dengan pelaksanaan Perakaunan Akruan oleh Kerajaan.

PELAKSANAAN MYCOST

Perakaunan Pengurusan dan Pelaporan Strategik atau dikenali sebagai *Strategic Management Accounting and Reporting* (SMART) diperkenalkan selaras Pekeliling Perbendaharaan PS 1.3 - Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan. Terdapat empat (4) elemen teras di dalam Perakaunan Pengurusan iaitu Analisis Penyata Kewangan dan Penilaian Risiko, Pengekosan, Analisis Sumber serta Pengukuran Prestasi. JANM menetapkan tempoh peralihan SMART bermula 1 April 2020 sehingga 31 Disember 2022 dan pelaksanaan sepenuhnya adalah pada Januari 2023.

Pengekosan adalah salah satu elemen SMART yang merupakan teknik untuk mengenal pasti secara terperinci jumlah kos yang terlibat dalam menghasilkan bekalan/ perkhidmatan. Ia bertujuan mengenal pasti dan menentukan kos akhir setiap output dan keberhasilan program untuk membantu Kementerian/ PTJ membuat keputusan secara efektif. Bagi melaksanakan pengekosan salah satu sumber data kewangan yang boleh diperolehi adalah daripada Sistem MyCost yang terdiri daripada dua (2) sub-modul *Outcome Based Costing* (OBC) dan *PTJ Based Costing* (PBC).

OBC digunakan oleh Kementerian bagi menjelaskan hubungan antara output dan keberhasilan untuk mengukur keberkesanan polisi, operasi dan kos. Manakala, PBC digunakan oleh PTJ menjelaskan hubungan di antara input dan output untuk mengukur kecekapan operasi dan kecekapan kos bagi memantapkan proses pembuatan keputusan di PTJ.

Bagi memastikan pelaksanaan SMART selari dengan aspirasi JANM, Bahagian Akaun telah mengambil inisiatif merangka pelaksanaan PBC secara berperingkat. Pada tahun 2021, Bahagian Akaun dipilih sebagai PTJ rintis bagi pelaksanaan PBC.

Seterusnya, laporan yang dijana oleh Sistem MyCost dapat membantu pihak pengurusan atasan membuat keputusan terutama dalam mengenalpasti kos per unit output yang efektif dengan menggunakan sumber secara optimum.





UNIT DIBAWAH KETUA SETIA



PEJABAT PENASIHAT UNDANG – UNDANG

AUSAHA

PENGENALAN

Pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (“PPUU MAFI”) merupakan bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk memberi perkhidmatan perundangan yang profesional dan cekap kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (“MAFI”) dan agensi-agensi di bawahnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal (2) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan. Semua Pegawai undang-undang yang ditempatkan di MAFI oleh Jabatan Peguam Negara bertugas sama ada sebagai Peguam Persekutuan atau Peguam Kanan Persekutuan atau Timbalan Pendakwa Raya dan tertakluk kepada semua Arahan Peguam Negara, Arahan Pendakwa Raya dan apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara dari semasa ke semasa. PPUU MAFI antara lainnya berperanan untuk:

- i. Memberi pandangan/nasihat perundangan secara bertulis atau lisan sesuai dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain ke atas isu undang-undang yang berbangkit di MAFI dan agensi-agensi di bawahnya;
- ii. Mendraf atau menyemak dokumen undang-undang seperti notis perundangan, perjanjian, memorandum persefahaman atau apa-apa dokumen perundangan lain yang melibatkan MAFI dan Kerajaan bagi memastikan kepentingan MAFI dan Kerajaan adalah dilindungi;
- iii. Memberi nasihat perundangan kepada MAFI mengenai perkara yang dikawal selia atau hendak

dikawal selia dan seterusnya menyediakan draft rang undang-undang mengenai perkara tersebut, jika perlu, untuk mencerminkan keputusan dasar yang dibuat oleh Kerajaan sebelum dikemukakan kepada Penggubal Undang-Undang Parlimen Jabatan Peguam Negara untuk kelulusan;

- iv. Menyediakan draft pertama ulasan bagi pihak Jabatan Peguam Negara ke atas Memorandum Jemaah Menteri yang diedarkan oleh MAFI;
- v. Menjalankan pendakwaan dan perbicaraan kes-kes jenayah bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta-akta yang dikawal selia oleh MAFI;
- vi. Mengambil tindakan guaman di mahkamah bagi pihak MAFI apabila diarahkan dan membantu membela MAFI dalam tindakan guaman yang diambil terhadapnya;
- vii. Membantu mentafsir undang-undang apabila dikehendaki oleh MAFI;
- viii. Menjalankan penyelidikan atau kajian perundangan apabila dikehendaki oleh MAFI;
- ix. Menghadiri mesyuarat atas jemputan MAFI atau agensi-agensi dibawahnya dan memberi nasihat perundangan mengenai perkara yang dibincangkan bagi memastikan apa-apa keputusan dasar yang dibuat adalah menurut undang-undang; dan
- x. Menyertai sesi perkongsian ilmu atau latihan dengan menawarkan kepakaran dari aspek perundangan kepada MAFI dan agensi-agensi dibawahnya.

NASIHAT DAN PANDANGAN UNDANG-UNDANG

Antara peranan utama PPUU MAFI adalah memberi khidmat nasihat dan pandangan undang-undang sama ada secara bertulis atau lisan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan peruntukan undang-undang lain berhubung isu undang-undang yang berbangkit seperti draft rang undang-undang, perjanjian, memorandum persefahaman, memorandum Jemaah Menteri, tafsiran perundangan atau apa-apa isu perundangan yang melibatkan MAFI serta agensi-agensi di bawahnya.

MENGENDALIKAN PROSIDING LITIGASI DI MAHKAMAH

PPUU MAFI terlibat dalam membantu MAFI dan agensi-agensi di bawahnya untuk mengendalikan prosiding litigasi di mahkamah seperti berikut:

- i. mengambil tindakan guaman di mahkamah bagi pihak MAFI dan agensi-agensi di bawahnya;
- ii. mewakili MAFI dan agensi-agensi di bawahnya dalam tindakan guaman yang dimulakan terhadapnya; dan
- iii. menjalankan pendakwaan dan perbicaraan kes-kes jenayah bagi kesalahan-kesalahan di bawah perundangan yang dikawal selia oleh MAFI serta agensi-agensi di bawahnya.

Pengendalian prosiding litigasi merangkumi penyediaan dan pemfailan kertas kausa di mahkamah (cth: pernyataan tuntutan, pembelaan, afidavit, notis permohonan, hujahan bertulis, ikatan autoriti dan

pernyataan saksi), menghadiri pengurusan dan perbicaraan kes di mahkamah serta kajian perundangan yang mendalam berhubung kes tersebut.

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 139 pandangan dan nasihat perundangan bertulis telah dikeluarkan oleh PPUU MAFI dan dalam masa yang sama sebanyak 375 mesyuarat telah dihadiri yang memerlukan PPUU MAFI bagi memberikan nasihat dan pandangan perundangan ke atas pelbagai isu di MAFI dan agensi-agensi di bawahnya.

pernyataan saksi), menghadiri pengurusan dan perbicaraan kes di mahkamah serta kajian perundangan yang mendalam berhubung kes tersebut.

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 10 prosiding litigasi melibatkan MAFI dan agensi-agensi di bawahnya telah dimulakan di Mahkamah. Daripada jumlah ini, 6 prosiding adalah dalam tindakan Jabatan Peguam Negara yang dibantu oleh PPUU MAFI manakala 4 prosiding adalah dalam tindakan PPUU MAFI. Daripada 4 prosiding tersebut, hanya 1 prosiding yang masih belum selesai manakala 3 prosiding lagi telah selesai. PPUU MAFI telah berjaya mendapatkan keputusan yang memihak kepada Kerajaan Malaysia yang mana masing-masing merupakan kes jenayah dan tindakan sivil dalam 2 prosiding tersebut.

PENGGUBALAN DAN PENYEMAKAN RANG UNDANG-UNDANG DAN PERUNDANGAN SUBSIDIARI

PPUU MAFI turut berperanan menggubal dan menyemak draf rang undang-undang dan perundangan subsidiari seperti peraturan, perintah, kaedah dan pemberitahuan di bawah akta-akta yang dikawal selia oleh MAFI dan agensi-agensi di bawahnya.

Dalam proses penggubalan dan penyemakan rang undang-undang, PPUU MAFI akan memberi nasihat perundangan mengenai perkara yang dikawal selia atau hendak dikawal selia dan seterusnya menggubal atau menyemak draf rang undang-undang mengenai perkara tersebut untuk mencerminkan keputusan dasar yang dibuat oleh MAFI sebelum dikemukakan kepada Penggubal Undang-Undang Parliment Jabatan Peguam Negara untuk kelulusan dan seterusnya untuk dibentangkan dan diluluskan di Parliment.

PENGGUBALAN DAN PENYEMAKAN DOKUMEN PERUNDANGAN



PPUU MAFI juga berperanan untuk meneliti, menyemak dan menyediakan draf perjanjian dan memorandum persefahaman yang melibatkan MAFI dan agensi-agensi di bawahnya sebagaimana yang dinyatakan di bawah perenggan 204 Arahan Perbendaharaan.




STATISTIK TAHUNAN AKTIVITI PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG, KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) TAHUN 2021

Ulasan Undang-Undang		Warta/ Akta/ Subsid	Pendakwaan	Sivil	Kontrak/ MOU/ Tatatertib	Mesyuarat/ Taklimat/ Bincang/Lain-lain	JUMLAH KESELURUHAN
SUKU TAHUN PERTAMA (JANUARI 2021 - MAC 2021)	34	6	1	3	34	114	192
SUKU TAHUN KEDUA (APRIL 2021 - JUN 2021)	46	91	0	1	77	79	294
SUKU TAHUN KETIGA (JULAI 2021 - SEPTEMBER 2021)	39	3	1	1	48	72	164
SUKU TAHUN KEEMPAT (OKTOBER 2021 - DISEMBER 2021)	20	31	0	3	39	110	203
JUMLAH	139	131	2	8	198	375	853

Manakala, bagi proses penggubalan dan penyemakan perundangan subsidiari, PPUU MAFI akan menggubal dan menyemak draf perundangan subsidiari yang diterima daripada MAFI dan agensi-agensi di bawahnya sebelum dikemukakan kepada Penggubal Undang-Undang Parliment Jabatan Peguam Negara untuk kelulusan dan pewartaan.

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 131 perundangan (rang undang-undang dan perundangan subsidiari) di bawah MAFI dan agensi-agensi di bawahnya telah digubal dan disemak oleh PPUU MAFI.





UNIT DIBAWAH KETUA SETIA



UNIT AUDIT DALAM

AUSAHA

PENUBUHAN

Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian Pertanian dan Industri makanan (MAFI) telah ditubuhkan pada tahun 1982. Peranan dan tanggungjawab UAD MAFI adalah selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 – Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. UAD merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman Kementerian dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian.

TANGGUNGJAWAB UAD

Tanggungjawab

UAD Bertanggungjawab membantu pihak pengurusan MAFI mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematis dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanannya semua proses kawalan dan tadbir urus berdasarkan Objektif, Misi dan Visi yang ditetapkan



Objektif

Membantu organisasi mencapai matlamat melalui pendekatan yang sistematis dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanannya semua proses kawalan dan tadbir urus

Visi

Menjadikan UAD sebagai Unit yang cekap dan berusaha secara berterusan ke arah kecemerlangan bagi mencapai objektif

Misi

Meningkatkan produktiviti melalui penghasilan kerja yang berkualiti tinggi, cepat dan tepat.

RANCANGAN AUDIT TAHUN 2021

Penyediaan Rancangan Audit Tahun 2021 adalah selaras dengan perkembangan terkini dalam perkhidmatan awam yang menekankan konsep integriti dan akauntabiliti, perbelanjaan secara berhemah serta ketelusan dalam pengurusan wang awam. Pemilihan tajuk pengauditan dibuat berdasarkan perkara berikut:

Pemilihan PTJ yang belum pernah di Audit

- ✓ Melebihi 5 tahun sama ada di UAD atau Jabatan Audit Negara

Pemilihan Tajuk Kajian Prestasi

- ✓ Fokus kepada projek yang melibatkan golongan sasaran iaitu petani, penternak dan nelayan serta dijangka mempunyai masalah di peringkat pelaksanaan

Saiz PTJ

- ✓ Berdasarkan jumlah peruntukan dan komponen pengurusan kewangan
- ✓ PTJ Negeri yang menerima peruntukan Persekutuan

Peranan UAD

- ✓ Pengesahan Data Baki Awal asset dan liabiliti untuk tujuan perakaunan akruan

Pemilihan Tajuk Pengauditan Perolehan/Khas



- ✓ Dipilih berdasarkan projek yang material/signifikan peruntukannya
- ✓ Mempunyai isu dalam pelaksanaannya
- ✓ Arahan Pengurusan Tertinggi

RAT 2021 telah diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian pada 27 Januari 2021 dan dikemukakan kepada Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKS) pada 27 Januari 2021. Sebanyak 36 program audit telah dirancang untuk pengauditan bagi tahun 2021 meliputi Kementerian dan Jabatan/Agenzi di bawah Kementerian. Bagaimanapun RAT 2021 tersebut perlu dipinda atas sebab-sebab berikut:

- Pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memaksa perubahan dilakukan terhadap metodologi

pengauditan. Pengauditan secara fizikal di pejabat auditi dan di lapangan tidak dapat dijalankan seperti amalan biasa. Oleh itu, kaedah audit secara hibrid (remote dan fizikal) telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021 menyebabkan tempoh pengauditan sesuatu aktiviti mengambil masa yang lebih panjang daripada biasa.

- Amalan norma baharu seperti Bekerja Dari Rumah (BDR) dan keperluan menjalani tempoh kuarantin juga menyebabkan jadual pengauditan perlu ditangguh/dipinda mengikut kesediaan auditi menerima kehadiran pasukan Audit. Tempoh untuk

menyediakan dokumen/maklumat untuk semakan audit juga menjadi lebih panjang menyebabkan tempoh pengauditan menjadi lebih lama.

- Tempoh pengauditan bagi sesuatu tajuk yang lebih panjang daripada amalan biasa menyebabkan beberapa tajuk yang telah dirancang tidak dapat dijalankan dalam tahun 2021 dan perlu digugurkan. Tajuk ini akan dipertimbangkan semula pelaksanaannya pada tahun hadapan mengikut kesesuaian dan kriteria pemilihan tajuk audit.
- Kekosongan jawatan Juruaudit (2 jawatan) dan Penolong Juruaudit (2 jawatan) akibat kenaikan pangkat/bertukar keluar untuk tempoh yang panjang menyebabkan pelaksanaan audit terjejas dan memerlukan penyusunan semula keahlian pasukan audit dan agihan bilangan tugas pengauditan.

Sehubungan itu, RAT 2021 ini telah dipinda dengan mengambil kira kekangan tersebut dan diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian pada 29 September 2021. Kajian semula ini menyebabkan perubahan atau penggantian program audit supaya hasil pengauditan memberi hasil dan impak yang lebih baik kepada Kementerian di mana sebanyak 26 program audit telah diluluskan selepas pindaan. Butiran lanjut seperti dalam jadual berikut:

SASARAN KERJA PROGRAM AUDIT TAHUN 2021

JENIS PENG AUDITAN	KEMENTERIAN	JABATAN PERTANIAN	JABATAN VETERINAR	JABATAN PERIKANAN	MAQIS	AGENSI	JUMLAH
Pengurusan Kewangan	1	1					2
Pengauditan Perolehan	2			1		1	4
Pengauditan ICT		1					1
Pengauditan Khas	1	1	1	1			4
Penampilan Audit		2	2	2			6
Pengauditan Emolumen				1	1		2
Pengesahan Baki Awal Aset dan Liabiliti (Akruan)	1	1	1	1	1		5
Siasatan	2						2
JUMLAH	7	6	4	6	2	1	26

Nota: *selepas pindaan

PENCAPAIAN SASARAN KERJA

Setakat 31 Disember 2021, pengauditan yang dilaksanakan secara keseluruhan bagi tahun 2021 (selepas pindaan) adalah sebanyak 26 program audit.

PENCAPAIAN AUDIT TAHUN 2021

JENIS PENG AUDITAN	SASARAN	PENCAPAIAN	PENCAPAIAN (%)	BEZA
Pengurusan Kewangan	2	2	100	-
Pengauditan Perolehan	4	4	100	-
Pengauditan ICT	1	1	100	-
Pengauditan Khas	4	4	100	-
Penampilan Audit	6	6	100	-
Pengauditan Emolumen	2	2	100	-
Pengesahan Baki Awal Aset dan Liabiliti (Akruan)	5	5	100	-
Siasatan	2	2	100	-
JUMLAH	26	26	100	-

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1, tanggungjawab Unit Audit Dalam adalah untuk menjalankan audit pengurusan kewangan yang merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan. Pengauditan pengurusan kewangan dijalankan adalah bagi memastikan:

- Wujudnya kawalan dalaman yang mencukupi dan berkesan terhadap sistem dan prosedur organisasi.
- Undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat

kuasa dipatuhi.

- Wujud struktur dan sistem pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan.
- Rekod kewangan dan perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- Pada tahun 2021, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di peringkat Jabatan melibatkan dua (2) PTJ seperti berikut:
- Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Kompleks Pertanian
- Taman Botani Negara, Shah Alam

PENGAUDITAN PEROLEHAN

Perolehan kerajaan adalah proses membeli atau memperoleh bekalan, perkhidmatan dan kerja dengan membelanjakan wang awam mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Pengurusan perolehan yang baik bertujuan untuk memastikan perolehan dilaksanakan dengan cekap, mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Selain itu, pengurusan perolehan juga dilaksanakan mengikut amalan tadbir urus yang baik dengan

mematuhi prinsip-prinsip perolehan iaitu akauntabiliti awam diuruskan secara telus, memberi nilai faedah yang terbaik serta dibuat dengan saingen terbuka, adil dan saksama. Pengauditan pengurusan perolehan membolehkan UAD memantau prestasi pengurusan perolehan di peringkat Jabatan/ Badan Berkunun/ Agensi dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya. Sepanjang tahun 2021, UAD telah menjalankan empat pengauditan perolehan seperti berikut:

BIL.	TAJUK PENGAUDITAN	TARIKH LAPORAN
1.	Projek PRE Bantuan Perkakasan dan Peralatan Peranti Pengumpulan Ikan (UNJAM) dan Bantuan Kabin Fisheries Transformation Centre (FTC).	3 Ogos 2021
2.	Program Penyelenggaraan serta Pembaikan Empangan (MADA) (Pedu, Muda dan Ahning), Operasi Tali air dan Bangunan Ibu Pejabat MADA dan Penyelenggaraan Struktur Utama Saliran dan Stesen Telemetri.	6 September 2021
3.	Program Menaiktaraf dan Tambah Hayat Mekanisme Ladang Sedia Ada di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	5 Oktober 2021
4.	Pengurusan Perolehan PRE 2020 bagi Kolej Pertanian Malaysia <ul style="list-style-type: none"> • Menaiktaraf Kemudahan Rekreasi di Sekitar Tebing Sungai dan Depan Sungai • Memasang Sistem Solar di Bangunan Pentadbiran dan PKP • Menaiktaraf Serta Baikpulih 4 Bangunan Asrama dan Bilik Rekreasi • Penyelenggaraan Lantai Bumbung Bangunan (Waterproofing) di Bangunan Pentadbiran dan PKP. 	11 November 2021



Lawatan Fizikal Semasa Pengauditan Perolehan Dijalankan



PENGAUDITAN ICT

UAD telah melaksanakan Pengauditan ICT terhadap pengurusan perolehan ICT untuk dibangkitkan kepada pengurusan atasan Kementerian. Pada tahun 2021, sebanyak satu pengauditan ICT telah dilaksanakan melibatkan Jabatan di bawah Kementerian iaitu Pengauditan Perolehan Komputer Secara Sewaan Untuk Tempoh 3 Tahun di Jabatan Pertanian.

PENAMPILAN AUDIT

Penampilan Audit adalah satu pendekatan audit yang meliputi penyemakan dan pemeriksaan yang dijalankan bagi tempoh semasa. Semakan dijalankan terhadap borang hasil dikawal, hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga yang disimpan oleh PTJ/PK supaya diuruskan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa serta wujud pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan/Perkhidmatan. Selain daripada semakan dokumen, lawatan dan tinjauan terhadap aktiviti dan operasi Kementerian/Jabatan juga dilaksanakan semasa Penampilan Audit. Tempoh untuk menjalankan Penampilan Audit adalah satu hari atau mengikut keperluan berdasarkan saiz auditi. Pengauditan dijalankan berdasarkan Garis Panduan Penampilan Audit yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara. Pada tahun 2021, Penampilan Audit

telah dilaksanakan terhadap enam PTJ/PK di bawah Kementerian dan Jabatan seperti berikut:

1. Bahagian Kejuruteraan Pertanian Serdang (DOA)
2. Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Kuala Lumpur (DOA)
3. Pejabat Taman Laut Negeri Kedah (DOF)
4. Pejabat Perikanan Daerah Langkawi (DOF)
5. Rumah Sembelih Alor Gajah (DVS)
6. Rumah Sembelih Bentong (DVS)

Penampilan Audit yang dilaksanakan adalah meliputi Kawalan Pengurusan dan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Perolehan, Kawalan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor dan Kawalan Kenderaan.

PENGAUDITAN KHAS

UAD telah melaksanakan Pengauditan Khas terhadap pengurusan Aset Hidup untuk dibangkitkan kepada pengurusan atasan Kementerian. Pada tahun 2021, sebanyak tiga (3) pengauditan khas telah dilaksanakan melibatkan Jabatan di bawah Kementerian, seperti berikut:

1. Pengauditan Khas Terhadap Pengurusan Aset Hidup di Jabatan Pertanian Malaysia
2. Pengauditan Khas Terhadap Pengurusan Aset Hidup di Jabatan Perikanan Malaysia
3. Pengauditan Khas Terhadap Pengurusan Aset Hidup di Jabatan Perkhidmatan Veterinar



Lawatan Fizikal Semasa Pengauditan Aset Hidup

PENGAUDITAN PENGURUSAN PEMBAYARAN EMOLUMEN

UAD telah melaksanakan Pengauditan terhadap pengurusan pembayaran emolumen untuk dibangkitkan kepada pengurusan atasan Kementerian. Pada tahun 2021, sebanyak dua pengauditan emolumen telah dilaksanakan melibatkan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian, seperti berikut:

1. Pengurusan Pembayaran Emolumen di Jabatan Perikanan Malaysia
2. Pengurusan Pembayaran Emolumen di Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

PENGESAHAN DATA BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI

UAD telah melaksanakan pengesahan data baki awal aset dan liabiliti bagi MAFI dan jabatan-jabatan di bawahnya. Pengesahan dibuat bagi tempoh berakhir 31 Disember 2020 dan dikemaskini sehingga 31 Disember 2021. Pengesahan dilaksanakan terhadap tiga komponen iaitu Akaun Belum Terima (ABT), Aset Tak Alih (tanah dan bangunan) dan Aset Alih (AA).

Pengesahan dijalankan bagi memastikan data baki awal aset dan liabiliti yang disediakan oleh Bahagian Akaun, MAFI adalah tepat serta disokong dengan dokumen yang lengkap sebelum data ini dibawa masuk ke dalam Sistem Perakaunan Kerajaan.

SIASATAN DALAMAN

Pegawai di UAD MAFI juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD). Pada tahun 2021 sebanyak 2 siasatan yang melibatkan Kementerian dan Agensi.

JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit (JKA) MAFI telah ditubuhkan pada tahun 2009 selaras dengan kehendak Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 5 Mei 2009 mengenai Penubuhan Jawatankuasa Audit di Peringkat Kementerian Persekutuan dan Peringkat Kerajaan Negeri. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan dianggotai seramai 14 ahli di mana Ketua Audit Dalam bertindak sebagai Setiausaha.

Objektif penubuhan JKA MAFI ialah untuk membincangkan penemuan Audit yang dilaporkan sama ada oleh UAD MAFI atau Jabatan Audit Negara serta memastikan tindakan preventive dan corrective telah dilaksanakan oleh pihak pengurusan supaya kelemahan yang dilaporkan dapat diperbetul dan tidak berulang.

Pada tahun 2021, JKA telah mengadakan mesyuarat sebanyak tiga kali iaitu Sukuan Keempat Tahun 2020, Sukuan Pertama Tahun 2021 serta Sukuan Kedua dan Sukuan Ketiga Tahun 2021 bagi membentangkan laporan dan pemerhatian Audit. Disebabkan kekangan Covid-19, Mesyuarat Jawatankuasa Audit MAFI bagi Sukuan Kedua dan Sukuan Ketiga diadakan bersekali dengan kelulusan Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK), Perbendaharaan Malaysia. Manakala Mesyuarat Sukuan keempat Tahun 2021 diadakan pada bulan Januari Tahun 2022. Butiran lanjut adalah seperti dalam Jadual berikut.

BILANGAN MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT

BIL.	MESYUARAT JKA	TARIKH MESYUARAT	TARIKH MINIT JKA DIHANTAR KE PERBENDAHARAAN	BILANGAN LAPORAN DIBENTANG
1.	Sukuan Keempat Tahun 2020	07/01/2021	14/01/2021	2
2.	Sukuan Pertama Tahun 2021	15/04/2021	16/04/2021*	1 (gabungan 9 laporan pengauditan Akaun Amanah)
3.	Sukuan Kedua dan Ketiga Tahun 2021 (digabung dengan kelulusan Perbendaharaan Malaysia)	05/10/2021	14/10/2021	3
4.	Sukuan Keempat Tahun 2021	06/01/2022	12/01/2022	2



Mesyuarat JKA MAFI yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MAFI

TINDAKAN PENGURUSAN KE ATAS LAPORAN AUDIT

Bagi aktiviti pengauditan tahun 2021, sebanyak 19 Laporan Audit telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak empat laporan telah dijawab dalam tempoh sebulan. Manakala enam laporan lagi dijawab dalam tempoh melebihi sebulan. Selain itu, terdapat empat laporan yang tidak memerlukan maklum balas daripada audit kerana tiada isu berbangkit dan lima laporan yang masih belum menerima maklum balas

daripada auditi. UAD telah mengambil tindakan mengeluarkan surat peringatan terhadap auditi yang lewat memberikan maklum balas terhadap pemerhatian auditi. Kedudukan 19 Laporan Audit yang dikeluarkan dan maklum balas yang diterima daripada auditi sepanjang tahun 2021 adalah seperti dalam Jadual berikut:

JADUAL 1: MAKLUM BALAS AUDITI UNTUK PENGAUDITAN TAHUN 2021

BIL.	PERKARA	LAPORAN AUDIT	
		BILANGAN	PERATUS (%)
1.	Maklum Balas Diterima Dalam Tempoh Sebulan	4	21
2.	Maklum Balas Diterima Dalam Tempoh Melebihi Sebulan	6	32
3.	Laporan Yang Tidak Memerlukan Maklum Balas	4	21
4.	Laporan Yang Belum Menerima Maklum Balas	5	26
JUMLAH		19	100

PERANAN DAN SUMBANGAN UNIT AUDIT DALAM

Salah satu peranan UAD adalah memberikan khidmat nasihat dan pandangan mengenai kawalan dalaman dan amalan terbaik (best practises). Selain menjalankan tugas hakiki di UAD, pegawai UAD juga memberikan sumbangan dan terlibat dengan pelbagai aktiviti/kegiatan Kementerian pada tahun 2021. Berikut adalah antara gambar-gambar penglibatan pegawai audit dalam aktiviti/kegiatan sepanjang tahun 2021.



Mesyuarat Ketua Audit Dalam MAFI bersama Ketua Pengarah Audit Dalam Agensi di bawah MAFI



Majlis Perpisahan Pegawai UAD MAFI



Sambutan Raya UAD MAFI



Aktiviti Riadah dan Sosial UAD MAFI

UNIT DIBAWAH KETUA SETIA



UNIT INTEGRITI

AUSAHA

MEMPERKUKUH BUDAYA INTEGRITI

Pada tahun 2021, Unit Integriti (UI) MAFI telah mengerakkan pelbagai aktiviti dan program penerangan serta peningkatan kesedaran terhadap budaya kerja berintegriti dalam perkhidmatan selain advokasi mengenai pencegahan jenayah rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan. Pelaksanaan aktiviti pematuhan, pengesanan dan pengesahan melibatkan semakan SOP, manual kerja dan peraturan yang diguna pakai oleh warga perkhidmatan di bawah MAFI turut menjadi agenda UI sepanjang tahun 2021.

Meskipun wabak Covid-19 masih belum reda, membujur lalu melintang patah UI konsisten meneruskan kelangsungan amanah terhadap memperkasa budaya integriti di kementerian ini. Patah sayap bertongkat paruh, UI telah melaksanakan program-program yang berikut:

- 1) Pelancaran Kalam Anti Rasuah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) 2021-2025 atau singkatannya KARMA 2021-2025 yang merupakan



2) Menyusul daripada program tersebut, UI berusaha membudayakan integriti dalam perkhidmatan awam melalui fungsi pengukuhan integriti dengan menganjurkan beberapa siri ceramah peringkat MAFI seperti yang berikut:

- i. Ceramah Integriti Secara Dalam Talian bertemakan "Pembentukan Keluarga Sakinah Melalui Integriti" melalui FB Live pada 26 Februari 2021 di Business Development Centre (BDC), MAFI. Pengisian dalam siri ini disampaikan oleh Ustazah Yuhanis binti

Mohd. Yusop dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), yang memberi penekanan peranan sikap berintegriti dalam mewujudkan atmosfera keluarga yang bahagia.

- ii. Ceramah Integriti bertajuk Tajuk: "Integriti: Pengubat Luka, Penawar Jiwa" pula meyusul pada 24 Mac 2021 di Dewan Serbaguna, MAFI sempena Israk Mikraj 1442H yang menampilkan YBrs. Dr. Haji Mohd. Farid Ravi bin Abdullah (Pensyarah Kanan, KUIS) sebagai penceramah. Program ini berjaya mengumpulkan

satu pelan yang dibangunkan khusus dalam usaha memerangi rasuah, meningkatkan tadbir urus dan integriti di peringkat kementerian.

Pelancaran ini disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Ronald Klandee sempena Majlis Amanat YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan Tahun 2021 pada 11 Januari 2021.

Majlis Amanat ini turut dihadiri oleh kira-kira 200 jemputan yang terdiri daripada Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Agensi, Ketua Pengarah Jabatan, Setiausaha Bahagian, Ketua Pengarah Eksekutif Agensi dan Ketua-ketua Unit di bawah MAFI. KARMA 2021-2025 menggariskan sebanyak 48 pelan tindakan dalam menangani rasuah, salah laku dan integriti untuk dilaksanakan dalam tempoh 2021 sehingga 2025.

Kesemua pelan tindakan yang disenaraikan perlu dilaksanakan oleh bahagian dan unit yang berkenaan mengikut daftar risiko yang telah dikenalpasti.



Gambar 1 YBrs. Dr. Haji Mohd. Farid Ravi bin Abdullah menyampaikan ceramahnya



Gambar 1 YBrs. Dr. Haji Mohd. Farid Ravi bin Abdullah menyampaikan ceramahnya

200 peserta dari ibu pejabat dan agensi di bawah MAFI.

- iii. Ceramah Integriti pada 7 April 2021 di Dewan Serbaguna, MAFI sempena kehadiran Ramadan 1442H dengan tajuk "Ku Cari Damai di Hati" yang disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail Al-Qudsy yang merupakan Pensyarah Kanan, Universiti Malaya. Program ini merupakan program kerjasama antara UI MAFI dengan Yayasan Wakaf Malaysia dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ).



Gambar 3 Ustazah Hidayah dari PPZ mengemudikan ceramah yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail Al-Qudsy

3) UI MAFI menerusi Seksyen Tadbir Urus pula telah mengadakan satu sesi Khidmat Nasihat Tadbir Urus bersama IADA Kemasin Semerak, Kota Bahru Kelantan pada 31 Oktober sehingga 2 November 2021 yang lalu bagi mengadakan siri perbincangan dan mendapatkan syor khidmat nasihat bagi menangani isu yang berbangkit.

Antara skop yang difokuskan dalam sesi tersebut ialah amalan yang dipraktikkan, dan mengenalpasti jurang serta risiko dalam sistem dan tatacara yang perlu ditambah baik serta wajar ditangani bagi

mengurangkan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan daripada berlaku.

Hasil daripada sesi tersebut, satu dokumen aku janji telah ditandatangani oleh Pengarah IADA KS dan KUI MAFI sebagai ikatan komitmen pelaksanaan syor-syor yang dipersetujui bagi tempoh selama 6 bulan dan satu isu telah dipanjangkan untuk perbincangan dalam Mesyuarat JAR Peringkat MAFI sebagai usaha mendapatkan penyelesaian di peringkat Kementerian.



Gambar 4 Sesi soal jawab semasa Khidmat Nasihat Tadbir Urus bersama IADA Kemasin Semerak, Kota Bahru Kelantan

4) Berikutan pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mei 2021, UI mengubah pendekatan pelaksanaan program pembudayaan integriti ini menggunakan medium dalam talian. Berikut adalah beberapa siri program yang telah dianjurkan melalui platform FB Live MAFI:

- i. Bicara Integriti bertajuk Gangguan Seksual: "Takkan Gurau Pun Tak Boleh?" pada 27 Julai 2021 yang menampilkan peguam Puan Nor Zabetha. Program julung-julung kali ini berjaya mengumpul seramai 166 penonton dalam talian.
 - ii. Bicara Integriti dengan memaparkan isu "Keterhutangan Yang Serius: Salahkah?" pada 17 Ogos 2021 pula telah disampaikan oleh wakil dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Puan Eizan Azura binti Zainudin.
 - iii. Bicara Integriti dengan tema motivasi kerja telah dijayakan pada 14 September 2021. Penceramah selebriti, Ustaz Ilyas Ismail telah menyampaikan pesan melalui tajuk "Balik-balik, saya!" dalam siri ini. Siri ini dilaksanakan dengan kerjasama rakan strategik UI, iaitu Bank Islam.
- 5) UI MAFI adalah antara pengguna modul Kursus Smart Integriti yang dibangunkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Hal ini memudahkan kerjasama UI untuk mengajurkan kursus

tersebut di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi pada 5 hingga 6 Oktober 2021 secara dalam talian.

Program ini berjaya mengumpulkan seramai 40 peserta dari seluruh bahagian dan agensi di bawah MAFI, yang konsisten mengikuti kursus ini di lokasi masing-masing. Respons peserta masing-masing teruja untuk menyertai kursus ini versi fizikal jika ia dilaksanakan pada tahun mendatang.

6) Salah satu fungsi dalam UI MAFI ialah melaksanakan program sempena hari kebesaran Islam. Buat julung kalinya, UI MAFI menganjurkan program Aspirasi Integriti sempena Sambutan Maulidur Rasul SAW 1443H/2021M Peringkat MAFI secara dalam talian.

Program ringkas ini dimulakan dengan ucapan daripada YBhg. Datuk Ketua Setiausaha MAFI dan diikuti dengan bacaan selawat yang dipimpin oleh Ustaz Mohamad Zarifi Mohamad Daud dari JAKIM, selaku penceramah yang dijemput untuk menyampaikan *ibrah* bertajuk Rasulullah SAW Teladan Integriti. Majlis ini disiarkan secara langsung melalui Facebook rasmi MAFI.



Gambar 5 Ketua Unit Integriti, Tuan Azmin Yusoff sedang mengikuti ceramah Ustaz Mohamad Zarifi secara dalam talian.



Gambar 6 Urus setia sedang memaparkan ucapan YBhg. Dato' Haslina untuk alu-aluan program Aspirasi Integriti sempena Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat MAFI.

7) Program UI MAFI menutup tirai dengan pelawaan program kerjasama daripada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) pada 1 Disember 2021 untuk mengadakan program Kuliah Dhuha sempena Kempen Benci Rasuah secara dalam talian. Kuliah Dhuha yang disampaikan oleh Dr. Syed Shahridzan dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan ini bertajuk "Nikmat Kerja, Rezeki Berkat".



8) Sebanyak 31 poster hebahan integriti telah di-e-melkan kepada warga MAFI. Hebahan ini merupakan salah satu kaedah UI memberikan pengukuhan berkenaan nilai integriti yang menjadi teras dalam perkhidmatan awam. Isu yang menjadi topik hebahan adalah seperti yang berikut:

Bil	Tajuk Poster	Tarikh Hebahan
1.	Bekerja Dari Rumah Selama Tempoh PKP	20 Januari 2021
2.	Makluman: PKP 2.0 dilanjutkan berkuatkuasa 5 Feb – 18 Feb 2021	3 Februari 2021
3.	Bersabarlah Atas Ujian, Kerana Allah Sayang Kepadamu	11 Februari 2021
4.	Kesalahan Rasuah Menurut Akta SPRM 2009	18 Februari 2021
5.	Keterhutangan Yang Serius (Tatakelakuan dan Tatatertib 1993)	19 Mac 2021
6.	Patuhi Waktu Bekerja Yang Ditetapkan (Peraturan 5, Perintah Am Bab G, Waktu Bekerja dan Lebih Masa)	9 April 2021
7.	Bolehkah Penjawat Awam Menerima Hadiah dalam Musim Perayaan? (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1998)	5 Mei 2021
8.	Larangan Rentas Negeri & Daerah- Bagi mana-mana Penjawat Awam yang ingkar arahan yang sedang berkuatkuasa, boleh dikenakan Tindakan sehingga dibuang kerja (Peraturan 4, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) P.U.A(395)1993	10 Mei 2021
9.	Pastikan sentiasa mematuhi arahan yang sedang berkuasa sepanjang tempoh PKP	25 Mei 2021

10.	Semak Sebelum Sebar- Hentikan Penyebaran Berita Palsu	27 Mei 2021
11.	Apabila Bekerja – Bekerjalah seolah-olah Akan Hidup Selama-lamanya	31 Mei 2021
12.	Sebaik-baik Kerja Yang Dilaksanakan Dengan Sesungguh Hati, Walaupun Manusia Tidak Hargai, Allah Tetap Beri Pahala	3 Jun 2021
13.	Gangguan Seksual Adalah Jenayah (Peraturan 4A, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) P.U.A (395) 1993	18 Jun 2021
14.	Kekalkan Integriti Ketika Bekerja Dari Rumah	21 Jun 2021
15.	Syukur dan Sabar – Diuji Tanda Kita Masih Hidup dan Selagi Bernyawa, Hidup Akan Ada Naik dan Turunnya, Sama Seperti Nafas Kita	30 Julai 2021
16.	Anda Pengguna Media Sosial?- Jaga Perkataan (Seksyen 211 Akta Komunikasi dan Multimedia Melarang Sebarang Bentuk Kandungan Yang Sumbang, Lucuh, Palsu, Mengancam atau Jelik Sifatnya Dengan Niat Untuk Mengacau, Mencaci, Mengugut atau Mengganggu Mana-mana Orang	4 Ogos 2021
17.	Bekerja Dari Rumah (BDR)? – Warga MAFI Kekal Berintegriti: Kekal Berada Di rumah Sepanjang Waktu Bekerja Dan Pastikan Sentiasa Dapat Dihubungi	5 Ogos 2021
18.	Larangan Penyalahgunaan Dadah – (Perkara 7(1) Dan (2), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)	9 Ogos 2021
19.	Penjawat Awam Tidak Boleh Berada Di dalam Keterhutangan Yang Serius: Pastikan potongan gaji tidak melebihi 60% daripada emolumen bulanan	19 Ogos 2021
20.	Tidak Melibatkan Diri Dalam Sebarang Perlakuan Yang Boleh Ditafsirkan Sebagai: Tidak Menzahirkan Taat Setia Kepada Yang Dipertuan Agong, Negara dan Kerajaan	23 Ogos 2021
21.	Integrity Is Doing The Right Thing When No One Is Watching	26 Ogos 2021
22.	Kekal Bermaruah Tolak Rasuah!	30 Ogos 2021
23.	Hadiyah boleh jadi rasuah.	2 September 2021
24.	Jangan Ponteng Kerja	7 September 2021
25.	Jangan jadi agen rasuah	26 Oktober 2021
26.	Pegawai MAFI wajib melengkapkan imunisasi Covid-19	1 November 2021
27.	Kewajipan mengisyiharkan harta	3 November 2021
28.	Menjiwai nilai kerja sebagai ibadah	8 November 2021
29.	Rahsiakan rahsia kerajaan	12 November 2021
30.	Larangan terlibat dengan dadah dan ketum	15 November 2021
31.	Pukul 9 pagi, anda di mana?	25 November 2021



UNIT DIBAWAH KETUA SETIA



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AUSAHA

SEKSYEN ADUAN

Jumlah keseluruhan aduan yang diterima pada tahun 2021 adalah sebanyak 577. 13 daripada jumlah aduan tersebut adalah berkenaan pelbagai jenis cadangan penambahbaikan bagi perkhidmatan oleh Jabatan/Agensi MAFI. 344 daripada aduan pula adalah berkenaan Maklumbalas/Aduan pelanggan. Aduan yang diterima ini disaring kepada Jabatan/Agensi dan berjaya diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi tiga hari bagi hari bekerja. Akhir sekali, sebanyak 220 Pertanyaan yang diterima oleh kementerian bagi tahun 2021, semua pertanyaan ini juga turut diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi tiga hari bagi hari bekerja.

BIL	JENIS MAKLUMBALAS	JUMLAH
1	CADANGAN	13
2	MAKLUMBALAS / ADUAN	344
3	PENGHARGAAN	0
4	PERTANYAAN	220
JUMLAH KESELURUHAN		577

PROGRAM-PROGRAM MELIBATKAN PENGURUSAN TERTINGGI MAFI



Program Kerjasama Strategik bersama KPDNHEP dan Petronas Dagangan Berhad (PDB)
7 Januari 2021



Flag Off Misi Bantuan Banjir MAFI PRIHATIN
21 Januari 2021



Sesi Pelancaran Teknologi ISR Pisang
18 Februari 2021



Sesi Menandatanganin Memorandum Persefahaman (MOU) Projek Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di antara MAFI dan Syarikat Peneraju
23 Februari 2021



Pemantauan Tukun Rig to Reef Pulau Kapas, Terengganu
7 Mac 2021



Majlis Pelancaran Agro Youth Entrepreneurship Scheme (Agro Yes)
18 Mac 2021



Majlis Perasmian Persidangan Buah-buhan Kebangsaan 2021
6 April 2021



Flag Off Harumanis ke Sabah
30 April 2021



Program My Best Buy Aidilfitri
3 Mei 2021



Webinar Jaminan Keselamatan Bekalan Makanan
27 Mei 2021



MAFI Prihatin Kempen Lebihkan Makan Buah-buhan dan Sayur-sayuran Tempatan
19 Jun 2021



Tinjauan Loji Pemprosesan Sarang Burung Walet PT Swift Marketing
21 Januari 2021



Jom Bertani Daerah Beluran (Tanaman Cili & Halia)
10 Julai 2021



Simposium Ruminan 2021
27 Julai 2021



Majlis Penyerahan Geran Agropreneur Muda 2021
19 Ogos 2021



Selamat Pagi Malaysia : Program Vaksinasi Aivac MAFI
23 Ogos 2021



Lawatan Program Pendaratan Tuna di Pulau Pinang
9 September 2021



Program Walkabout YBM MAFI ke Cameron Highlands, Pahang
18 September 2021



Lwatan Kerja TKSU (P) MAFI ke Negeri Perak Sempena
Pengoperasian Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN)
7 Oktober 2021



Majlis Penyerahan Rice ATM, antara Syarikat PHGLOCK Vietnam
kepada Kerajaan Malaysia
13 Oktober 2021



Majlis Pelancaran e-Agro
1 November 2021



Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara MARDI
dengan University College Bestari (UCB) di Setiu, Terengganu
29 November 2021



SEKSYEN PENERBITAN DAN MEDIA KREATIF


SIDANG REDAKSI

Penaung :	YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
Ketua Editor :	ENCIK MOHAMMAD EZRI BIN SHAMSUDDIN
Editor :	PUAN SALMAH BINTI RAMLI
Pembantu Editor :	PUAN NURIL MUTMAINNAH BINTI ROSLAN PUAN ZURIA BINTI BAKERI PUAN SARI NOR AMRIYAH BINTI MUHAMMAD ISA PUAN SAIYASWARY A/P SURNARAYANA
Reka Grafik :	PUAN SURAIYA HANI BINTI ZAMARI
Jurufoto :	ENCIK MOHD NAJIB BIN ABDUL JABAR

PEGAWAI PENYELARAS BLT 2021

1. Puan Nurul Awatif Hanani binti Hazarudin
2. Puan Noor Ashikin binti Rasid
3. Puan Nurulhuda binti Alwi
4. Puan Nor Aiffa Wahyu binti Abu Bakar
5. Puan Nur Akidah binti Amirudin
6. Puan Amirah Hazwani binti Ismail
7. Puan Noorlaili binti Md Noor
8. Puan Nurmazatul Najmiah binti A Razap
9. Encik Isyamuddin bin Ahmad
10. Encik Muhammad Zhariff bin Noh
11. Encik Chai Chuan Jian
12. Encik Ibrahim Irham bin Mohd Padil
13. Puan Wan Nor Haslina binti Wan Semail @ Wan Ahmad
14. Encik Mohd Khairil Izwan bin Ahmad
15. Puan Norazlin binti Hussin
16. Puan Herni Suhaida binti Rohim
17. Puan Nik Norwati binti Nik Harun
18. Puan Rosaiyu binti Idris
19. Puan Suzana binti Mohamed Ali
20. Puan Maimon binti Majid
21. Puan Helena binti Mohamad
22. Puan Nur Parisah binti Pauzi
23. Encik Muhammad Yusuf bin Hashim
24. Encik Nur Ikhram bin Mohd Nor
25. Puan Siti Fairus binti Ismail
26. Puan Ruziah binti Rujang
27. Puan Adilah binti Azizan
28. Puan Noraini Binti Mohd Yusof
29. Encik Muhammad Hazam Bin Hajanan
30. Puan Siti Nurul Syazwani binti Zainal Abidin
31. Encik Mohammad Noor Akmal bin Mat Isa
32. Puan Rohaya binti Ahmad
33. Puan Hazlin Arini binti Kamaruddin
34. Puan Nur Suhaila binti Sallehuddin
35. Encik Shafiq bin Rosli
36. Encik Idris bin Hasyin





**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN**

Blok 4G1 Wisma Tani, No.28 Persiaran Perdana,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, 62624 Putrajaya Malaysia

Telefon : 03-8870 8000

Faks : 03-8888 6906

